

**TAHAP KEFAHAMAN PELANGGAN BANK MUAMALAT  
INDONESIA CAWANGAN BANDA ACEH  
TERHADAP AKAD MUDHARABAH**

**ISKANDAR**

**JABATAN SYARIAH DAN PENGURUSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

**TAHAP KEFAHAMAN PELANGGAN BANK MUAMALAT  
INDONESIA CAWANGAN BANDA ACEH  
TERHADAP AKAD MUDHARABAH**

**I S K A N D A R**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH  
BAHAGIAN II (SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN PENGURUSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2013**

## ABSTRAK

Kefahaman dan pengetahuan pelanggan terhadap produk mudharabah dalam perbankan sangat diperlukan oleh semua pengguna. Hal ini sangat penting untuk meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap produk pada Bank Muamalat Indonesia. Tahap kefahaman terhadap akad mudharabah juga perlu diketahui, kerana akad ini melibatkan dua pihak dalam sebuah perniagaan yang dapat menimbulkan risiko dalam menjalankan perniagaan untuk mendapatkan keuntungan. Ketidakefahaman pelanggan terhadap sesebuah akad akan mendatangkan kemungkinan timbulnya perselisihan faham yang akan berpengaruh kepada perniagaan yang sedang atau akan dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui profil pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, membahas dan mengenal pasti tahap kefahaman pelanggan mengenai akad mudharabah, mengkaji dan menerangkan kaitan antara kefahaman dengan perselisihan, dan mengenal pasti cara penyelesaian yang perlu dilakukan sekiranya terjadi perselisihan faham di antara pelanggan dengan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Kajian ini merupakan kajian lapangan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dalam mendapatkan data. Hasil yang didapati akan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Teknik pengumpulan data dilakukan dengan mengedarkan borang soal selidik (*questionnaire*). Sampel kajian adalah pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh yang mempunyai produk dengan akad mudharabah. Pengambilan sampel pada kajian ini menggunakan teknik pensampelan kebarangkalian (*Probability Sampling*) dengan jenis pensampelan rawak mudah (*Simple Random Sampling*). Kaedah analisis yang digunakan adalah analisis statistik deskriptif, dan analisis statistik inferensi. Kajian ini mendapati bahawa responden lebih ramai yang berlanggan produk simpanan Tabungan Muamalat iaitu sebanyak 79.4% peratus. 57% pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh telah faham mengenai akad mudharabah. Manakala kaitan tahap kefahaman akad mudharabah dengan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham mendapati adanya hubungan positif kecil di antara kedua pemboleh ubah, dengan skor  $r=0.031$  pada tahap kepercayaan 95%. Perselisihan yang terjadi di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, kebanyakan berlaku pada produk pembiayaan. Perselisihan faham yang terjadi di antara perbankan dengan pengguna akan diselesaikan dengan tiga cara, iaitu: dengan perdamaian (*sulh*), arbitrase, dan dengan peradilan/mahkamah.

## ABSTRACT

The understanding and knowledge of mudharabah products in banking sectors are much needed by all customers. It is very important to improve customer's satisfaction of products in Bank Muamalat Indonesia. The level of understanding of the mudharabah contract also must be understood, because this contract involves two parties in a business that could pose a risk of doing business for profit. Customer's misunderstanding of a contract will bring potential conflicts that will affect the business which is being or will be committed in the future. This study aimed to determine the customer's profile, discuss and identify the level of understanding of the contract mudharabah, examine and explain the link between understanding and the dispute, and to identify the solution that needs to be given when there is misunderstanding between the customer and Bank Muamalat Indonesia branch of Banda Aceh. This study is a field research using quantitative approach in collecting data. The results obtained will be analyzed by applying SPSS software. The data collection technique was done by distributing questionnaires to the respondents. The respondents of the study were customers of Bank Muamalat Indonesia branch of Banda Aceh that base on the product of mudharabah contract. The sampling of this study is using Simple Random Sampling. The analysis methods used are descriptive and inferential statistical analysis. The study found that there are more respondents who subscribed to Tabungan Muamalat saving products at 79.4% percent. 57% of customer's Bank Muamalat Indonesia branch of Banda Aceh understood about mudharabah contract. Meanwhile the relationship between understanding of mudharabah among customers and customers understanding towards sources of conflicts is small positive relationship between the two variables, with a score of  $r=0.031$  at 95% confidence level. The disputes in Bank Muamalat Indonesia branch of Banda Aceh mostly occur among loan products. Disputes which may arise between the consumer and banking will be resolved in three ways, namely: conciliation (*sulh*), arbitration, and judicial /court.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur alhamdulillah, penulis ucapkan ke hadirat Allah SWT kerana hanya atas hidayah-Nya penyusunan disertasi ini telah dapat diselesaikan, dan tak lupa pula selawat beriringan salam kepada Nabi Besar Muhammad SAW yang telah menghantar manusia dari alam kegelapan ke alam yang penuh dengan ilmu pengetahuan. Disertasi dengan tajuk “*Tahap Kefahaman Pelanggan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Banda Aceh Terhadap Akad Mudharabah*” penulis sediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Syariah Bahagian II di Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur.

Kelancaran penulisan disertasi ini tidak terlepas daripada bimbingan para pensyarah dan bantuan dari pelbagai pihak. Untuk itu, penulis tidak lupa mengucapkan terima kasih yang sebesar-besarnya kepada:

1. Dr. Ilhaamie binti Abdul Ghani Azmi, sebagai penyelia pertama, dan Dr. Azian bin Madun, sebagai penyelia kedua, serta Ketua Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
2. Para pensyarah di Jabatan Syariah dan Pengurusan APIUM, atas kursus dan bimbingan yang diberikan serta kepada staf pentadbiran Jabatan Syariah dan Pengurusan APIUM.
3. Ayahanda H. Ibrahim Bin Mahmud dan Ibunda Syarifah Binti Aji, semoga Allah SWT selalu melimpahkan rahmat dan kasih sayang-Nya, Amin Yarabal’alamin, serta kakanda Bang Din, Bang Hasbi, Bang Jurhan, Kak Mardhiah, Kak Ati, dan

adinda Zulkifli, yang telah banyak memberikan sokongan kepada saya. Semoga Allah memberikan kebaikan dan hidayah kepada kita semua, Amin

4. Pengerusi Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh berserta staf dan khasnya kepada pengetua.
5. Rakan-rakan mahasiswa Jabatan Syariah dan Pengurusan APIUM sesi 2010-2011, atas sokongan dan kritikan dalam penyusunan disertasi ini.
6. Rakan-rakan karib yang telah banyak menyokong saya Iqbal, SHI, M.Sh, Bang Faisal, Msc.Eng, Bang Muhammad Abdul Samad, Nurul Asyura, Dara Adila, Syarifah Mirazona, Bang Muhammad, Msc.Eng, Bang Munawar, Abdul Malik Badeges, dan yang lainnya yang tidak mungkin saya sebutkan satu persatu.
7. Semua pihak yang tidak dapat penulis senaraikan satu-persatu, yang telah banyak membantu penulis dalam menyelesaikan tugas ini hingga selesai.

Penulis sedar bahawa disertasi ini masih banyak terdapat pelbagai kekurangan, untuk itu saranan dan kritikan yang konstruktif sangat penulis harapkan untuk kesempurnaannya. Semoga disertasi ini dapat memberi manfaat bagi penulis sendiri dan bagi semua pihak.

Kuala Lumpur, 30 November 2012

**ISKANDAR IBRAHIM**

Email: iskandar.lon@gmail.com

Jln. Banda Aceh – Medan, Lr. TM. Zein

Gampong Aceh, Idi Rayeuk, 24454

Kab. Aceh Timur, Aceh-Indonesia.

## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
HALAMAN JUDUL	
ABSTRAK .....	iv
ABSTRACT .....	v
PENGHARGAAN .....	vi
ISI KANDUNGAN .....	viii
SENARAI JADUAL .....	xi
SENARAI RAJAH .....	xiii
SENARAI SINGKATAN .....	xiv
SENARAI TRANSLITERASI .....	xv

### BAB I : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Latar Belakang Kajian .....	1
1.3 Permasalahan Kajian.....	6
1.4 Persoalan Kajian .....	8
1.5 Objektif Kajian.....	8
1.6 Kepentingan Kajian .....	9
1.7 Skop Kajian.....	10
1.8 Huraian Istilah.....	10
1.9 Kajian Lepas .....	15
1.10 Sistematika Kajian .....	21
1.11 Kesimpulan .....	22

### BAB II : TEORI AKAD MUDHARABAH DAN APLIKASI DALAM SISTEM

#### PERBANKAN DI INDONESIA

2.1 Pengenalan .....	24
2.2 Sejarah Kewujudan Perbankan Islam di Indonesia.....	25
2.2.1 Sejarah Bank Muamalat Indonesia .....	25
2.2.2 Asas dan Dasar Hukum .....	28

2.2.3 Mekanisme Operasional .....	30
2.3 Akad Perjanjian dalam Hukum Islam .....	32
2.3.1 Rukun dan Syarat Akad .. .....	34
2.3.2 Pembahagian Akad .....	42
2.3.3 Penamatan Akad .....	44
2.3.4 Penyelesaian Perselisihan Faham.....	44
2.4 Akad Mudharabah.....	47
2.4.1 Pengertian Mudharabah .....	47
2.4.2 Landasan Hukum Mudharabah .....	50
2.4.3 Pelaburan Mudharabah .....	54
2.4.4 Bentuk Mudharabah .....	60
2.5 Perkongsian Keuntungan .....	63
2.6 Praktik Mudharabah di Bank Muamalat Indonesia.....	68
2.7 Kefahaman Pelanggan Terhadap Perbankan Islam.....	71
2.8 Kesimpulan .....	74

### **BAB III : METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan .....	76
3.2 Kaedah Kajian.....	76
3.3 Justifikasi Pemilihan Lokasi .....	77
3.4 Sumber Data.....	78
3.5 Kaedah Pengumpulan Data .....	79
3.5.1 Kajian Perpustakaan ( <i>Library Research</i> ) .....	79
3.5.2 Kajian Lapangan ( <i>Field Research</i> ).....	80
3.6 Pra Ujian ( <i>Pre-test</i> ).....	83
3.7 Ujian Kebolehpercayaan ( <i>Reliability Test</i> ).....	84
3.8 Populasi dan Pensampelan .....	86
3.8.1 Populasi .....	86
3.8.2 Kaedah Pensampelan .....	86
3.9 Kaedah Analisis Data.....	88
3.10 Kesimpulan .....	90



## **BAB V : DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA**

4.1 Pengenalan .....	91
4.2 Profil Responden.....	91
4.2.1 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk dan Jantina .....	92
4.2.2 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk dan Umur.....	94
4.2.3 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk dan Pendidikan .....	95
4.2.4 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk dan Pekerjaan.....	97
4.2.5 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk dan Pendapatan .....	98
4.2.6 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk dan Tempoh Berlanggan .....	99
4.3 Persepsi Responden Terhadap Produk Bank Muamalat Indonesia.....	101
4.4 Kefahaman Responden Terhadap Akad Mudharabah.....	105
4.5 Kefahaman Responden Terhadap Nisbah Pembahagian Keuntungan .....	110
4.6 Perselisihan Faham di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh..	114
4.7 Analisis Data Tahap Kefahaman dan Kepuasan Responden .....	120
4.7.1 Dapatan dan Analisis Tahap Kefahaman .....	120
4.7.2 Dapatan dan Analisis Kepuasan Terhadap Pembahagian Keuntungan.....	123
4.8 Analisis Kaitan antara Kefahaman dengan Perselisihan Faham .....	124
4.9 Analisis Cara Penyelesaian Perselisihan Faham .....	127
4.10 Kesimpulan .....	129

## **BAB VI : PENUTUP**

5.1 Kesimpulan .....	131
5.2 Saranan dan Cadangan .....	136
5.3 Sumbangan Kajian .....	138

<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>139</b>
--------------------------	------------

## **LAMPIRAN-LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1	Ringkasan Kajian Lepas Tahap Kefahaman Pelanggan Bank Muamalat Indonesia terhadap Akad Mudharabah .....	21
Jadual 2.1	Perbezaan Faedah dan Pembahagian Keuntungan.....	65
Jadual 2.2	Pelaksanaan Mudharabah di Bank Muamalat Indonesia Cawangan Banda Aceh .....	70
Jadual 3.1	Klasifikasi Soal Selidik.....	81
Jadual 3.2	Pekali Saiz Cronbach's Alpha .....	85
Jadual 3.3	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan.....	85
Jadual 3.4	Bacaan Julat Pekali Korelasi.....	89
Jadual 4.2.1	Responden Mengikut Jenis produk dan Jantina.....	93
Jadual 4.2.2	Responden Mengikut Jenis produk dan Umur.....	95
Jadual 4.2.3	Responden Mengikut Jenis produk dan Pendidikan .....	96
Jadual 4.2.4	Responden Mengikut Jenis produk dan Pekerjaan .....	97
Jadual 4.2.5	Responden Mengikut Jenis produk dan Pendapatan.....	99
Jadual 4.2.6	Responden Mengikut Jenis produk dan Tempoh Berlanggan .....	100
Jadual 4.3.1	Bank Muamalat Indonesia adalah Perbankan Islam yang Pertama di Indonesia.....	101
Jadual 4.3.2	Produk Bank Muamalat Indonesia Menerapkan Sistem Syariah.....	101
Jadual 4.3.3	Sistem Pembahagian Keuntungan sesuai dengan Hukum Islam .....	102
Jadual 4.3.4	Produk Bank Muamalat Indonesia Memenuhi Keperluan Masyarakat.....	103
Jadual 4.3.5	Memiliki Pelbagai Kemudahan Dalam Produk yang Dipasarkan ...	103
Jadual 4.3.6	Produk Bank Muamalat Indonesia sesuai dengan Peraturan Majlis Ulama Indonesia (MUI).....	104
Jadual 4.3.7	Produk Bank Muamalat Indonesia Bebas daripada Faedah.....	104
Jadual 4.4.1	Hukum Mengambil Faedah Hukumnya Haram.....	105
Jadual 4.4.2	Pengharaman Faedah Ketetapan Allah Kepada HambaNya.....	106
Jadual 4.4.3	Sistem Perbankan yang Dibolehkan adalah Sistem Pembahagian Keuntungan .....	106
Jadual 4.4.4	Hukum Mudharabah adalah dibolehkan .....	107
Jadual 4.4.5	Majoriti Masyarakat Aceh Faham Hukum Mudharabah .....	108

Jadual 4.4.6 Kefahaman Responden Terhadap Kandungan Akad Mudharabah.....	108
Jadual 4.4.7 Maklumat yang Diperolehi Berkaitan Kefahaman Akad Mudharabah .....	109
Jadual 4.5.1 Pembahagian Keuntungan disebutkan dalam Bentuk Nisbah .....	110
Jadual 4.5.2 Keuntungan Dibahagi Sesuai dengan Bahagian yang ditentukan di awal akad .....	111
Jadual 4.5.3 Keuntungan Mesti Dikongsi dengan Perbankan.....	111
Jadual 4.5.4 Jumlah Bahagian Keuntungan daripada Perniagaan.....	112
Jadual 4.5.5 Akad Mudharabah Menggunakan Sistem Pembahagian Keuntungan.....	112
Jadual 4.5.6 Cara Perhitungan Pembahagian Keuntungan .....	113
Jadual 4.6.1 Perselisihan Faham Berkaitan Kefahaman Akad Mudharabah .....	116
Jadual 4.6.2 Perselisihan terjadi Kerana tidak Membaca Akad Yang Tertulis....	116
Jadual 4.6.3 Perselisihan terjadi Kerana Tidak Faham Isi Akad Mudharabah ....	117
Jadual 4.6.4 Perselisihan Faham akan diselesaikan dengan Cara Kekeluargaan .....	118
Jadual 4.6.5 Perselisihan Faham diselesaikan dengan Suluh (Perdamaian) .....	118
Jadual 4.6.6 Perselisihan Faham diselesaikan Melalui Peradilan/Mahkamah .....	119
Jadual 4.7.1a Kefahaman Pelanggan Terhadap akad Mudharabah dan Pembahagian Keuntungan.....	120
Jadual 4.7.1b Analisis Kefahaman Pelanggan Terhadap Akad Mudharabah dan Pembahagian Keuntungan.....	122
Jadual 4.7.2 Kepuasan Pelanggan Terhadap Nisbah Pembahagian Keuntungan	123
Jadual 4.8.1 Analisis Data Deskriptif Korelasi .....	125
Jadual 4.8.2 Analisis Dapatan Korelasi .....	126
Jadual 4.9.1 Penyebab Terjadinya Perselisihan Faham .....	128
Jadual 4.9.2 Cara Penyelesaian Perselisihan Faham.....	129

## **SENARAI RAJAH**

	Muka surat
Rajah 2.1 Pembahagian Keuntungan Dalam Mudharabah.....	66
Rajah4.7.1 Kefahaman Pelanggan Terhadap Akad Mudharabah .....	121
Rajah 4.7.2 Kepuasan Pelanggan terhadap Nisbah Pembahagian Keuntungan..	124

## SENARAI SINGKATAN

ATM	Automatic Teller Machine
BAMUI	Badan Arbitrase Muamalat Indonesia
BASYARNAS	Badan Arbitrase Syariah Nasional
BI	Bank Indonesia
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BMI	Bank Muamalat Indonesia
BNI	Bank Negara Indonesia
BPR	Bank Perkreditan Rakyat
DPLK	Dana Pensiun Lembaga Keuangan
DPR RI	Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia
DSN	Dewan Syariah Nasional
FGD	Focus Group Discussion
IAIN	Institut Agama Islam Negeri
ICMI	Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia
IDB	Islamic Development Bank
IDI	In Depth Interview
KPRS	Kredit Perumahan Rakyat Syariah
LKS	Lembaga Keuangan Syariah
MUI	Majelis Ulama Indonesia
MUNAS	Musyawarah Nasional
NAD	Nanggroe Aceh Darussalam
OIC	Organizational of Islamic Conference
ODR	Online Dispute Resolution
QS	al-Qur'an Surah
RM	Ringgit Malaysia
Rp	Rupiah
SAW	Sallallahu 'Alaihi Wasallam
SPSS	Statistical Package For Social Sciences
SPTF	Skim Pinjaman Tanpa Faedah
SWT	Subhanahulahu Wata'Ala
UU	Undang-undang

## SENARAI TRANSLITERASI

### A. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا, ء	a, ' (Hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	H
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	Ṣ
ض	Ḍ

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ط	T
ظ	Z
ع	'
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
ه	H
و	W
ي	Y
ة	H

### B. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
َ (Fathah)	A	قَتَاتَ	Qanata
ِ (Kasrah)	I	سَلِمَ	Salima
ُ (Dammah)	U	جُعِلَ	ju'ila

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا / ي	A	كُبْرَى / بَابٌ	bab / kubra
ي	I	وَكِيلٌ	Wakil
و	U	سُورَةٌ	Surah

### C. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَو	Aw	قَوْلٌ	Qawl
اَي	Ay	خَيْرٌ	Khayr
اُو	Uww	قُوَّةٌ	Quwwah
اِي	iy/i	عَرَبِيٌّ	‘Arabiy/i

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1. Pengenalan**

Perbankan Islam merupakan salah satu institusi kewangan yang melaksanakan kegiatan perniagaan berdasarkan prinsip syariah yang sedang hangat diperbincangkan dalam kalangan masyarakat. Sistem perbankan Islam juga merupakan salah satu komponen dalam sistem kewangan Islam selain daripada pasaran modal Islam dan insurans.

Tujuan kegiatan perbankan Islam pada umumnya tidak berbeza dengan perbankan konvensional iaitu mengutipkan dana dari masyarakat dan menyalurkan kembali dana tersebut kepada masyarakat yang memerlukannya dalam bentuk pelbagai fasiliti pembiayaan. Keuntungan yang diambil oleh perbankan daripada transaksi-transaksi yang dilakukannya. Perbankan konvensional mendasarkan keuntungannya daripada faedah dan yuran perkhidmatan, manakala perbankan Islam mendapatkan keuntungan yang berupa *mark-up* atau *profit margin*, perkongsian untung rugi (*loss and profit sharing*), dan yuran perkhidmatan.

### **1.2. Latar Belakang Kajian**

Ekonomi Islam berkembang seiring dengan berkembangnya institusi kewangan Islam. Salah satu falsafah dasar ajaran Islam dalam kegiatan muamalah seperti ekonomi dan perniagaan, iaitu larangan untuk berbuat penipuan dan kezaliman. Di antara transaksi yang dilakukan oleh seorang muslim haruslah berdasarkan di atas prinsip kerelaan di antara kedua pihak dan tidak boleh ada pihak yang menzalimi atau dizalimi. Asas daripada prinsip ini mempunyai implikasi yang sangat luas dalam bidang ekonomi dan perniagaan, termasuk dalam amalan perbankan.



Matlamat (objektif) utamanya bukanlah untuk mencapai keuntungan yang maksima melalui penghalalan segala cara melainkan dengan cara yang mendatangkan kemaslahatan atau manfaat maksima masyarakat (*social benefit maximation*). Menurut Fadillah Mansor dan Nor Azzah Kamri, objektif utama perbankan Islam ialah untuk memperkenalkan, menyubur dan membangunkan perkhidmatan dan produk perbankan berasaskan prinsip-prinsip syariah<sup>1</sup>. Tegasnya, prinsip asas perbankan Islam merangkumi aspek pengharaman sebarang bentuk riba dalam transaksi harian, urusan niaga serta perjalanan operasi perniagaan secara keseluruhannya.<sup>2</sup>

Kewujudan institusi kewangan Islam merupakan perkembangan ekonomi Islam untuk menolak sistem riba yang terdapat pada perbankan konvensional. Salah satu kritikan Islam terhadap amalan perbankan konvensional adalah tidak menggunakan prinsip keuntungan muncul bersama kos dan prinsip untung muncul bersama risiko. Dalam pembayaran bunga kredit dan pembayaran bunga deposit, tabungan dan giro, bank konvensional memberikan pinjaman dengan mensyaratkan bayaran bunga tertentu sepertimana yang telah ditetapkan dan ditentukan terlebih dahulu di awal transaksi (*fixed and predetermined rate*). Sedangkan ada di antara pelanggan yang mendapatkan pinjaman tetapi tidak mendapatkan keuntungan yang *fixed and predetermined* juga. Ini kerana dalam perniagaan selalu ada kemungkinan rugi atau untung yang jumlahnya tidak dapat ditentukan daripada awal.<sup>3</sup>

Bank konvensional menuntut untuk mendapatkan untung yang *fixed and predetermined* tetapi menolak untuk menanggung risikonya (*gaining return without being responsible for any risk*). Bank konvensional mengharapkan keuntungan daripada perniagaan, tetapi tidak bersedia menanggung biayanya (*gaining income without being*

---

<sup>1</sup> Fadillah Mansor dan Nor Azzah Kamri (2006), *Penggunaan Prinsip al-Murabahah Dalam Penawaran Instrumen Perbankan Islam* (Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. h. 69-86.

<sup>2</sup> Mark Loo (2010), Attitudes and Perceptions towards Islamic Banking among Muslims and Non-Muslims in Malaysia, *International Journal of Arts and Sciences*, Vol. 3 No.13, pp. 453-485.

<sup>3</sup> Adiwarman A. Karim (2003), *Bank Islam : Analisis Fiqh dan Keuangan*, Ed.I, Jakarta: IIIT Indonesia, h. 40.

*responsible for any expenses*). Padahal, prinsip bahawa pulangan selalu beriringan dengan risiko (*return goes along with risk*) merupakan prinsip asas dalam teori kewangan.<sup>4</sup>

Sebagai alternatif institusi kewangan Islam telah merumuskan sistem yang mengelakkan aspek-aspek negatif dari sistem bank konvensional, iaitu dengan melaksanakan sistem yang tidak berfungsi atas dasar bunga melainkan atas sistem perkongsian keuntungan atau jual beli. Dalam fiqh mu'amalah, transaksi mudharabah atau qiradh merupakan perkongsian untung rugi.<sup>5</sup>

Secara umum, para fuqaha mendefinisikan mudharabah sebagai penyerahan sejumlah modal tertentu dari seorang *sahib al mal* (pemilik dana) kepada *mudharib* (pengusaha) agar wang tersebut boleh dikendalikan dan jika ada keuntungan dibahagikan secara bersama-sama berdasarkan kesepakatan dan jika berlaku kerugian, maka ditanggung wang modal itu oleh sahib al-mal dengan syarat-syarat tertentu.<sup>6</sup>

Dalam akad mudharabah, kedua belah pihak akan berkongsi keuntungan. Nisbah pembahagian untung harus dibahagikan untuk kedua-dua pihak. Salah satu pihak tidak dibenarkan memuat turun keuntungan tanpa membahagi kepada pihak yang lain. Selain itu, bahagian keuntungan masing-masing pihak harus diketahui pada waktu dilakukan kontrak.

Akad mudharabah ini dilakukan untuk menghindari amalan riba atau faedah yang diamalkan oleh bank konvensional, seperti halnya bank syariah, bank

---

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 43.

<sup>5</sup> Mudharabah disebut juga *qiradh* atau *muqaradah*. Makna keduanya sama. Mudharabah adalah istilah yang digunakan di Iraq, sedangkan istilah *qiradh* digunakan oleh masyarakat Hijaz. Adiwarmanto A Karim (2004), *Bank Islam : Analisis Fiqih dan Keuangan*, Edisi 2, Jakarta: PT Raja Grafindo.

<sup>6</sup> Al Jaziri (1990), *Kitab al-fiqh 'ala mazahib al- Arba'ah*, Juz III, Beirut : Dar al-Fikr, h. 34.

konvensional juga memakai istilah pelaburan. Namun begitu, dalam teori dan amalnya tidak sama dengan yang amalkan oleh perbankan Islam.<sup>7</sup>

Dalam kajian undang-undang muamalah, masalah akad ('aqad) atau perjanjian (wa'ad) menduduki kedudukan utama, kerana ia merupakan cara paling penting yang digunakan untuk mendapat sesuatu maksud, terutama yang berkenaan dengan harta benda atau faedah sesuatu secara sah.<sup>8</sup>

Oleh kerana yang demikian, kedua belah pihak harus benar-benar faham isi kandungan akad tersebut sebelum dijalankan. Pihak perbankan sudah pasti mengetahui akad tersebut, akan tetapi para pelanggan belum tentu memahami sepenuhnya akad tersebut. Kefahaman kedua belah pihak dalam pelaburan ini sangat ditekankan dalam Islam, agar tidak ada pihak yang dirugikan dan tidak terjadi pertikaian di kemudian hari.

Dalam pelaksanaan akad, pelanggan mesti faham betul terhadap kandungan dari akad tersebut. Kefahaman pelanggan terhadap sistem perbankan Islam khususnya konsep akad mudharabah merupakan perkara yang amat penting bagi memajukan serta meningkatkan operasi sistem perbankan Islam. Persoalan tersebut tidak boleh dilihat sebagai sesuatu yang remeh, kerana inilah sebab di mana berlakunya isu-isu bahawa perbankan Islam dikatakan sama dengan perbankan konvensional dan sebagainya.

Seharusnya, umat Islam bukan sahaja dapat memahami perbankan Islam, tetapi mereka juga berperanan dalam memajukan perbankan Islam iaitu sebagai melaksanakan tanggung jawab mereka terhadap agama. Oleh kerana itu, kehadiran Bank Muamalat Indonesia sebagai bank pertama murni Syariah harus mendapat dokongan dari masyarakat Islam dalam menjalankan operasionalnya.

---

<sup>7</sup> Ab Mumin Ab Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 335.

<sup>8</sup> Musthafa Ahmad Az Zarka (1989), *al Fiqh fi Tsubih al Jadi*, Juz I, Beirut: Dar-al Fikr, h. 55.

Pemahaman pelanggan merupakan hal yang sangat penting dalam meningkatkan kepuasan pelanggan terhadap produk dalam perbankan Islam. Telah banyak kajian yang dilakukan untuk mengetahui kepuasan pelanggan terhadap sesebuah produk. Oleh kerana demikian, pemahaman terhadap sesebuah produk dapat dijadikan sebagai motivasi pelanggan dan meningkatkan kepuasan pelanggan.<sup>9</sup>

Perkhidmatan yang baik dalam memberikan maklumat mengenai produk dalam perbankan Islam adalah salah satu cara untuk meningkatkan kepuasan kepada pelanggan. Perkhidmatan yang baik yang dimaksudkan adalah dengan memberikan maklum balas kepada pelanggan, sehingga pelanggan merasa puas dengan perkhidmatan yang diberikan. Cara ini telah banyak dilakukan oleh syarikat-syarikat industri mahupun perbankan.<sup>10</sup>

Pemahaman yang rendah terhadap perbankan Islam disebabkan oleh kurangnya sosialisasi yang dilakukan oleh perbankan terhadap prinsip dan sistem ekonomi Islam. Dengan demikian, hal tersebut mempengaruhi persepsi dan sikap masyarakat terhadap perbankan Islam. Maka tugas penting yang harus dilakukan oleh perbankan Islam adalah meningkatkan sosialisasi sistem perbankan Islam melalui media massa yang efektif, sehingga pengetahuan dan pemahaman masyarakat mengenai perbankan Islam tidak hanya terbatas pada persoalan riba sahaja.<sup>11</sup>

Oleh kerana itu, usaha untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat tentang perbankan Islam menjadi isu strategis dalam pengembangan perbankan Islam di masa hadapan. Semakin baik pengetahuan masyarakat tentang perbankan Islam, maka

---

<sup>9</sup> Aiyub (2007). Potensi, preferensi dan perilaku masyarakat terhadap bank syariah di Nanggroe Aceh Darussalam. *Jurnal Arthavidya*, 8(2), h. 183-193.

<sup>10</sup> Khairul Anuar Mohd Ali & Suzyanty Mohd Shokory (2009), Internal Customer Satisfaction Measurement In Hospitality Industry: A Case Study On Hotel Industry In The East Coast Of Peninsular Malaysia, *Journal Of Quality Measurement And Analysis*, 5(1) h.93-10.

<sup>11</sup> Aiyub (2007), Analisis Perilaku Masyarakat Terhadap Keinginan Menabung Dan Memperoleh Pembiayaan Pada Bank Syariah Di Nanggroe Aceh Darussalam *Jurnal E-Mabis FE-Unimal*, Volume 8, Nombor 1, pp.1-17.

semakin tinggi pula kemungkinan masyarakat untuk berlanggan dengan perbankan Islam.

Dengan mengetahui pentingnya pengetahuan dan pemahaman pelanggan tentang perbankan Islam, maka Bank Muamalat Indonesia diharapkan dapat mengetahui cara untuk memenuhi keperluan dan keinginan pelanggan. Maka kajian ini dilakukan untuk mencari serta untuk mengetahui apakah para pelanggan memahami konsep akad mudharabah baik dari segi pemahaman erti akad mahupun sistem nisbah bagi hasilnya, sekaligus dalam rangka membangun sistem transaksi ekonomi yang Islamik (berkeadilan) dalam sebuah institusi kewangan.<sup>12</sup>

### **1.3. Permasalahan Kajian**

Keperluan masyarakat terhadap kewangan akan berhubung kait dengan institusi kewangan Islam, keperluan terhadap kewangan tersebut tidak dapat lari dari dua pembiayaan iaitu pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Dalam menjalankan transaksi tersebut, masyarakat memerlukan pengetahuan agar terhindar dari melakukan prinsip-prinsip yang dilarang dalam Islam. Pembiayaan ekuiti ialah jenis pinjaman di mana pelabur menjadi pemilik sebahagian perniagaan melalui modal yang diberikan, pembiayaan equiti menggunakan akad musyarakah dan mudharabah. Pembiayaan hutang ialah pembiayaan yang dilakukan oleh pelanggan untuk mendapatkan pinjaman dalam bentuk hutang, pembiayaan yang paling sering digunakan dalam perbankan adalah Bay' al-Murabahah, Bay' bi-Thaman 'Ajil (BBA), Bay' Salam, al-Ijarah, dan lain-lain.<sup>13</sup>

Selanjutnya, terbatasnya pemahaman masyarakat mengenai kegiatan usaha perbankan syariah, menyebabkan banyak masyarakat yang memiliki persepsi yang

---

<sup>12</sup> Asmai Ishak (2005), Pentingnya Kepuasan Konsumen Dan Implementasi Strategi Pemasarannya, Jurnal Siasat Bisnis, Edisi Khas JSB On Marketing, Universiti Islam Indonesia, h. 1-11.

<sup>13</sup> Ab Mumin Ab Ghani (1999), *Op Cit.*, h. 380.

kurang tepat mengenai perbankan Islam, seperti masih menganggap sama di antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Kefahaman yang rendah terhadap perbankan Islam menjadikan pelanggan hanya melangani perbankan Islam kerana persepsi perbankan Islam lebih aman daripada terjadi riba kerana perbankan Islam menggunakan nama atau istilah “Islam”.<sup>14</sup>

Di sisi lain, pemahaman pelanggan akan mempengaruhi persepsinya terhadap usaha apa saja yang dilakukan oleh perbankan Islam. Pemahaman yang mendalam mengenai pelanggan akan memungkinkan pemasar dapat mempengaruhi keputusan pelanggan untuk berlanggan dengan perbankan Islam. Oleh kerana itu, pengetahuan dan pemahaman pelanggan turut memberikan peranan pada proses pengambilan keputusan pelanggan dan kepuasan pelanggan dalam berlanggan dengan perbankan Islam.

Selain daripada itu, kefahaman juga dapat membawa kepada perselisihan faham dan salah tafsiran jika pelanggan tidak memahami akad dalam produk yang dilanggan. Pengkaji mendapati kajian Rifyal Ka’bah menghuraikan bahawa kebanyakan kes yang diajukan kepada Badan Arbitrase Syariah Nasional (BASYARNAS), perselisihan yang terjadi di antara pihak bank dengan pelanggan pada pelaksanaan akad disebabkan oleh kurangnya kefahaman pelanggan terhadap perjanjian akad dan penipuan.<sup>15</sup>

Oleh yang demikian, permasalahan yang akan dibahas dalam kajian ini akan menganalisis tahap kefahaman pelanggan Bank Muamalat Indonesia terhadap konsep akad mudharabah yang dijalankan di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, apa kaitan pemahaman dengan pengetahuan pelanggan terhadap perselisihan faham, serta penyelesaian yang dilakukan untuk mencegah sekiranya terjadi perselisihan faham di antara kedua pihak.

---

<sup>14</sup> Aiyub (2007). Potensi, preferensi dan perilaku masyarakat terhadap bank syariah di Nanggroe Aceh Darussalam. *Jurnal Arthavidya*, 8(2), h. 183-193.

<sup>15</sup> Rifyal Ka’bah (2007), *Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syari’ah Sebagai Sebuah Kewenangan Baru Peradilan Agama*, Jurnal Al-Mawarid Edisi XVII. h. 33- 43.

#### **1.4. Persoalan Kajian**

Untuk mempermudah pengkaji mencapai objektif, maka pengkaji membuat persoalan kajian dalam bentuk soalan, persoalan kajian dalam kajian ini adalah:

1. Siapakah pelanggan yang berurusan dengan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh?
2. Bagaimana tahap kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah yang diterapkan pada Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh?
3. Apakah kaitan antara kefahaman dengan perselisihan yang terjadi di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh?
4. Bagaimanakah cara penyelesaian yang perlu dilakukan sekiranya terjadi perselisihan faham di antara pelanggan dengan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh?

#### **1.5. Objektif Kajian**

Merujuk kepada latar belakang kajian dan permasalahan kajian di atas, maka objektif kajian daripada penyelidikan ini adalah:

1. Untuk mengenal pasti profil pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh.
2. Untuk membahas dan mengenal pasti tahap kefahaman pelanggan mengenai akad mudharabah yang diterapkan pada Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh.
3. Untuk mengkaji dan menerangkan kaitan antara kefahaman dengan perselisihan yang terjadi di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh.
4. Untuk mengenal pasti cara penyelesaian yang perlu dilakukan sekiranya terjadi perselisihan faham di antara pelanggan dengan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh.

## **1.6. Kepentingan Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk kepentingan akademik dan diharapkan dapat menambah khazanah keilmuan dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam, serta dapat menambah literatur yang membahas tentang konsep mudharabah dan nisbah pembahagian keuntungan dalam praktik perbankan pada masa kini. Kajian ini juga diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu, sama ada itu untuk kepentingan akademik mahupun sosial.

### **1.6.1 Kepentingan Akademik**

Kepentingan utama kajian ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana. Selanjutnya, kepentingan bagi institusi pendidikan memberikan cadangan dan sumbangan pemikiran sebagai pembanding penemuan-penemuan pengkaji terdahulu tentang kefahaman pelanggan mengenai akad mudharabah dan nisbah pembahagian untung dari Bank Muamalat Indonesia Aceh. Dengan adanya penelitian ini, maka dapat dijadikan rujukan untuk pengembangan penyelidikan dan menjadi dasar atau acuan penyelidikan lain.

### **1.6.2 Kepentingan Sosial**

Kepentingan disertasi ini bagi Bank Muamalat Indonesia ialah untuk bahan pertimbangan melakukan peningkatan prestasi dan strategi dalam pemberian kemudahan akad mudharabah bagi pelanggannya dan menjadikan bahan pertimbangan dalam membuat keputusan di masa yang akan datang. Selain itu, agar pengkaji dapat menambah pengetahuan tentang pemahaman pelanggan mengenai akad akad mudharabah serta nisbah pembahagian keuntungan dan kemungkinan timbulnya perselisihan berkaitan dengan akad-akad mudharabah.



### **1.7. Skop Kajian**

Agar pembahasan dalam kajian ini tidak terlalu luas, penulis menumpukan kajian kepada konsep mudharabah, nisbah pembahagian keuntungan dan kefahaman pelanggan Bank Muamalat Indonesia terhadap produk mudharabah dan nisbah pembahagian keuntungan. Konsep mudharabah yang akan dikaji adalah yang dipraktikkan dalam Bank Muamalat Indonesia. Kajian ini pula tertumpu kepada pelanggan yang melanggni produk dengan menggunakan akad mudharabah sahaja, sama ada produk berbentuk simpanan atau pembiayaan.

Manakala untuk tempat penyelidikan, pengkaji memilih tempat kajian di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Ini kerana Bank Muamalat Indonesia adalah bank Islam yang pertama yang ada di Indonesia yang mana ditubuhkan pada 1 November 1991.<sup>16</sup>

### **1.8. Huraian Istilah**

Supaya pembaca mudah memahami pembahasan ini serta untuk menghindari kesilapan penafsiran, maka penulis menjelaskan beberapa istilah penting/utama yang terdapat dalam kajian ini. Berikut adalah istilah-istilah utama yang perlu dijelaskan:

#### ***a. Kefahaman***

Menurut kamus dewan, perkataan kefahaman berasal dari perkataan ‘faham’ yang bermakna kefahaman pengetahuan dalam pemikiran mengenai sesuatu. Manakala kefahaman itu sendiri bermakna keupayaan (kemampuan) memahami, faham tidaknya (seseorang) akan sesuatu yang dipelajari atau dibaca.<sup>17</sup>

Kefahaman yang dimaksudkan oleh penulis dalam kajian ini adalah kemampuan pelanggan untuk memahami isi kandungan akad yang dijalankan oleh pelanggan yang

---

<sup>16</sup>Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syariah dari Teori Ke Praktik*, Jakarta: Gema Insani Press, h. 25.

<sup>17</sup> Dewan Pustaka dan bahasa (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Selangor: Dawana Sdn. Bhd., h. 405.

berkaitan dengan hak dan kewajiban pelanggan dalam akad mudharabah dan pembahagian keuntungan yang diperoleh sebagaimana yang disebutkan dalam akad yang disepakati di awal akad.

### ***b. Pelanggan***

Dalam kamus dewan, istilah pelanggan berasal dari kata langgan, yaitu membuat pembelian secara tetap, manakala istilah pelanggan bermakna orang atau syarikat yang membayar kepada seseorang untuk mendapatkan atau melakukan sesuatu bagi pihaknya.<sup>18</sup>

Dalam kajian ini, pelanggan bermakna orang yang melakukan urusan niaga dengan Bank Muamalat Indonesia, samaada melakukan pembiayaan, pelaburan, mahupun memakai perkhidmatan Bank Muamalat Indonesia.

### ***c. Bank Muamalat Indonesia***

Bank Muamalat Indonesia merupakan perbankan Islam pertama yang ada di Indonesia. Bank ini ditubuhkan pada tahun 1991 oleh kerajaan Indonesia. Idea penubuhan Bank Muamalat Indonesia diwujudkan oleh Majlis Ulama Indonesia dan mendapat sokongan dari Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) serta beberapa pengusaha Muslim.<sup>19</sup>

Bank Muamalat Indonesia (BMI) merupakan bank yang beroperasi sesuai dengan prinsip-prinsip syariah Islam, iaitu tidak menggunakan faedah, melainkan menggunakan sistem bahagi keuntungan. Sistem bahagi keuntungan adalah suatu sistem yang meliputi tata cara pembahagian hasil perniagaan di antara bank sebagai pemilik modal dengan pelanggan sebagai pengusaha. Hasil perniagaan ini kemudian dibahagi

---

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 883.

<sup>19</sup> Zainulbahar Noor (2006), *Bank Muamalat: Sebuah Mimpi Harapan dan Kenyataan*, Jakarta: Bening Publishing, h. 279.

setelah dihitung keuntungan selama tempoh masa tertentu, misalnya satu bulan, dua bulan, tiga bulan, mahupun satu tahun.<sup>20</sup>

Bank Muamalat Indonesia telah membuka pejabat cawangan terbesar di Jakarta, Bandung, Semarang, Surabaya, Balikpapan, Makasar dan Medan. Manakala PT Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh dirasmikan pada 2 Ogos 2004 dan memulakan kegiatan operasinya pada 3 Ogos 2004 di Jalan Ratu Safiatuddin. Bank Muamalat Indonesia adalah bank Islam pertama di Aceh. Kehadiran Bank Muamalat disambut sangat baik oleh masyarakat Aceh dan kerajaan Aceh yang mana melengkapi proses syariat Islam di Aceh.

#### ***d. Aceh***

Aceh adalah suatu negeri yang terletak di hujung utara pulau Sumatra. Dahulunya Aceh adalah sebuah negara yang berdaulat di bawah kerajaan Aceh Darussalam. Ianya telah wujud sebagai sebuah negara Islam sebelum adanya kerajaan Indonesia. Namun, pada hari ini, Aceh menjadi salah satu provinsi Republik Indonesia.

Populasi masyarakat Aceh berdasarkan statistik terbaru hasil bancian tahun 2010 ialah lebih kurang 4.6 juta<sup>21</sup> orang beragama Islam 100% sampai ke hari ini. Aceh juga memiliki keluasan wilayah 57.365.57 km<sup>2</sup> yang mana terdiri daripada 17 Kabupaten<sup>22</sup> dan empat buah kotamadya (bandar).<sup>23</sup>

#### ***e. Akad***

Pengertian akad secara bahasa adalah ikatan, mengikat, menghimpun atau mengumpulkan dua hujung tali dan mengikatkan salah satunya pada yang lainnya

---

<sup>20</sup>*Ibid*, h. 314.

<sup>21</sup> Hasil bancian statistik terbaru yang dimaksudkan ialah hasil bancian tahun 2010. Indonesia mengadakan banci penduduk setiap lima tahun sekali.

<sup>22</sup> Kabupaten dalam bahasa Melayu bermaksud kawasan district atau daerah.

<sup>23</sup> Aceh dalam Angka 2001, Banda Aceh: BPS Provinsi Nanggoe Aceh Darussalam, h.3.

sehingga keduanya bersambung dan menjadi seperti seutas tali yang satu.<sup>24</sup> Akad juga diertikan dengan sambungan (*'aqdatun*) maksudnya sambungan yang memegang kedua hujung itu dan mengikatnya.<sup>25</sup>

Di Indonesia, terminologi akad umumnya menggunakan istilah "perikatan". Ini dipadankan dengan istilah belanda iaitu *verbintenis*. Manakala 'ahdu atau perjanjian dipadankan dengan istilah *overeenkomst*. Selain istilah perikatan dan perjanjian, kata lain yang sering digunakan juga ialah "perhutangan". Akan tetapi istilah perhutangan digunapakai dalam kes harta kekayaan dan perikatan digunapakai dalam selain kes harta kekayaan.<sup>26</sup>

Istilah akad dalam kajian ini bermaksud kontrak berasaskan syariah yang dilakukan di antara pelanggan dan Bank Muamalat Indonesia untuk melaksanakan dalam satu urusan niaga yang bersifat mengikat dan dipraktikkan oleh hukum.

#### ***f. Mudharabah***

Perkataan *Mudaarabah* berasal dari bahasa Arab, iaitu asal kata dari *al-darb*<sup>27</sup> yang bermakna memukul, berpergian atau berjalan, perkataan ini mempunyai banyak erti. Diantaranya memukul, bergerak, berdetak, mengalir, berenang, bergabung, menghindar, berubah, mencampur, berjalan, dan lain sebagainya<sup>28</sup>.

Selain *al-darb*, perkataan *mudharabah* disebut juga *qiradh* yang berasal dari *al-qardu*, bererti *al-qath'u* (potongan), yang bermaksud pemilik memotong sebahagian hartanya untuk dilaburkan atau diperdagangkan dan pemilik harta tersebut untuk

---

<sup>24</sup> Wahbah Zuhaili (2004), *Fiqh Islami wa Adillatuhu*, juz. 4, Damsyik: Darul Fikri, h. 2917; Ghufroon A. Mas'adi (2002), *Fiqh Muamalah Konstektual*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 75.

<sup>25</sup> Hendi Suhendi (2005), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: PT Raja grafindo persada, h. 44

<sup>26</sup> *Ibid*, h. 42-43; lihat juga M. yahya Harahap (1982) *Segi-segi Hukum Perjanjian*, Bandung: Alumni, h. 6.

<sup>27</sup> Al-Mu'jam al-Wasit (1972), *Al-juz' al-awwal*, Cet III, Kairo: Majma' al-lughah al-Arabiyah, h.537; Hendi Suhendi (2005), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 135.

<sup>28</sup> Ahmad Warson Munawwir (1997), *Kamus Al-Munawwir*, Surabaya: Pustaka Progressif, h. 815.

memperolehi sebahagian keuntungannya. Kedua perkataan tersebut (*mudharabah* dan *qiradh*) mempunyai erti yang sama dalam muamalah.<sup>29</sup>

Dalam kajian ini, *mudharabah* bermaksud kerjasama antara pelanggan dengan Bank sebagai rakan kongsi yang diaplikasikan dalam produk-produk Bank Muamalat Indonesia, seperti: Tabungan Muamalat, Tabungan Haji Afarah Plus, Deposito Fulinves, Deposito Mudharabah, Pembiayaan Modal Kerja. Daripada produk tersebut yang termasuk dalam simpanan adalah Tabungan Muamalat, Tabungan Haji Arafah Plus, Depositi Funlives, Dan Depositi Mudharabah, manakala Pembiayaan Modal Kerja termasuk dalam produk pinjaman.

Dalam *mudharabah*, pembahagian keuntungan dalam bahasa Inggeris dikenal dengan *profit sharing*. Istilah *Profit sharing* dalam kamus ekonomi diertikan sebagai pembahagian laba/keuntungan.<sup>30</sup> Dalam institusi kewangan syariah, pendapatan pembahagian keuntungan ini berlaku untuk produk-produk tertentu, seperti pada produk yang menggunakan akad *mudharabah* ataupun produk yang menggunakan akad *musyarakah*.

Menurut Muhammad Syafi'i Antonio, keuntungan adalah jumlah yang diperolehi dari perniagaan sebagai kelebihan daripada modal, keuntungan ini merupakan tujuan akhir dari pada akad *mudharabah*.<sup>31</sup> Menurut Mazhab Ulama Syafi'iah, keuntungan ini termasuk ke dalam rukun pembiayaan *mudharabah*<sup>32</sup> yang disyaratkan ditentukan secara nisbah dari keuntungan yang diperuntukkan untuk kedua belah pihak.<sup>33</sup>

---

<sup>29</sup> Hendi Suhendi (2005), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 135.

<sup>30</sup> Muhammad (2004), *Teknik Perhitungan Bagi Hasil dan Profit Margin pada Bank Syariah*, Yogyakarta: UII Press, h.18.

<sup>31</sup> Muhammad Syafi'I Antonio (1999), *Bank Syariah Wacana Ulama & Cendekiawan*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h.176.

<sup>32</sup> Wahbah al-Zuhaili (2002), *Fiqh dan Perundangan Islam*, Jilid IV, (terj. Syed Ahmad Syed Hussain), Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 844.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 853.

Oleh kerana demikian, keuntungan bersih harus dibahagi di antara *shahib al-māl* dan *mudharib* sesuai dengan bahagian yang disepakati sebelumnya. Pembahagian keuntungan dalam kajian ini dimaksudkan sebagai pembahagian keuntungan yang diperolehi dari hasil perkongsian di Bank Muamalat Indonesia. Manakala kerugian akan ditanggung oleh *shahib al-māl*, kecuali kerugian yang disebabkan oleh keluaian *mudharib*, maka kerugian tersebut harus ditanggung oleh *mudharib*.

### 1.9. Kajian Lepas

Bertambahnya bank-bank Islam di seluruh dunia seperti: Perancis, London, Turkey, Dubai, USA, dan lain-lain, menyebabkan para sarjana terus mengkaji perkembangan tersebut.<sup>34</sup> Selain itu, banyak karya-karya yang dihasilkan mengenai pelaksanaan transaksi-transaksi di institusi kewangan Islam tersebut. Dan pengkaji tidak syak lagi bahawa peranan yang dimainkan oleh para ulama, pakar ekonomi dan kewangan Islam, serta ahli syariah lainnya dalam memperbanyakkan sumber maklumat ekonomi dan kewangan Islam.

Selepas penubuhan Myt Ghamir sebagai perbankan Islam pertama di Mesir pada tahun 1963<sup>35</sup> telah banyak penulis dan pengkaji atau penyelidik yang mengkaji tentang konsep dan sistem kewangan Islam. Begitu halnya dalam memulakan kajian ini, pengkaji telah juga merujuk kepada beberapa literatur yang membicarakan tentang kriteria, skim pelaburan Islam, dan analisis akad mudharabah. Sumber rujukan utama adalah buku-buku dan kajian-kajian terdahulu. Antara lain rujukan yang pengkaji gunakan adalah:

Kajian mengenai tahap kefahaman pengguna perbankan Islam di Indonesia telah dilakukan oleh beberapa pengkaji terdahulu. Adiwarmanto A. Karim & Adi Zakaria

---

<sup>34</sup> Brian Kettell (2010), *Islamic Finance in a Nutshell*, United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd., h. 7

<sup>35</sup> Meskipun ada yang menyatakan bahawa sistem perbankan Islam itu sebenarnya telah ada selari dengan kedatangan Islam itu sendiri iaitu tepatnya pada masa Rasulullah. Akan tetapi baru tahun 1963 wujud institusi perbankan moden yang menggunakan prinsip Islam.

Affif<sup>36</sup> telah menjalankan kajian tentang *Islamic Banking Consumer Behavior in Indonesia*. Berbeza dengan kebanyakan kajian-kajian yang dilakukan sebelumnya yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif, reka bentuk eksploratori kualitatif dengan melibatkan 18 *Focus Group Discussion* (FGD) dan 12 In Depth Interview (IDI). Kajian ini dijalankan di lima bandar iaitu Jakarta, Bandung, Surabaya, Jogjakarta dan Pekanbaru. Tujuan kajian kualitatif ini untuk melihat secara mendalam sikap umum (*general nature*) daripada gelagat pengguna perbankan Islam. Dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa sikap dan kefahaman pengguna tidak dipengaruhi oleh faktor agama dan agama juga bukan faktor utama yang menjadi alasan pengguna memilih perbankan Islam.

Delta Khoirunnisa<sup>37</sup> pula telah menjalankan kajian pada dua bank Islam di dua kota yang berbeza iaitu Bank Muamalat Indonesia (BMI) cawangan Jakarta dan Bank Negara Indonesia (BNI) Syariah Jogjakarta melibatkan 95 responden. Data diperolehi daripada soal selidik yang ditadbir sendiri dengan menggunakan analisis deskriptif. Kajian ini mendapati alasan utama pengguna memilih bank syariah lebih kepada alasan keuntungan ekonomi beriringan dengan faktor pertimbangan kepatuhan agama. Tiada perbezaan sikap yang signifikan antara pengguna BMI Jakarta dan BNI Syariah Jogjakarta dalam memilih perbankan Islam.

Manakala di Aceh pula, antaranya kajian tentang potensi dan perilaku masyarakat terhadap perbankan Islam di Aceh. Kajian ini melibatkan 700 responden di tujuh daerah (kabupaten) di Aceh. Kaedah yang digunakan adalah lebih kepada kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik. Penemuan kajian ini mendapati pengetahuan masyarakat terhadap perbankan syariah di Aceh masih rendah sekali.

---

<sup>36</sup>Adi Warman A. Karim dan Adi Zakaria Affif (2006), *Islamic Banking Consumer Behavior in Indonesia: A Qualitative Approach* Paper Presented at the 7<sup>th</sup> International Conference on Islamic Economic, 1-3 April 2008, King Abdul Aziz University, Jeddah, Saudi Arabia.

<sup>37</sup>Delta Khoirunnisa (2003), Consumers' preference toward Islamic banking: case study Bank Muamalat Indonesia and Bank BNI Syariah. *Iqtisad International Journal*, Vol. 4, No. 2, pp. 145 – 168.

Rendahnya pengetahuan mereka berpengaruh kepada sikap mereka yang mana menimbulkan persepsi dan pandangan yang keliru terhadap perbankan syariah. Persepsi terhadap bunga bank 59% menyatakan haram. 16% halal, 22.80% syubhat dan sisanya ragu-ragu. Kesimpulannya: meskipun pengetahuan masyarakat terhadap perbankan syariah dan produknya masih terbatas, namun keinginan menabung dan memperoleh pembiayaan berada dalam kategori sederhana.<sup>38</sup>

Berbanding dengan Malaysia, kajian Mohd Daud Bin Awang<sup>39</sup> mendapati bahawa masyarakat Islam telah memahami tentang sistem perbankan Islam secara umum, tetapi tidak dijelaskan tentang pelaburan ataupun sistem pelaburan yang khas pada produk tertentu.

Asmai Ishak<sup>40</sup> pula mendapati bahawa pengetahuan dan pemahaman pelanggan terhadap sesebuah produk sangat diperlukan oleh sebuah syarikat. Pengetahuan tersebut dapat dijadikan panduan bagi perbankan untuk mengeluarkan produk yang dapat memenuhi keperluan dan keinginan pelanggan

Kajian Mokhtar Mahamad dan Izah Mohd Tahir<sup>41</sup> mendapati bahawa kebanyakan pelanggan masih lagi mempunyai tahap pengetahuan yang rendah mengenai perbankan Islam dengan sumber pengetahuan mereka yang utama adalah akhbar dan televisyen. Sebahagian besar responden tidak yakin perbankan Islam dapat menyaingi perbankan konvensional dan ramai juga responden yang belum menggunakan perbankan Islam turut menyatakan tidak berminat untuk menggunakan perbankan Islam. Ini menunjukkan bahawa kefahaman itu penting untuk diketahui oleh pelanggan, agar pelanggan faham dan minat dengan perbankan Islam.

---

<sup>38</sup> Aiyub (2007). Potensi, preferensi dan perilaku masyarakat terhadap bank syariah di Nanggroe Aceh Darussalam. *Jurnal Arthavidya*, 8(2), h. 183-193.

<sup>39</sup> Mohd Daud Bin Awang (2007), *Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Sistem Perbankan Islam Di Malaysia: Suatu Kajian Di Pantai Timur Semenanjung Malaysia*, Tesis, Jabatan Syariah Dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>40</sup> Asmai Ishak (2005), Pentingnya Kepuasan Konsumen Dan Implementasi Strategi Pemasarannya, *Jurnal Siasat Bisnis*, Edisi Khas JSB On Marketing, Universiti Islam Indonesia, h. 1-11.

<sup>41</sup> Mokhtar Mahamad dan Izah Mohd Tahir (2010), Persepsi pelanggan bukan Islam terhadap perbankan Islam: Satu kajian rintis, *Jurnal Kemasyarakatan*, Bil 16. h.44-61.



Amalan perbankan Islam di Indonesia sudah bermula sejak dua dekad yang lalu, antaranya kajian Noprizal Bin Muhammad Yunus<sup>42</sup> dan Muhammad Zulhilmi<sup>43</sup>, mendapati bahawa BNI telah memenuhi persyaratan syariat agama dari aspek perniagaannya. Namun, Noprizal telah mendapati bahawa aplikasi mudharabah pada BNI belum sepenuhnya mengamalkan sistem syariah seperti idealnya bank syariah menurut konsep Islam. Manakala di Aceh, Muhammad Zulhilmi menjelaskan sistem perbankan Islam secara umum yang diamalkan di Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). Beliau mendapati bahawa masyarakat Islam di Aceh banyak yang belum dicapai oleh pasaran bank, dan dalam sistem perbankan Islam tersebut pembiayaan pelaburan dalam bentuk murabahah banyak diamalkan oleh bank-bank Islam.

Kajian tentang amalan sistem perkongsian dalam perbankan Islam juga telah banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Antaranya, Shahrukh Rafi Khan<sup>44</sup>, Munawar Iqbal<sup>45</sup>, Hikmatullah<sup>46</sup> menghuraikan percubaan amalan sistem perkongsian untung dan rugi berdasarkan prinsip al-mudharabah dalam sistem kewangan dan perbankan dalam Islam, di mana dalam bukunya didapati amalan sistem perkongsian untung dan rugi cukup memberangsangkan. Peluang dan cabaran yang diterapkan dalam sistem kewangan dan perbankan Islam menerusi sistem perkongsian untung yang diamalkan oleh institusi kewangan dan perbankan pada masa sekarang dalam menghadapi risiko dan peluang semasa.

Hikmatullah pula menjelaskan kemampuan alternatif mudharabah atas sistem riba. Bunga adalah riba dan bagi hasil yang terdapat pada akad mudharabah adalah

---

<sup>42</sup> Noprizal Bin Muhammad Yunus (2006), *Kriteria Pelaburan Bank Syariah: Aplikasi Mudharabah Pada Bank Negara Indonesia (BNI)*, Disertasi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>43</sup> Muhammad Zulhilmi (2006), *Sistem Perbankan Islam Dan Pelaksanaannya Di Nanggroe Aceh Darussalam Indonesia*, Disertasi, Jabatan Syariah Dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>44</sup> Shahrukh Rafi Khan (1987), *Profit And Loss Sharing: An Islamic Experiment In Finance And Banking*. Karachi: Oxford University Press.

<sup>45</sup> Munawar Iqbal (2002), *Islamic Banking And Finance: New Persepectives On Profit Sharing And Risk*. London: Edward Elgard Pub.

<sup>46</sup> Hikmatullah (2003), *Mudharabah Suatu Sistim Ekonomi Alternative Tanpa Riba: Studi Tentang Perspektif Islam Terhadap Ekonomi*, Tesis, Yogyakarta: MSI UII.

sistem pengganti riba. Kandungan kajiannya mengetengahkan teori alternatif yang selamat dan tepat untuk menggunakan pembiayaan akad mudharabah.

Fauzi Kado<sup>47</sup> menghuraikan tentang skim pelaburan di Islamic Bank of Thailand tidaklah bercanggah dengan prinsip yang telah digariskan oleh Syariah Islam. Beliau mendapati juga bahawa mudharabah merupakan salah satu produk yang popular di kalangan pelanggan, di mana dengan produk ini mereka dapat mengumpulkan modal yang cukup besar. Beliau turut mencadangkan Islamic Bank of Thailand untuk melakukan promosi untuk meningkatkan kefahaman masyarakat Islam di Thailand tentang sistem perbankan Islam yang diamalkan oleh Islamic Bank of Thailand.

Masudul Alam Choudhury<sup>48</sup> mendefinisikan *mudarabah* sebagai kerjasama dalam melabur modal masing-masing pada perniagaan oleh pelabur dan pengelola dengan kesepakatan untuk berbahagi keuntungan dalam bentuk nisbah peratus. Dalam pandangannya, *mudarabah* terjadi hanya untuk memperoleh keuntungan dari masing-masing pihak. Pandangan ini berbeza dengan pandangan ahli fiqh yang mengatakan bahawa *mudarabah* merupakan kerjasama kemitraan dalam keuntungan mahupun kerugian.

Abul Hasan M. Sadeq<sup>49</sup> mengenengahkan pemikiran dan tulisan banyak tokoh ekonomi Islam mulai dari segi etika moral ekonomis bahagi untung rugi hingga kesan mahupun model pelaburan dinamis pembahagian untung rugi. Pelaburan secara mudharabah telah didapati menjadi sebuah model pelaburan yang dinamis yang juga mempunyai risiko dalam pelaksanaannya.

---

<sup>47</sup>Fauzi Kado (2009), *Analisis Skim Pelaburan Al-Mudharabah Di Islamic Bank Of Thailand Telah Menguraikan Tentang Skim Pelaburan Di Islamic Bank Of Thailand*, Disertasi, Jabatan Syariah Dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>48</sup>Masudul Alam Choudhury (1986), *Contributions to Islamic Economic Theory : a Study in Social Economics*, New York : St. Martin's Press.

<sup>49</sup>Abul Hasan M. Sadeq (1992), *Resource Mobilization And Investment In An Islamic Economic Framework*, U.S.A : The International Institute Of Islamic Thought.

Kajian tentang perselisihan faham pula telah banyak dikaji oleh peneliti terdahulu. Antaranya, Sayyid Sabiq<sup>50</sup> menghuraikan bahawa perdamaian adalah salah satu cara penyelesaian perselisihan faham yang disyariatkan oleh Islam. Selain itu, dalam bukunya Fiqih Sunnah juga disebutkan bahawa Islam membolehkan penyelesaian perselisihan faham atau perdamaian dengan cara Al-Qadha (proses peradilan), akan tetapi cara ini hanya menyelesaikan perkara-perkara tertentu sahaja.

Rahmani Timorita Yulianti<sup>51</sup> menghuraikan bahawa jika sengketa atau perselisihan faham dalam ekonomi Islam diselesaikan oleh peradilan atau mahkamah, maka hakim harus menguasai ilmu Ekonomi Islam. Dadan Muttaqien menjelaskan bahawa pada prinsipnya, penyelesaian sengketa ekonomi syari'ah di luar lembaga peradilan (non litigasi) ada dua cara yang boleh ditempuh, iaitu melalui lembaga perdamaian (*al-Shulh*) dan melalui lembaga arbitrase<sup>52</sup> (*al-Tahkim*).<sup>53</sup>

Rifyal Ka'bah<sup>54</sup> pula menghuraikan tentang kes yang terjadi dalam Badan Arbitrase Syariah Nasional (BASYARNAS) yang disebabkan oleh ketidakfahaman pelanggan dalam akad mudharabah, musyarakah, dan murabahah sehingga terjadi perselisihan yang membawa kepada mahkamah. Untuk lebih jelas, pengkaji telah meringkaskan kajian lepas dalam jadual di bawah:

---

<sup>50</sup>Sayyid Sabiq (1988), *Fiqih Sunnah*, Jilid 12, terjemahan oleh H. Kamaluddin A.M, Bandung, PT. Al Ma'arif, h. 190.

<sup>51</sup> Rahmani Timorita Yulianti (2007), Sengketa Ekonomi Syari'ah (Antara kompetensi Pengadilan Agama dan Banda Arbitrase Syari'ah), *Jurnal Al-Mawarid* Edisi XVII, h. 45-60.

<sup>52</sup> Arbitrase adalah suatu badan yang ditubuhkan oleh kerajaan Indonesia untuk penyelesaian perselisihan faham atau perselisihan faham yang terjadi diberbagai sektor perdagangan, industri dan kewangan. Dalam perspektif Islam, Arbitrase dapat dipadankan dengan istilah *tahkim*. Secara etimologi bermakna menjadikan seseorang sebagai pencegah suatu perselisihan faham (lihat: Luwis Ma'luf (t.t), *al-Munjid fi al-Lughah wa al-'Alam*, Beirut: Dar al-Masyriq, h.146.). Arbitrase untuk menyelesaikan perkara-perkara Muamalat dan Institusi kewangan Islam dikenal dengan nama Badan Arbitrase Muamalat Indonesia (BAMUI) kemudian pada tahun 2004, berdasarkan hasil pertemuan Majelis Ulama Indonesia dan pengurus BAMUI, maka ditetapkan bahwa BAMUI diganti namanya menjadi Badan Arbitrase Syariah Nasional (BASYARNAS).

<sup>53</sup>Dadan Muttaqien (2008), *Penyelesaian Sengketa Perbankan Syari'ah Di Luar Lembaga Peradilan*, Majalah Hukum Varia Peradilan Tahun Ke XXIII Nombor 266, Jakarta : IKAHI, h. 60.

<sup>54</sup>Rifyal Ka'bah (2007), Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syari'ah Sebagai Sebuah Kewenangan Baru Peradilan Agama, *Jurnal Al-Mawarid*, Edisi XVII. h. 33- 43.

**Jadual 1: Ringkasan Kajian Lepas Tahap Kefahaman Pelanggan Bank Muamalat Indonesia terhadap Akad Mudharabah**

No	Kajian	Pengkaji
1	Profil pelanggan dan tahap kefahaman pelanggan	Adiwarman A. Karim dan Adi Zakaria Affif, (2006), Delta Khoirunnisa (2003), Aiyub (2007), Mohd Daud Bin Awang (2007), Asmai Ishak (2005), Mohktar Mahamad dan Izah Mohd Tahir (2010), Noprizal Bin Muhammad Yunus (2006), Muhammad Zulhilmi (2006).
2	Amalan mudharabah	Shahrukh Rafi Khan (1987), Munawar Iqbal (2002), Hikmatullah (2003), Fauzi Kado (2009), Masudul Alam Choudhury (1986), Abul Hasan M. Sadeq (1992).
3	Perselisihan faham	Sayyid Sabiq (1988), Rifyal Ka'bah (2007), Rahmani Timorita Yulianti (2007), Dadan Muttaqien (2008).

Daripada hasil kajian ini, penyelidik mendapati kajian ini perlu ditambah. Oleh kerana itu, pengkaji berhasrat untuk membuat satu kajian khusus tentang tahap kefahaman pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh terhadap akad mudharabah serta hal-hal yang berkaitan dengan pelaksanaannya di Bank Muamalat Indonesia, di samping untuk memperkemas serta melengkapkan lagi penulisan yang dilakukan sebelum ini.

#### **1.10. Sistematika Kajian**

Untuk menghasilkan kesimpulan dari sebuah kajian yang berkualiti, pengkaji berusaha untuk menggambarkan kandungan-kandungan yang terdapat dalam kajian ini. Pembahasan dalam kandungan kajian ini merangkumi gambaran terhadap lokasi penyelidikan, mudharabah dan konsep pembahagian keuntungan, serta aplikasi pada perbankan. Semua kandungan tersebut disusun secara sistematik dengan harapan dapat dibuat dengan bersumber tinjauan yang bersifat menyeluruh.

Sebagaimana lazimnya sebuah kajian, maka kajian ini diklasifikasikan menjadi beberapa pokok bahasan. Bab satu yang merupakan bab pendahuluan memuatkan pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, daftar istilah, skop kajian, kajian lepas, sistematika kajian. Jika bab satu telah menjelaskan permasalahan mendasar sebelum penyelidikan dilakukan, maka bab dua mengemukakan sejarah kewujudan perbankan Islam di Indonesia, gambaran umum mengenai Bank Muamalat Indonesia, akad perjanjian dalam hukum Islam, dan akad mudharabah serta nisbah pembahagian keuntungan dalam kaitannya dengan Bank Muamalat Indonesia sebagai lembaga kewangan Syariah dan bank Islam yang memberikan perkhidmatan pelaburan mudharabah dengan prinsip perkongsian keuntungan.

Bab tiga membahas mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini mengandungi kaedah kajian, populasi dan sampel, data dan sumber data, teknik pengumpulan data, dan kaedah analisis data. Dalam bab empat akan diulas pembahasan tentang hasil kajian. Bab empat mengandungi hasil dapatan kajian serta analisis terhadap data statistik tentang kefahaman pengguna Bank Muamalat Indonesia.

Sebagai penutup bab lima terdiri dari kesimpulan dan saranan. Di dalamnya disajikan secara singkat beberapa jawapan ke atas permasalahan yang mendorong diadakannya penyelidikan ini.

### **1.11. Kesimpulan**

Bank Muamalat Indonesia adalah perbankan Islam pertama yang wujud di Indonesia. Walaupun Bank Muamalat Indonesia sudah beroperasi selama 19 tahun, kepuasan pelanggan dan kefahaman pelanggan terhadap produk perbankan Islam perlu dikaji dan diberi perhatian.

Akad mudharabah adalah salah satu akad yang mengandung risiko yang besar. Kefahaman pengguna sangat diperlukan agar tidak terjadi perselisihan faham di antara kedua pihak. Oleh kerana yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengetahui konsep akad mudharabah, tahap kefahaman pengguna dan cara penyelesaian jika terjadi perselisihan di antara pelanggan dan bank Muamalat Indonesia.

## BAB II

### TEORI AKAD MUDHARABAH DAN APLIKASI DALAM SISTEM PERBANKAN DI INDONESIA

#### 2.1 Pengenalan

Perkembangan perbankan Islam di negara-negara Islam sekarang ini cukup pesat. Bermula dari penubuhan Islamic Development Bank (IDB) pada tahun 1975 yang bertujuan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi di negara-negara Islam yang berkumpul dalam Organizational of Islamic Conference (OIC). Keadaan ini turut dirasakan oleh Indonesia sebagai salah satu negara yang majoriti penduduknya beragama Islam. Diskusi-diskusi dan seminar tentang perkembangan ekonomi Islam pun mula dilakukan, sebagai langkah awal untuk menubuhkan sebuah institusi kewangan yang berasaskan hukum Islam.

Di Malaysia pula, sistem perbankan Islam lebih awal berkembang berbanding Indonesia, sistem perbankan di Malaysia mulai berkembang sejak ditubuhkannya Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983, ditambah lagi dengan dukungan kerajaan melancarkan Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF) pada 4 Mac 1993. Penubuhan perbankan Islam pertama di Malaysia ini menjadi model perbankan Islam di Asia juga bagi Indonesia untuk menubuhkan Perbankan Islam.<sup>55</sup>

Idea penubuhan perbankan Islam di Indonesia digagas oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) disetujui oleh Presiden Soeharto serta digerakkan oleh Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI). Proses penubuhan Bank Islam pertama juga berkat kerja sama dengan kerajaan Indonesia serta sarjana-sarjana Islam lainnya.

---

<sup>55</sup> Ab Mumin Ab Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. h. 336.

Lebih khusus lagi, penubuhan Bank Islam di Indonesia baru dilakukan pada tahun 1990. Majelis Ulama Indonesia (MUI) pada tanggal 18-20 Ogos 1990 menyelenggarakan Seminar Bunga Bank dan Perbankan di Cisarua, Bogor, Jawa Barat. Hasil seminar tersebut dibahas lebih mendalam pada Musyawarah Nasional (MUNAS) untuk mendirikan bank Islam di Indonesia.<sup>56</sup>

Perkembangan institusi kewangan Syariah di Indonesia dimulai dengan pengembangan perbankan Syariah sejak kerajaan Indonesia bersama-sama dengan parlimen mengkuatkuasakan Undang-Undang (UU) Nombor 7 tahun 1992 mengenai perbankan syari'ah dengan lebih jelas. Dalam penyempurnaan UU Perbankan tersebut dijelaskan bahawa dalam perbankan Indonesia terdapat dua sistem (*dual banking system*) iaitu perbankan konvensional dan sistem perbankan syari'ah.

Bank Muamalat Indonesia (BMI) merupakan bank yang beroperasi sesuai dengan prinsip-prinsip syariah Islam dan berpandukan kepada undang-undang perbankan Islam, iaitu tidak menggunakan faedah, melainkan menggunakan sistem pembahagian keuntungan. Sistem pembahagian keuntungan adalah suatu sistem yang meliputi tata cara pembahagian hasil keuntungan daripada perniagaan antara bank sebagai pemilik modal dengan pelanggan sebagai pengusaha. Hasil perniagaan ini kemudian dibahagi setelah dihitung keuntungan selama tempoh masa tertentu, misalnya satu bulan, dua bulan, tiga bulan, mahupun satu tahun.<sup>57</sup>

## **2.2 Sejarah Kewujudan Perbankan Islam di Indonesia**

### **2.2.1. Sejarah Bank Muamalat Indonesia**

Bank Muamalat Indonesia didirikan pada 1 November 1991, diasaskan oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan Kerajaan Indonesia. Dengan dukungan nyata dari eksponen

---

<sup>56</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syariah dari Teori Ke Praktik*, Jakarta: Gema Insani Press, h. 25.

<sup>57</sup> Zainulbahar Noor (2006), *Bank Muamalat: Sebuah Mimpi Harapan dan Kenyataan*, Jakarta: Bening Publishing, h. 314.



Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) serta beberapa pengusaha Muslim, pendirian Bank Muamalat juga mendapat dukungan dari masyarakat, hal ini terbukti dari komitmen pembelian saham senilai Rp84 milion (RM28 billion).<sup>58</sup>

Bagi memperkuat permodalannya, Bank Muamalat mencari pemodal yang berpotensi, hal ini direspon secara positif oleh Islamic Development Bank (IDB) yang berkedudukan di Jeddah, Arab Saudi. Islamic Development Bank (IDB) secara rasmi menjadi salah satu pemegang saham Bank Muamalat Indonesia. Hingga akhir tahun 2004, Bank Muamalat Indonesia tetap merupakan bank Syariah terkemuka di Indonesia dengan modal sejumlah Rp5.2 triliun (RM 2 million), modal pemegang saham sebesar Rp269.7 milion (RM96 billion) serta perolehan laba bersih sebesar Rp48.4 milion (RM.17 billion) pada tahun 2004.<sup>59</sup>

Bank Muamalat Indonesia telah membuka pejabat cawangan dan cawangan pembantu yang terbesar di Jakarta, Bandung, Semarang, Surabaya, Balikpapan, Makasar dan Medan. Manakala Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh dirasmikan pada 2 Ogos 2004 dan memulakan kegiatan operasinya pada 3 Ogos 2004 di Jalan Ratu Safiatuddin. Bank Muamalat Indonesia adalah bank Islam pertama di Aceh. Kehadiran Bank Muamalat disambut sangat baik oleh masyarakat Aceh dan kerajaan Aceh yang melengkapi proses syariat Islam di Aceh.

Sama halnya seperti organisasi lainnya, Bank Muamalat mempunyai visi dan misi yang akan menjadi tujuannya dalam beroperasi. Visi Bank Muamalat Indonesia ialah menjadi bank Syariah utama di Indonesia, dominan di pasar spiritual, dikagumi di pasar rasional. Manakala misi Bank Muamalat iaitu menjadi *role model* Lembaga Kewangan Syariah dunia dengan penekanan pada semangat keusahawanan, pengurusan

---

<sup>58</sup>*Ibid.*, h. 279.

<sup>59</sup>Latar Belakang Bank Muamalat Indonesia, <http://www.muamalatbank.com/profil/label.asp>, 12 Disember 2010.

yang baik, dan orientasi pelaburan yang inovatif untuk memaksimumkan nilai bagi pihak yang berkepentingan.

Sebagai bank Islam pertama di Indonesia, bank ini harus beroperasi sesuai dengan prinsip-prinsip Syariah Islam. Segala tata-cara beroperasinya berpedoman pada ketentuan-ketentuan Al-Qur'an dan Hadis, khususnya yang berkaitan dengan tata-cara bermuamalat secara Islam. Dalam tata cara bermuamalat itu dijauih praktik-praktik yang dikhuwatiri mengandungi unsur-unsur riba untuk diisi dengan kegiatan-kegiatan pelaburan atas dasar perkongsian keuntungan. Bank ini mengikuti praktik-praktik usaha yang dilakukan di zaman Rasulullah SAW atau bentuk-bentuk usaha yang telah ada sebelumnya tetapi tidak dilarang oleh beliau.

Untuk menjamin operasi bank Islam tidak menyimpang dari tuntunan Syariah, maka pada setiap bank Islam hanya melantik pengurus dan pimpinan bank yang menguasai prinsip muamalah Islam, seperti halnya juga Bank Muamalat Indonesia di Aceh. Pengurus dan pimpinan bank bahkan kakitangan yang datang dari pelbagai daerah dan kalangan harus mengikuti ujian pengetahuan muamalah Islam.

Selain itu, di Bank Muamalat juga dibentuk Dewan Pengawas Syariah yang bertugas mengawasi operasional bank dari segi Syariahnya. Dewan ini ditubuhkan untuk mengawasi jalannya perbankan Islam sehingga sentiasa sesuai dengan prinsip muamalah dalam Islam.

Tahun 2003, perkembangan jaringan sudah mencapai tiga kali lipat dari tahun sebelumnya hingga akhir 2004 terjadi perkembangan yang sangat baik, sehingga ditambah lagi pejabat cawangan di sembilan kota untuk mengisi wilayah pejabat Bank Indonesia di bahagian yang belum mempunyai pejabat Bank Muamalat Indonesia. Pengembangan jaringan dan membuka kerjasama dengan syarikat lain merupakan

pendahuluan yang dilakukan untuk menghadapi persaingan sebagai bank yang baru berkembang. Pada tahun 2004, kegiatan dan perkhidmatan Bank Muamalat Indonesia sudah terdapat di 400 cawangan yang tersebar di seluruh Indonesia.

### **2.2.2. Asas dan Dasar Hukum**

Penubuhan perbankan berasaskan hukum Islam di Indonesia belum menjadikan ini sebuah titik aman untuk beroperasi, sebagai negara hukum segala sesuatu harus mempunyai asas, begitu juga dalam pendirian perbankan Islam. Penubuhan perbankan Islam di Indonesia mendapat nafas baru setelah adanya Paket Kebijakan (polisi) Deregulasi Perbankan 1988 yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Indonesia dan Bank Indonesia selaku Bank Pusat.<sup>60</sup>

Polisi Paket Deregulasi Perbankan 1988 memberi izin untuk mendirikan syarikat baru dan pembukaan pejabat cawangan atau penubuhan Bank Perkreditan Rakyat (BPR). Selain itu, ia juga memberikan kebebasan penentuan tingkat faedah atau peniadaan faedah sekaligus. Perbankan syari'ah semakin bebas untuk menentukan jenis imbalan yang akan diambil dari pelanggan.<sup>61</sup>

Melihat perkembangan yang baik pada Bank Muamalat Indonesia, kerajaan Indonesia bersama-sama dengan parlimen Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR RI) melakukan penyempurnaan terhadap UU nombor 7 tahun 1992 dengan UU Nombor 10 tahun 1998, kandungan UU tersebut mengatur mengenai perbankan syari'ah dengan lebih jelas. Dalam penyempurnaan UU Perbankan tersebut dijelaskan bahawa dalam perbankan Indonesia terdapat dua sistem (*dual banking system*) iaitu perbankan konvensional dan sistem perbankan syari'ah.<sup>62</sup>

---

<sup>60</sup> Unit Khusus Museum Bank Indonesia, Sejarah Bank Indonesia: Perbankan, <http://www.bi.go.id/NR/rdonlyres/A6011CBA1B4E49B19DDCCB01AB6C60D0/19386/SejarahPerbankanPeriode19831997.pdf>

<sup>61</sup> *Ibid.*

<sup>62</sup> Undang-undang Republik Indonesia Nomor 10 Tahun 1998 Tentang Perubahan atas Undang-undang Republik Indonesia Nomor 7 Tahun 1992 tentang Perbankan.

Dengan berkuatkuasa undang-undang tentang perbankan yang membuka kesempatan bagi siapa sahaja yang akan mendirikan bank syari'ah mahupun yang ingin mengubah dari sistem konvensional menjadi sistem syari'ah. Di antara perubahan yang berkaitan langsung dengan keberadaan Bank Islam adalah:<sup>63</sup>

- Pasal 1 ayat 12 menyatakan “pembiayaan berdasarkan prinsip syari'ah adalah penyediaan wang atau yang dipersamakan dengan itu berdasarkan persetujuan atau kesepakatan antara bank dengan pihak lain yang mewajibkan pihak yang dibiayai untuk mengembalikan atau tagihan tersebut setelah jangka waktu tertentu dengan imbalan atau bahagi keuntungan“.
- Pasal 1 ayat 13 berbunyi “prinsip syari'ah adalah aturan perjanjian berdasarkan hukum Islam antara bank dengan pihak lain untuk menyimpan dana dan pembiayaan kegiatan usaha, atau kegiatan lainnya yang dinyatakan sesuai dengan syari'ah, antara lain pembiayaan berdasarkan prinsip bahagi keuntungan (*mudharabah*), pembiayaan berdasarkan prinsip penyertaan modal (*musyarakah*), prinsip jual beli barang dengan memperoleh keuntungan (*murabahah*), atau pembiayaan barang modal berdasarkan prinsip sewa murni tanpa pilihan (*ijarah*), atau dengan adanya pilihan pemindahan kepemilikan atas barang yang disewa dari pihak bank oleh pihak lain (*ijarah wa iqtina*).
- Ketentuan pasal 6: “menyediakan pembiayaan dan atau melakukan kegiatan lain berdasarkan prinsip syari'ah, sesuai dengan ketentuan yang ditetapkan oleh Bank Indonesia”
- Ketentuan pasal 13: “menyediakan pembiayaan dan penempatan dana berdasarkan prinsip syari'ah, sesuai dengan ketentuan yang ditetapkan oleh Bank Indonesia”.

Mulai tahun 2008 sampai dengan sekarang, perbankan Islam telah mempunyai payung hukum yang kukuh dengan dibentuknya Undang-undang Nombor 21 Tahun

---

<sup>63</sup> *Ibid.*

2008 tentang Perbankan Syariah. Undang-undang ini dengan jelas disebutkan bahawa Bank Umum Syariah atau Bank Syariah dapat memberikan pembiayaan dalam bentuk Musyarakah, Mudharabah, Ijarah Muntahiyah Bi al-Tamlik, Murabahah, Salam, Istisna', dan perkhidmatan lainnya.<sup>64</sup>

### **2.2.3. Mekanisme Operasional**

Bank Muamalat dalam menjalankan usaha komersialnya mempunyai tiga prinsip operasional yang terdiri dari sistem bahagi keuntungan, sistem jual beli (margin keuntungan) dan sistem yuran atau perkhidmatan. Sistem bahagi keuntungan merupakan suatu sistem yang meliputi tata cara pembahagian keuntungan daripada perniagaan antara penyedia dana dengan pengelola dana. Pembahagian keuntungan daripada perniagaan ini dapat terjadi antara bank dan penyimpan dana, mahupun antara bank dengan pengguna sebagai penerima dana. Bentuk produk yang berdasarkan prinsip ini adalah *mudharabah* dan *musyarakah*.

Sistem jual beli dengan margin keuntungan merupakan suatu sistem yang menerapkan tata cara jual beli, di mana bank menjadikan pengguna sebagai agen bank dan pengguna dalam kapasitinya sebagai agen bank melakukan pembelian barang atas nama bank, kemudian bank akan bertindak sebagai penjual akan menjual barang tersebut kepada pengguna dengan harga sejumlah harga beli ditambah keuntungan bagi bank.

Sistem yuran atau perkhidmatan meliputi seluruh perkhidmatan yang bukan pembiayaan yang diberikan oleh bank. Bentuk produk yang berdasarkan prinsip ini adalah wadiah (agensi), perkhidmatan pemindahan antara bank, dan atau pemindahan dengan perbankan yang berbeza.

---

<sup>64</sup> Undang-undang Republik Indonesia Nomor 21 Tahun 2008, tentang Perbankan Syariah (UU No. 21 tahun 2008, tentang Perbankan Syariah)

Produk pada Bank Muamalat Indonesia dibagi menjadi tiga:

#### 1. Produk Simpanan

Pengguna yang mengamanahkan dana di Bank Muamalat Indonesia bukan sekadar menyimpan atau menitipkan dana. Dana pengguna dilaburkan secara baik untuk membiayai berbagai macam usaha halal dan produktif bagi kepentingan Ummat. Bahagi keuntungan yang diperoleh setiap bulan merupakan hasil daripada pembiayaan Bank Muamalat Indonesia untuk usaha-usahnya yang tidak diragukan kehalalannya.

Produk simpanan terdiri daripada Tabungan Ummat, Tabungan Ummat Junior, Shar-E, Tabungan Haji Arafah, Giro Wadiah, Deposit Mudharabah, Deposit Fulinves, DPLK Muamalat.

#### 2. Produk Pembiayaan (Financing)

Sistem pembiayaan Bank Muamalat menempatkan pelanggan sebagai rakan kongsi Bank Muamalat dalam perniagaan sehingga skema apapun yang dipilih, jual beli ataupun bahagi keuntungan, Bank Muamalat dengan komitmennya untuk mendukung usaha yang halal, akan memberikan dukungan pembiayaan.

Baiti Jannati merupakan fasiliti penanaman dana dalam bentuk kerjasama pemilikan rumah sesuai syariah dengan berbagai keuntungan yang baru diterbitkan tahun 2007, produk ini sebuah pembiayaan perumahan (KPRS)<sup>65</sup> yang berasaskan syariah yang halal dan bebas riba.

Produk pengelolaan dana terdiri dari: Piutang Murabahah, Piutang Istishna, Pembiayaan Mudharabah, Pembiayaan Musyarakah, Pembiayaan Ijarah Muntahiya Bittamlik, Rahn (Gadai Syariah).

---

<sup>65</sup>KPRS dalam Bank Muamalat Indonesia adalah kepanjangan dari Kongsi Pemilikan Rumah Syariah

### 3. Produk perkhidmatan

Produk perkhidmatan ini menggunakan sistem yuran dalam setiap perkhidmatan yang diberikan oleh Bank Muamalat Indonesia kepada pelanggan. Bentuk produk yang berdasarkan prinsip ini adalah: Automatic Teller Machine (ATM), perkhidmatan pemindahan antara bank, dan lain-lain

#### 2.3. Akad Perjanjian Dalam Hukum Islam

Akad atau perikatan tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan sehari-hari. Ia memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Zaman dahulu kala mungkin tidak dikenali dengan akad, kerana pada masa tersebut belum diperlukan akad secara formal dan ini hanya dipraktikkan dalam pertukaran barang sahaja (*barter trade*). Pada zaman sekarang, akad merupakan hal yang penting untuk lakukan, ini merupakan salah satu cara untuk mewujudkan hak, tanggungjawab ataupun kewajipan antara pihak yang melakukan akad. Oleh kerana itu, akad harus diketahui oleh kedua pihak secara sadar mahupun secara hukum.

Akad (*aqd*) atau perjanjian menduduki posisi yang sangat penting dalam fiqh muamalah, kerana ia merupakan cara paling penting yang digunakan untuk memperoleh suatu maksud, terutama yang berkenaan dengan harta atau manfaat sesuatu secara sah.

Dalam Al-Qur'an, ada dua istilah yang berhubungan dengan perjanjian, iaitu *al-aqdu* (akad) dan *al-'ahdu* (janji). Pengertian akad secara bahasa adalah ikatan, mengikat. Dikatakan ikatan (*al-rabth*) maksudnya adalah menghimpun atau mengumpulkan dua hujung tali dan mengikatkan salah satunya pada yang lainnya hingga keduanya bersambung dan menjadi seperti seutas tali yang satu.<sup>66</sup> Akad juga

---

<sup>66</sup> Wahbah Zuhaili (2004), *Fiqh Islami wa Adillatuhu*, juz. 4, Damsyik: Darul Fikri, h. 2917; Ghufroon A. Mas'adi (2002), *Fiqh Muamalah Konstektual*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 75.

diertikan dengan sambungan ('aqdatun) maksudnya sambungan yang memegang kedua ujung itu dan mengikatnya.<sup>67</sup>

Kata *al-'aqdu* terdapat dalam al-Qur'an Surah al-Maidah (5) ayat 1 yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوفُوا بِالْعُقُودِ ۚ أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَىٰ  
عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ ۗ إِنَّ اللَّهَ تَحْكُمُ مَا يُرِيدُ ﴿١﴾

Maksudnya: *"Hai orang-orang yang beriman, penuhilah aqad-aqad itu"*<sup>68</sup>. *dihalalkan bagimu binatang ternak, kecuali yang akan dibacakan kepadamu. (yang demikian itu) dengan tidak menghalalkan berburu ketika kamu sedang mengerjakan haji. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum-hukum menurut yang dikehendaki-Nya."*

Istilah 'ahdu dalam al-Qur'an mengacu kepada pernyataan seseorang untuk mengerjakan sesuatu atau tidak mengerjakan sesuatu dan tidak berhubungan dengan orang lain. Perjanjian boleh dibuat oleh siapapun dan tidak memerlukan persetujuan orang lain, seperti yang dijelaskan dalam surat al-Imran ayat 76 bahawa janji hanya mengikat orang yang membuat janji tersebut.

Dilihat dari sumbernya, perikatan (aqdu) ada yang lahir dari undang-undang dan ada yang lahir dari perjanjian lain yang ditunjuk oleh undang-undang. Hukum perikatan ini lahir dari pelbagai macam sumber yang disebut dengan hukum perikatan. Sedangkan hukum perjanjian adalah bahagian dari hukum perikatan.<sup>69</sup>

<sup>67</sup> Hendi Suhendi (2005), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 44.

<sup>68</sup> Dalam terjemahan sedikit dijelaskan tentang Aqad (perjanjian) iaitu mencakup: janji prasetia hamba kepada Allah dan perjanjian yang dibuat oleh manusia dalam pergaulan sesamanya.

<sup>69</sup> Syamsul Anwar (2007), *Hukum Perjanjian Syariah: Studi Tentang Teori Akad dalam Fiqh Muamalat*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 42.



### 2.3.1. Rukun dan Syarat Akad

Sebelum melaksanakan suatu perikatan, ada ketentuan-ketentuan yang harus dipenuhi, ketentuan yang harus dipenuhi ialah rukun dan syarat. Pengertian rukun secara bahasa adalah “sesuatu yang harus dipenuhi untuk sahnya suatu ibadat atau pekerjaan”, singkatnya, rukun juga diertikan dengan asas, dasar, sendi, dan pokok.<sup>70</sup> sedangkan syarat adalah “segala sesuatu yang diperlukan atau mesti ada (dimiliki dan dilaksanakan) untuk mencapai ketentuan yang dimaksudkan”.<sup>71</sup>

Dalam hukum Islam, rukun dan syarat sama-sama menentukan sah atau tidaknya suatu perbuatan (kontrak). Secara definisi, rukun adalah “suatu unsur yang merupakan bahagian yang tidak dipisahkan dari suatu perbuatan atau lembaga yang menentukan sah atau tidak perbuatan tersebut dan ada atau tidak sesuatu itu”<sup>72</sup> Definisi syarat adalah “sesuatu yang tergantung pada keberadaan hukum syar’i dan ia berada diluar hukum itu sendiri yang ketiadaannya menyebabkan hukum pun tidak ada”.<sup>73</sup>

Dari definisi di atas, perbezaan antara rukun dan syarat menurut ulama Ushul Fiqh yang telah dihuraikan oleh Abdul Aziz Dahlan bahawa rukun merupakan sifat yang kepadanya tergantung keberadaan hukum dan ia termasuk dalam hukum itu sendiri. Manakala syarat merupakan sifat yang kepadanya tergantung keberadaan hukum tetapi ia berada diluar hukum itu sendiri.<sup>74</sup>

Para ahli fiqh berbeza pandangan terhadap rukun akad. Mazhab Hanafi menyatakan bahawa rukun akad hanya *sighat al-‘aqd*, iaitu ijab dan kabul. Sedangkan syarat akad adalah *al-‘aqidain* (subyek akad) dan *mahallul- ‘aqd* (objek akad). Alasannya adalah *al-‘aqidain* dan *mahallul ‘aqd* bukan merupakan bahagian dari

---

<sup>70</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, Bandar Seri Bagawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, h. 2306.

<sup>71</sup> *Ibid.*, h. 2648.

<sup>72</sup> Abdul Azis Dahlan (1996), *Ensiklopedi Hukum Islam*, Jilid 5, Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve, h. 1510.

<sup>73</sup> *Ibid.*, h. 1691.

<sup>74</sup> *Ibid.*

perbuatan hukum akad (*tasharruf aqad*), kedua hal tersebut berada diluar perbuatan akad. Berbeza halnya dengan pendapat dari mazhab Syafi'i, Imam Ghazali dan mazhab Maliki termasuk Syihab al-Karakhi, menyatakan bahawa *al-'aqidain* dan *mahallul 'aqd* termasuk rukun akad kerana hal tersebut merupakan salah satu tiang utama dalam berdirinya sebuah akad.<sup>75</sup>

Jumhur ulama berpendapat, bahawa rukun akad adalah *al-'aqidain*, *mahallul 'aqd*, dan *sighat al-'aqd*.<sup>76</sup> Selain ketiga rukun tersebut, Musthafa az-Zarqa menambah *maudhu'ul 'aqd* (unsur-unsur penegak akad). Berdasarkan perbincangan di atas, ada empat rukun yang menjadi unsur terbentuknya sebuah akad.<sup>77</sup>

### 1. Subjek Perikatan (*'aqid* atau *al-'aqidain*)

Subjek perikatan adalah orang yang melakukan akad sama ada seorang yang berakad (*'aqid*) ataupun dua pihak atau lebih (*al-'aqidain*). Sebagai pelaku yang melakukan akad maka pelaku atau subjek perikatan dikategorikan dalam tindakan hukum akad (perikatan) sebagai subjek hukum. Subjek hukum terdiri dari dua macam iaitu manusia dan perbadanan dalam kaitannya dengan ketentuan dalam hukum Islam.<sup>78</sup>

#### a. Manusia

Manusia disebut sebagai subjek hukum dalam hukum perikatan. Dalam hukum Islam orang yang sudah dapat dibebankan hukum disebut dengan *mukallaf*. Kata "*Mukallaf*" berasal dari bahasa Arab yang bermakna "orang yang dibebani hukum", orang-orang yang telah dapat membezakan perintah dan larangan Allah dan dapat mempertanggungjawabkan perbuatannya di hadapan Allah SWT, maka ia disebut dengan *mukallaf*. Singkatnya, *Mukallaf* adalah orang yang telah mampu melakukan

<sup>75</sup> Ghuftron A. Mas'adi (2002), *Fiqh Muamalah Kontekstual*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 79.

<sup>76</sup> Wahbah Zuhayli (2004), *Op.cit.*, juz. 4, h. 2930.

<sup>77</sup> Syamsul Anwar (2007), *Hukum Perjanjian Syariah*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 96; lihat juga Mohd Ali bin Haji Baharum (1999), *Undang-undang kontrak perbandingan Islam dan Inggris*, Selangor Darul Ehsan: Dawana Sdn bhd, h. 65.

<sup>78</sup> Gemala Dewi et al (2005), h.51; lihat juga Hendi Suhendi (2005), h. 47.

perbuatan secara hukum, sama ada perbuatan yang berhubungan dengan Tuhan mahupun dengan masyarakat dalam kehidupan sosial.<sup>79</sup>

Pada prinsipnya, perbuatan hukum seseorang dianggap sah dan dapat dikenakan hukum, kecuali ada hal-hal yang dapat dibuktikan dengan hukum yang mengharuskan bebas dari hukum tersebut. Perbuatan hukum seseorang yang telah baligh (dewasa) dapat dinyatakan tidak sah atau dapat dibatalkan apabila dapat dibuktikan adanya alasan atau halangan-halangan (*barriers*) sebagai berikut:<sup>80</sup>

- a) *Safih* atau di bawah umur;
- b) *Junun* atau kehilangan kesedaran atau gila;
- c) *'Atah* atau bodoh;
- d) *Safah* atau boros;
- e) *Ighma* atau kehilangan kesedaran;
- f) *Naum* atau tertidur dalam keadaan tidur gelap;
- g) *Khata* atau kesalahan;
- h) *Nisyan* atau terlupa dan;
- i) *'Awarid Muktasabah* atau memiliki kekurangan, kerosakan (akal) atau kehilangan.

Kerosakan atau terganggunya akal seseorang dapat disebabkan oleh *Intoxication/Sukr* (mabuk, keracunan ubat, dan sebagainya) atau kerana ketidaktahuan dan kelalaian.

Selain dilihat dari tahapan kedewasaan seseorang, kecekapan hukum juga termasuk dalam syarat rukun seseorang dalam melakukan perikatan (akad). Kecekapan hukum adalah kelayakan seseorang untuk perkataan dan perbuatannya dianggap sah

---

<sup>79</sup> Ade Armando, et al (t.t), *Ensiklopedi Islam untuk Pelajar*, Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve, h. 77.

<sup>80</sup> Ghufon A.Mas'adi (2002), *Op Cit.*, h. 82.

secara hukum syariah. Ia telah memiliki kemampuan melahirkan akibat hukum atas perbuatannya.<sup>81</sup>

Sah atau tidaknya akad yang akan dilakukan oleh subjek akad juga tergantung pada psikologis seseorang, ini juga perlu diperhatikan untuk mencapai sahny suatu akad. Ya'cub mengemukakan syarat-syarat subjek akad adalah sebagai berikut :<sup>82</sup>

a) *Aqil* (berakal)

Orang yang melakukan akad haruslah berakal sehat, bukan orang gila, terganggu akalnya, ataupun kurang akalnya kerana masih dibawah umur, sehingga dapat mempertanggungjawabkan transaksi yang dibuatnya.

b) *Tamyiz* (dapat membezakan yang baik dan yang buruk)

Orang yang bertransaksi haruslah dalam keadaan dapat membezakan yang baik dan yang buruk, sebagai pertanda kesedarannya sewaktu bertransaksi.

c). *Mukhtar* (bebas dari paksaan)

Syarat ini didasarkan oleh ketentuan al-Qur'an Surah An-Nisa' (4) ayat 29 dan Hadis Nabi SAW yang mengemukakan prinsip *an-Taraddin* (rela sama rela). Hal ini bererti para pihak harus bebas dalam bertransaksi, lepas dari paksaan dan tekanan.

b. Perbadanan

Menurut Wirjono, perbadanan adalah badan yang dianggap dapat bertindak dalam hukum dan yang mempunyai hak-hak, kewajiban-kewajiban, dan perhubungan hukum terhadap orang lain atau badan lain.<sup>83</sup> Perbadanan ini memiliki kekayaan yang terpisah dari perseorangan. Meskipun pengurus perbadanan berganti-ganti, ia tetap memiliki kekayaan tersendiri. Perbadanan boleh berupa negara, daerah otonom, perkumpulan orang-orang, syarikat atau perusahaan, dan yayasan.<sup>84</sup>

---

<sup>81</sup> Syamsul Anwar (2007), *Op Cit*, h. 111.

<sup>82</sup> Hamzah Ya'cub (1984), *Kode Etik Dagang Menurut Islam Pola Pembinaan Hidup dalam Berekonomi*, Bandung: CV. Diponegoro, h. 79.

<sup>83</sup> R. Wirjono Prodjodikoro (1981), *Asas-asas Hukum Perdata*, Bandung: Sumur Bandung, h. 23.

<sup>84</sup> *Ibid*.

Dalam Islam, perbadanan tidak diatur secara khusus. Namun, ada beberapa dalil dalam al-Qur'an ataupun hadis yang menunjukkan bahawa dalam Islam juga ada perbadanan dengan menggunakan istilah *al-syirkah*, hal ini seperti yang disebutkan dalam beberapa dalil berikut:

- Dalam al-Qur'an, Surah An-Nisa (4) ayat 12 disebutkan yang maksudnya: “ *Tetapi jika saudara-saudara seibu itu lebih dari seorang maka mereka bersekutu dalam yang sepertiga itu...*”<sup>85</sup>
- Surah Shād (38) ayat 24 juga disebutkan yang maksudnya: “ *Dan sesungguhnya kebanyakan dari orang-orang yang berserikat itu sebahagian mereka berbuat zalim kepada sebahagian yang lain, kecuali orang-orang yang beriman...*”<sup>86</sup>
- Dalam sebuah riwayat Abu Dawud dan al-Hakim dari Abu Hurairah, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda: “*Aku (Allah) adalah pihak ketiga dari dua orang yang berserikat, sepanjang salah seorang dari keduanya tidak berkhianat terhadap lainnya. Apabila seseorang berkhianat terhadap lainnya, maka Aku keluar dari keduanya*”. (Hadis qudsi).<sup>87</sup>

## **2. Objek Perikatan (*Mahallul 'Aqd*)**

Objek perikatan (*Mahallul 'aqd*) adalah suatu yang dijadikan objek akad dan dikenakan padanya akibat hukum. Objek akad dapat berupa benda berwujud, seperti tanah, kereta dan rumah mahupun benda tidak berwujud iaitu objek berupa manfaat seperti dalam akad sewa-menyewa (ijarah). Ada beberapa syarat-syarat yang harus dipenuhi dalam mahallul'aqd iaitu sebagai berikut:<sup>88</sup>

---

<sup>85</sup> QS. An-Nisa' (4): 12.

<sup>86</sup> QS. Shad (38): 24.

<sup>87</sup> Ghuftron A. Mas'adi (2002), h.192.

<sup>88</sup> Ghuftron A. Mas'adi (2002), h. 86-89.

1) Objek perikatan telah ada ketika akad dilangsungkan.

Akad yang dilakukan tanpa ada barang atau objek yang diakadkan adalah batal, hal ini telah disebutkan dalam hadis Hakim Ibnu Hizam yang menyatakan bahawa Nabi SAW bersabda: "*jangan engkau menjual barang yang tidak ada padamu*" (Hadis Riwayat an-Nasa'i)<sup>89</sup>. Contohnya menjual anak haiwan yang masih dalam perut induknya atau menjual buah sebelum berbuah. Alasannya bahawa sebab hukum dan akibat akad tidak mungkin bergantung pada sesuatu yang belum ada. Ada pengecualian dalam beberapa akad lain, seperti *salam*, *istishna* dan *musaqah*, objek pada akad tersebut diperkirakan ada pada masa yang akan datang. Pengecualian ini didasarkan pada istihsan untuk memenuhi keperluan hidup seseorang dalam kehidupan bermuamalat.

2) Objek perikatan dibenarkan oleh syara'.

Pada dasarnya, benda-benda yang menjadi objek perikatan haruslah memiliki nilai dan manfaat bagi manusia, tidak boleh berakad terhadap barang yang dilarang oleh syara', seperti menjual darah, bangkai, dan barang yang diharamkan oleh Allah. Selain itu, jika objek akad dalam bentuk manfaat yang bertentangan dengan ketentuan syariah juga dilarang, seperti pelacuran dan pembunuhan.

3) Objek harus jelas dan dikenali.

Untuk menghindari dari terjadinya kesalahfahaman di antara para pihak yang berakad, objek atau benda yang menjadi objek akad harus jelas dan diketahui oleh 'aqid. Apabila objek tidak jelas sehingga dapat menimbulkan perselisihan faham, maka akad tersebut tidak sah. Jika objek tersebut berupa benda, maka benda tersebut harus jelas keadaan, bentuk dan fungsinya. Jika objek tersebut berupa manfaat, seperti manfaat mengupah seseorang untuk melakukan suatu pekerjaan, maka harus jelas bahawa pihak yang memiliki keahlian sejauh mana kemampuan, ketrampilan, dan kepandaianya

---

<sup>89</sup> Syamsul Anwar (2007), h. 192. Lihat juga dalam Mausui'at Hadis, Sunan Kabir al-Nasa'i, Kitab Buyu', no. 6162.

dalam bidang tersebut. Jika pihak tersebut tidak pakar, terampil, mampu mahupun pandai, dalam pekerjaan tersebut mesti diberitahu agar masing-masing pihak memahaminya.<sup>90</sup>

4) Objek dapat diserahterimakan.

Objek akad disyariatkan harus dapat diserahterimakan pada saat akad terjadi atau pada waktu yang telah disepakati oleh kedua pihak. Apabila objek akad berupa barang seperti dalam akad murabahah, barang tersebut harus dapat dimanfaatkan langsung. Pertimbangan bahawa barang harus jelas dan dapat diberikan secara langsung adalah untuk menjauhi ketidakjelasan (*gharar*) dalam akad yang dapat merugikan salah satu pihak. Jika objek akad berupa manfaat maka pihak pertama harus melaksanakan pekerjaan tersebut, manfaat pekerjaan dapat dirasakan oleh pihak kedua, sesuai dengan kesepakatan.<sup>91</sup>

### 3. Tujuan Perikatan (*Maudhu'ul'Aqad*)

*Maudhu'ul 'aqad* ialah tujuan dan maksud pokok dilakukan akad. Berbeza akad, maka berbeza pula tujuan pokok akad. Seperti dalam akad jual beli, tujuan pokoknya adalah memindahkan barang dari penjual kepada pembeli dengan adanya pengganti terhadap barang tersebut, dan tujuan akad hibah iaitu memindahkan barang dari penghibah kepada orang yang dihibahkan untuk memilikinya tanpa ada pengganti. Begitu juga, hukum suatu akad ijarah ialah memberikan manfaat dari seseorang kepada orang lain dengan adanya pengganti.<sup>92</sup>

Beberapa pengkaji modern melihat konsep tujuan akad ini sebagai *kausa*<sup>93</sup> yang menjadi dasar keabsahan dan batalnya perjanjian. Tujuan akad ini adalah dasar

---

<sup>90</sup> Gemala Dewi, et al (2005), h. 62; Syamsul Anwar (2007), h. 202.

<sup>91</sup> Syamsul Anwar (2007), h. 192-193.

<sup>92</sup> Hendi Suhendi (2005), h. 47.

<sup>93</sup> Kausa disebut juga dengan motif (kausa impulsif). Teori ini dibawa oleh 'Abd ar-Rahman as-Sanhuri ahli hukum Mesir yang terkemuka. Islam tidak menguraikan secara terinci tentang kausa dalam akad, kerana motif dianggap terkandung dalam akad jika

perikatan kedua belah pihak. Tujuan akad tersebut dilakukan menurut akad yang dilakukan, seperti akad jual beli bertujuan memindahkan hak milik dan akad ijarah adalah memberi manfaat terhadap akad tersebut.

Ahmad Azhar Basyir menentukan syarat-syarat yang harus dipenuhi agar tujuan akad dipandang sah dan mempunyai akibat hukum, iaitu sebagai berikut:<sup>94</sup>

- 1) Tujuan akad bukan merupakan kewajiban yang telah ada atas pihak-pihak yang bersangkutan tanpa akad yang diadakan ;
- 2) Tujuan harus berlangsung mulai adanya hingga berakhirnya pelaksanaan akad;
- 3) Tujuan akad harus dibenarkan syara'.

#### **4. Ijab dan Kabul (*sighat al-'aqad*)**

Sighat al'aqad adalah ungkapan para pihak yang melakukan akad berupa ijab dan kabul. Ijab adalah suatu pernyataan janji atau ungkapan permulaan dari pihak pertama sebagai gambaran dari kehendaknya untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu. Kabul adalah suatu pernyataan menerima dari pihak kedua atas penawaran yang dilakukan oleh pihak pertama atau sebagai jawaban ijab dari pihak pertama.

Secara umum, dalam Islam tidak ada bentuk kontrak yang sudah ditetapkan, Ibn Qudamah menyatakan bahawa ketika Allah membolehkan akad jual beli tidak ditentukan bagaimana cara dalam melakukan akad jual beli.<sup>95</sup>

Menurut Ahmad Azhar Basyir, *Ijab dan kabul* dapat dilakukan dengan empat cara iaitu secara :<sup>96</sup>

- a. Tulisan.

---

ada pernyataan kehendak, mazhab Syafi'i dan Mazhab Hanafi termasuk dalam kategori ini. Lihat Syamsul Anwar (2007), *Hukum Perjanjian Syariah: Studi tentang Teori Akad dalam Fikih Muamalat*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h.223-224.

<sup>94</sup> Ahmad Azhar Basyir (2000), *Asas-asas Hukum Muamalat (Hukum Perdata Islam)*, Yogyakarta: UII Press, h. 99-100.

<sup>95</sup> Siti Salwani Razali (2010), *Islamic Law of Contract*, Singapura: Cengage Learning Asia Pte Ltd, h. 3-4.

<sup>96</sup> Ahmad Azhar Basyir (2000), h. 68-71.



Penyampaian akad secara tulisan dapat dilakukan oleh para pihak yang tidak dapat bertemu langsung dalam melakukan perikatan, biasanya akad ini dilakukan untuk akad-akad yang sifatnya lebih sulit, seperti akad yang dilakukan oleh perbadanan.

b. Lisan.

Penyampaian akad secara lisan dapat dinyatakan oleh para pihak secara langsung mengikut kehendaknya dalam bentuk perkataan secara jelas dan dengan bahasa mudah difahami oleh kedua pihak.

c. Isyarat.

Bagi orang-orang tertentu akad atau ijab dan kabul tidak dapat dilaksanakan dengan ucapan dan tulisan, seperti orang bisu yang tidak pandai berucap dan tidak dapat bertulis, mereka juga dimungkinkan untuk melakukan satu akad dengan isyarat, asalkan para pihak yang melakukan akad tersebut mempunyai pemahaman yang sama.

d. Perbuatan.

Penyampaian akad dengan perbuatan ialah perbuatan memberi dan menerima dari para pihak yang telah saling memahami suatu perbuatan perikatan dan segala akibat hukumnya, disebut dengan *ta'athi* atau *mu'athah* (saling memberi dan menerima). Menurut sebahagian ulama, apabila seseorang meninggalkan barang di hadapan orang lain, kemudian dia pergi dan orang yang meninggalkan barang itu berdiam diri sahaja, hal ini dipandang telah ada akad *'ida* (titipan) antara orang yang meletakkan barang dengan menghadapi letakan barang titipan dengan jalan *dalalat al-hal*. Dari kes tersebut, ulama berpendapat bahawa penyampaian akad dengan perbuatan merupakan salah satu cara terjadi ijab dan kabul.

### 2.3.2 Pembahagian Akad

Menurut para ulama fiqih, secara garis besar akad dapat diklasifikasikan dalam berbagai segi :

- a. Dari segi penamaannya, akad dibagi menjadi dua macam iaitu :
  - 1) Akad *musammah*, iaitu akad yang ditentukan nama-namanya oleh syara' serta dijelaskan hukum-hukumnya, seperti jual beli, sewa menyewa, perikatan.
  - 2) Akad *ghair musammah*, iaitu akad yang penamaannya ditentukan oleh masyarakat sesuai dengan keperluan mereka di sepanjang zaman dan tempat, seperti *istishna'*, *bai' al-wafa'*, dan lain-lain.<sup>97</sup>
  
- b. Dilihat dari bentuk atau cara melakukan akad, dibahagi menjadi dua iaitu :
  - 1) Akad-akad yang harus dilaksanakan dengan tata cara tertentu. Misalnya, akad yang menimbulkan hak bagi seseorang atas tanah.
  - 2) Akad-akad yang tidak memerlukan tata cara. Misalnya jual beli yang tidak perlu dilakukan di tempat dan tidak perlu dilakukan di hadapan pejabat.<sup>98</sup>
  
- c. Dilihat dari maksud dan tujuannya, dibagi menjadi dua iaitu :
  - 1) Akad *Tabarru'*, iaitu akad yang dimaksudkan untuk menolong dan murni semata-mata kerana mengharap keredhaan dan pahala dari Allah, sama sekali tidak ada unsur mencari " *return*" atau motif. Akad yang termasuk dalam kategori ini adalah hibah, wakaf, wasiat, *ibra*, *wakalah*, *kafalah*, *hawalah*, *rahn*, dan *qirad*.
  - 2) Akad *tijari*, iaitu akad yang dimaksudkan untuk mencari dan mendapatkan keuntungan di mana rukun dan syarat telah dipenuhi semuanya. Akad yang termasuk di sini adalah *murabahah*, *salam*, *istisna'*, dan *ijarah muntahiya bittamlik* serta *mudharabah* dan *musyarakah*.<sup>99</sup>

<sup>97</sup> Nasrun Haroen (2000), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: Gaya Media Pratama, h.108.

<sup>98</sup> Teungku Muhammad Hasbi Ash Shidieqqy (1997), *Pengantar Fiqh Mu'amalah*, ed.2, Semarang: Pustaka Rizki Putra, h.110.

<sup>99</sup> Gemala Dewi (2004), *Aspek-aspek Hukum dalam Perbankan dan Perasuransian Syariah di Indonesia*, Jakarta: Kencana, h. 19.

### 2.3.3. Penamatan Akad

Suatu akad dipandang berakhir apabila telah tercapai tujuannya. Selain telah tercapainya tujuan, akad dipandang berakhir apabila terjadi *fasakh* (pembatalan) atau telah berakhir tempoh akad. *Fasakh* terjadi dengan sebab-sebab sebagai berikut :

- a. Di-*fasakh* (dibatalkan), kerana adanya hal-hal yang tidak dibenarkan syara', seperti yang disebutkan dalam akad rosak. Misalnya, jual beli barang yang tidak memenuhi syarat kejelasan.
- b. Dengan sebab adanya *khiyar*, baik *khiyar rukyat*, cacat, syarat, atau majlis.
- c. Salah satu pihak dengan persetujuan pihak lain membatalkan kerana merasa menyesal atas akad yang baru saja dilakukan. *Fasakh* dengan cara ini disebut *iqalah*.
- d. Kewajiban yang ditimbulkan, oleh adanya akad tidak dipenuhi oleh pihak-pihak yang bersangkutan.
- e. Berakhir tempoh akad, seperti dalam akad sewa menyewa berjangka waktu tertentu dan tidak dapat diperpanjangkan
- f. Tidak mendapat izin pihak yang berkuasa.
- g. Kerana kematian.<sup>100</sup>

### 2.3.4. Penyelesaian Perselisihan Faham

Untuk menghindari terjadinya perselisihan di kemudian hari, maka pihak perbankan harus memberikan meklumat yang terperinci kepada pelanggan, sehingga pelanggan faham betul produk yang ditawarkan. Hal ini tentunya akan mengurangi terjadi perselisihan faham di kemudian hari. Zhengchuan Xu menjelaskan dalam artikelnya bahawa penyelesaian perselisihan faham harus dilakukan pihak syarikat, hal ini dilakukan untuk

---

<sup>100</sup> Ghufroon A. Mas'adi (2002), *Op Cit.*, h. 114-117.

melindungi pelanggan, sekiranya tidak dapat diselesaikan oleh syarikat dengan pelanggan, barulah kes tersebut dilimpahkan kepada pihak ketiga.<sup>101</sup>

Dalam dunia yang semakin berkembang seperti saat ini, telah banyak cara yang dapat dilakukan untuk menyelesaikan perselisihan saham, seperti: menggunakan teknologi atau yang dikenal dengan penyelesaian pertikaian secara online (ODR) ataupun perkhidmatan daripada pihak ketiga. Penyelesaian perselisihan dalam hukum Islam pada prinsipnya boleh dilakukan dengan tiga jalan, iaitu:

### **1. Perdamaian (*Shulhu*)**

Jalan pertama yang dilakukan apabila terjadi perselisihan dalam suatu akad adalah dengan menggunakan jalan perdamaian (*shulhu*) antara kedua pihak. Dalam fiqh pengertian *shulhu* adalah suatu jenis akad untuk mengakhiri perlawanan antara dua orang yang saling berlawanan, atau untuk mengakhiri perselisihan faham.<sup>102</sup> Disini tampak adanya pengorbanan dari masing-masing pihak untuk terlaksananya perdamaian. Jadi, dalam perdamaian ini, tidak ada pihak yang mengalah terus ataupun penyerahan keputusan kepada pihak ketiga.<sup>103</sup>

Perdamaian (*shulhu*) disyariatkan berdasarkan Al-Quran (QS. 49:9), Sunnah dan Ijma'. Umar ra pernah berkata : “ Tolaklah permusuhan hingga mereka berdamai, kerana pemutusan perkara melalui pengadilan akan menimbulkan kedengkian di antara mereka”.<sup>104</sup>

### **2. Arbitrase (*Tahkim*)**

Istilah tahkim secara literal bererti mengangkat sebagai wasit atau juru damai. Sedangkan secara terminologi, tahkim bererti pelantikan seorang atau lebih, sebagai

---

<sup>101</sup> Zhengchuan Xu dan Yufei Yuan (2009), Principle-Based Dispute Resolution for Customer Protection, *Journal Knowledge-Based Systems*, 22 (2009), h. 18-27.

<sup>102</sup> A.T. Hamid (1983), *Ketentuan Fiqih dan Ketentuan Hukum yang Kini Berlaku di Lapangan Perikatan* Surabaya: PT Bina Ilmu, h.135.

<sup>103</sup> *Ibid.*

<sup>104</sup> Sayyid Sabiq (1988), *Fiqh Sunnah*, Jilid 12, terjemahan oleh H. Kamaluddin A.M, Bandung, PT. Al Ma'arif, h. 190.

wasit atau juru damai oleh dua orang atau lebih yang berperselisihan paham, guna menyelesaikan perkara yang mereka perselisihkan secara damai. Dalam hal ini, hakim yang ditunjuk untuk menyelesaikan perkara bukan oleh pihak kerajaan, tetapi ditunjuk langsung oleh dua orang yang berperselisihan paham. Perbuatan penunjukan itu disebut tahkim, dan orang yang ditunjuk itu disebut hakim (jamaknya hukam). Penyelesaian yang dilakukan oleh hakim pada abad modern ini disebut dengan *arbitrase*.<sup>105</sup>

Dasar hukum dari tahkim ini adalah : QS. An Nisa (4) : 35 , QS. Asy Syura (17) : ayat 38, QS. Ali Imran (3) : ayat 159, Hadis Nabi Riwayat Tarmizi dari Amru bin ‘Auf yang berbunyi: “ *Kaum muslimin sangat terikat dengan perjanjiannya, kecuali persyaratan (perjanjian) yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram* “. <sup>106</sup> Maksud dari hadis tersebut ialah bahawa dalam perjanjian dapat dicantumkan klausa *arbitrase* (surat perjanjian dan persetujuan)

### **3. Proses Peradilan (*Al-Qadha*)**

Al-Qadha secara harfiah antara lain memutuskan atau menetapkan. Menurut istilah fiqh kata ini bererti menetapkan hukum syara’ pada suatu peristiwa atau perselisihan paham untuk menyelesaikan secara adil dan mengikat. Lembaga peradilan semacam ini berkuasa menyelesaikan perkara-perkara tertentu yang mencakup perkara atau masalah sivil, termasuk didalamnya hukum keluarga, dan masalah jenayah. Orang yang berkuasa menyelesaikan perkara pada mahkamah semacam ini dikenal sebagai qadhi (hakim).<sup>107</sup>

Penyelesaian perselisihan paham melalui peradilan melalui beberapa proses, salah satu proses yang penting adalah pembuktian. Secara umum, alat bukti menurut hukum Islam dan undang-undang sivil sama. Perbezaan yang jelas terletak pada fungsi bukti sumpah (*yamin*) dalam hukum Islam, di mana dalam hukum Islam alat bukti

---

<sup>105</sup> Gemala Dewi, et al (2005), h. 91.

<sup>106</sup> *Ibid*, h. 92.

<sup>107</sup> *Ibid*.

sumpah adalah alat bukti yang berdiri sendiri (mutlak) dan mengikat sebagai bukti yang terkait (contoh : sumpah *li'an*) tanpa disertai dengan petunjuk lain. Sedangkan menurut undang-undang sivil sumpah adalah salah satu bentuk pengakuan yang menegaskan adanya pengaduan atau gugatan saja, sehingga sumpah tersebut harus disertai dengan petunjuk lainnya. Dalam hukum Islam, syarat-syarat saksi serta jumlah mereka telah jelas untuk perkara masing-masing, sedangkan dalam undang-undang sivil British tidak ditentukan demikian.

## 2.4 Akad *Mudharabah*

### 2.4.1 Pengertian *Mudharabah*

Kata *Mudaarabah* berasal dari bahasa Arab, yaitu asal kata dari *al-darb*<sup>108</sup> yang bermakna memukul, berpergian atau berjalan. Perkataan ini mempunyai banyak erti, di antaranya memukul, bergerak, berdetak, mengalir, berenang, bergabung, menghindari berubah, mencampur, berjalan, dan lain sebagainya<sup>109</sup>. Makna kata tersebut akan berubah mengikut pada kata sebelum dan sesudahnya.

Selain *al-darb*, kata *mudharabah* disebut juga *qiradh* yang berasal dari *al-qardu*, bererti *al-qath'u* (potongan), yang bermaksud pemilik memotong sebahagian hartanya untuk dilaburkan atau diperdagangkan dan pemilik harta tersebut untuk memperolehi sebahagian keuntungannya. Kedua kata tersebut (*mudharabah* dan *qiradh*) mempunyai erti yang sama dalam muamalah.<sup>110</sup>

Menurut istilah, *mudharabah* dita'rifkan pelbagai tafsiran oleh para ulama dan para ahli Ekonomi Islam. Diantaranya, menurut madzhab Hanafi, “*Mudharabah* adalah suatu akad untuk berkongsi dalam mendapatkan keuntungan diantara pemilik modal

---

<sup>108</sup> Al-Mu'jām al-Wasit (1972), *Al-juz' al-awwal*, Cet III, Kairo: Majma' al-lughah al-Arabiyyah, h.537; Lihat juga Hendi Suhendi (2005), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 135.

<sup>109</sup> Ahmad Warson Munawwir (1997), *Kamus Al-Munawwir*, Surabaya: Pustaka Progressif, h.815.

<sup>110</sup> Hendi Suhendi (2005), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 135.

(shahibul maal) dengan pihak lain.”<sup>111</sup> Madzhab Maliki pula menamakan *mudharabah* sebagai penyerahan wang muka oleh pemilik modal dalam jumlah wang yang ditentukan kepada seorang yang akan menjalankan usaha dengan wang tersebut dengan mengambil imbalan sebahagian dari keuntungannya.<sup>112</sup>

Madzhab Syafi’i memberi takrif yang hampir sama dengan madzhab Maliki iaitu pemilik modal menyerahkan sejumlah wang kepada pengusaha untuk dijalankan dalam suatu usaha dagang dengan keuntungan menjadi milik bersama antara keduanya.<sup>113</sup> Sedangkan madzhab Hanbali menyatakan sebagai penyerahan suatu barang atau sejenisnya dalam jumlah yang jelas dan tertentu kepada orang yang mengusahakannya dengan mendapatkan bahagian tertentu dari keuntungannya.<sup>114</sup>

*Mudharabah* juga dikenal dengan istilah muqaradah iaitu asal kata dari al-qardu atau qiradh, kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud dan tujuan yang sama, tetapi pada penggunaannya berbeza. Perkataan *mudharabah* sering digunakan oleh orang-orang Iraq, manakala perkataan muqaradah digunakan oleh orang-orang Hijaz.<sup>115</sup>

*Mudharabah* adalah akad antara pihak pemilik modal (*ṣāhibūl mal*) dengan pengelola (*mudharib*) untuk memperoleh pendapatan atau keuntungan. Pendapatan atau keuntungan tersebut dibahagi berdasarkan nisbah yang telah disepakati di awal akad.<sup>116</sup>

Menurut Antonio, *mudharabah* berasal dari kata *dharib*, bererti memukul atau berjalan. Pengertian memukul atau berjalan ini lebih tepatnya adalah proses seseorang memukulkan kakinya dalam perjalanan usahanya, secara teknikal, al-*mudharabah* adalah akad kerjasama usaha di antara dua pihak di mana pihak pertama menyediakan 100% modal, sedangkan pihak lainnya menjadi pengelola. Keuntungan perniagaan

---

<sup>111</sup> *Ibid*, h. 136.

<sup>112</sup> Al-*Dasuqi* (1989), *Hasyiah al-*Dasuqi*’ala al-*Sarh al-Kabir**, Juz III, Beirut : Dar al-Fikr, h 63.

<sup>113</sup> Al-Nawawi (t.t), *Riyad al-Salihin*, Vol. 4, Beirut : Dar al-Fikr, h. 289.

<sup>114</sup> Al-Bahuti (t.t), *Kasyshaf al-Qina*, Vol.2, Beirut : Dar al-Fikr, h. 509.

<sup>115</sup> Haji Said Haji Ibrahim (1980), *Dasar-Dasar Penubuhan Bank Islam Berpadukan Mudharabah/Muqaradah*, Kertas kerja. Kuala Lumpur, h.1-31

<sup>116</sup> Wirdyaningsih (2005), *Bank dan Asuransi Islam di Indonesia*, Ed.I.Cet. 1, Jakarta: Kencana, h.130.

secara *mudharabah* dibahagi menurut kesepakatan yang dituangkan dalam kontrak. Sedangkan apabila terjadi kerugian ditanggung oleh pemilik modal selama kerugian itu bukan akibat kelalaian pengelola, seandainya kerugian tersebut akibat kecurangan atau kecuaiannya pengelola, maka pengelola harus bertanggungjawab ke atas kerugian tersebut.<sup>117</sup>

Sudarsono mengatakan juga bahawa *mudharabah* berasal daripada perkataan *adhdharbu fi asdhi*, iaitu berpergian untuk urusan perniagaan.<sup>118</sup> *Mudharabah* disebut juga *qiradh* yang berasal dari kata *al-qardhu* yang bererti *alqath'u* (potongan), kerana pemilik memotong sebahagian hartanya untuk diperdagangkan dan memperoleh sebahagian keuntungan. Secara teknikal, *mudharabah* adalah akad kerjasama usaha antara dua pihak di mana pihak pertama (*ṣāhibūl māl*) menyediakan seluruh modal, sedangkan pihak lainnya menjadi pengelola. Keuntungan usaha secara *mudharabah* dibahagi menurut kesepakatan yang dituangkan dalam kontrak, sedangkan apabila terjadi kerugian ditanggung oleh pemilik modal, selama kerugian itu disebabkan oleh kecuaiannya pengelola, pengelola harus bertanggungjawab ke atas kerugian tersebut.

*Mudharabah* adalah akad kerjasama antara pemilik modal dengan pengelola usaha yang telah dikenal oleh umat muslim sejak zaman Nabi, bahkan telah dipraktikkan oleh bangsa Arab sebelum kedatangan Islam. Ketika Nabi Muhammad SAW berkerja sebagai pedagang,<sup>119</sup> praktik *mudharabah* telah dilakukan antara Khadijah dengan Nabi, Khadijah percaya barang dagangannya untuk dijual kepada Nabi Muhammad SAW ke luar negeri. Dalam kes ini, Khadijah sebagai pemilik modal (*shahib al-māl*) sedangkan Nabi Muhammad SAW sebagai pengelola (*mudharib*).<sup>120</sup>

---

<sup>117</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syari'ah Dari Teori ke Praktik*, Jakarta: Gema Insani Press, h. 95.

<sup>118</sup> Heri Sudarsono (2004), *Bank dan Lembaga Keuangan Syariah Deskripsi dan Ilustrasi*, Cet. 2, Yogyakarta: Ekonisia, h. 54-55.

<sup>119</sup> Kala itu Nabi Muhammad SAW berusia kira-kira 20-25 tahun, dan belum menjadi Nabi (Adiwarman A Karim (2004), *Bank Islam, Analisis Fiqih dan Keuangan*, Edisi 2, Jakarta: PT Raja Grafindo, h. 180.

<sup>120</sup> Sayyid Sabiq (2001), *Fiqih Sunnah* (Terjemahan), Bandung: Al Maarif



#### 2.4.2 Landasan Hukum *Mudharabah*

Landasan hukum melakukan *mudharabah* adalah harus (mubah), dilihat dari sisi tujuannya, *mudharabah* dilakukan untuk saling membantu antara pemilik modal dengan seorang pakar dalam mengelola usaha, kerana banyak di antara pemilik modal yang tidak pakar dalam mengelola usaha, sementara banyak pula pakar yang mahir dalam mengelola usaha tetapi tidak mempunyai modal untuk mewujudkan usahanya. Oleh kerana itu, Islam membolehkan melakukan *mudharabah* dengan tujuan saling tolong menolong antara pemilik modal dengan pengusaha.

Perbuatan ini sudah dilakukan sejak masa Rasulullah lagi. Ini juga merupakan amalan yang dianjurkan dalam Islam. Kebolehan melakukan *mudharabah* juga disebutkan dalam Al Qur'an Surah al-Muzammil ayat 20 :

يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ ...

Maksudnya: “ .....dan orang-orang yang berjalan dimuka bumi mencari sebahagian kurnia Allah SWT “ (QS. Al Muzammil: 20)

Dalam ayat tersebut terdapat kata *yadribun* yang asal katanya sama dengan *mudharabah*, yakni *dharaba* yang bererti mencari pekerjaan atau menjalankan usaha. Ini bermakna *mudharabah* adalah sebuah pekerjaan yang berjalan atau menjalankan usaha tertentu untuk mendapatkan kurnia Allah.

Dalam surah al-Baqarah 2: 198, Allah juga berfirman:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ...

Maksudnya: "Tidak ada dosa bagimu untuk mencari kurnia (rezeki hasil perniagaan) dari Tuhanmu..." (QS. al-Baqarah 2: 198)

Secara umum, kedua ayat di atas mengandungi keharusan melakukan akad *mudharabah*, mencari rezeki dan kurnia Allah di atas bumi ini adalah dianjurkan dalam

Islam, termasuk di antaranya bekerjasama dalam hal perkongsian dalam perniagaan untuk mencari rezeki dan kurnia Allah SWT.

Kebolehan melakukan akad *mudharabah* juga telah diriwayatkan dalam beberapa hadis oleh baginda Rasulullah SAW. Abu Hurairah telah meriwayatkan dalam sebuah hadis qudsi iaitu:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَفَعَهُ قَالَ إِنَّ اللَّهَ يَقُولُ أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيكَيْنِ مَا لَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَإِذَا خَانَهُ خَرَجْتُ مِنْ بَيْنَهُمَا

Maksudnya:

*"Dari Abu Hurayrah katanya: Allah SWT berfirman: Aku merupakan yang ketiga daripada dua orang yang berkongsi dalam sesuatu perniagaan selama mana mereka tidak mengkhianati antara satu sama lain, apabila mereka berlaku khianat, Aku keluar dari kedua-duanya."*<sup>121</sup>

Hadis di atas mengandungi makna bahawa hukum *mudharabah* itu boleh, dan Allah termasuk bersama orang yang berkongsi tersebut selama mana mereka tidak mengingkari akad yang telah disepakati antara keduanya dan tidak mengkhianati di antara satu sama lain.

Dalam riwayat lain, Rasulullah SAW juga bersabda:

أَخْبَرَنَا عَمْرُ بْنُ زُرَّارَةَ قَالَ أَنْبَأَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ حَدَّثَنَا بَنُ عَوْنٍ قَالَ كَانَ مُحَمَّدٌ يَقُولُ الْأَرْضُ عِنْدِي مِثْلُ مَالِ الْمُضَارَبَةِ فَمَا صَلَحَ فِي مَالِ الْمُضَارَبَةِ صَلَحَ فِي الْأَرْضِ وَمَا لَمْ يَصْلُحْ فِي مَالِ الْمُضَارَبَةِ لَمْ يَصْلُحْ فِي الْأَرْضِ قَالَ وَكَانَ لَا يَرَى بَأْسًا أَنْ يَدْفَعَ أَرْضَهُ إِلَى الْكَارِ عَلَى أَنْ يَعْمَلَ فِيهَا بِنَفْسِهِ وَوَلَدِهِ وَأَعْوَانِهِ وَبَقَرِهِ وَلَا يُنْفِقَ شَيْئًا وَتَكُونَ النَّفَقَةُ كُلُّهَا مِنْ رَبِّ الْأَرْضِ.

<sup>121</sup> Abu Dawud (t.t) *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Buyu', Bab fi al-Syarikah*, no.3383, h. 1472.

Maksudnya:

"Mengusahakan tanah itu samalah seperti barangan mudharabah, apa yang boleh digunakan dalam urusan mudharabah, ia juga boleh digunakan dalam pengusahaan tanah, dan begitulah sebaliknya. Seseorang itu boleh menyerahkan tanah kepada seseorang penyewa (untuk diusahakan), dan perbelanjaan bagi mengusahakan tanah tersebut ditanggung oleh pemiliknya (tanah)"<sup>122</sup>

Hadis ini bermaksud bahawa *mudharabah* juga boleh digunakan dalam urusan tanah, iaitu pemilik tanah boleh memberikan tanahnya kepada pihak lain untuk diusahakan. Faham penulis terhadap hadis ini adalah bahawa *mudharabah* juga boleh dilakukan dalam hal memberikan tanah kepada orang lain untuk diusahakannya, praktik ini juga disebut dengan *al-musaqah*<sup>123</sup>.

حَدَّثَنِي مَالِكٌ عَنْ الْعَلَاءِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ أَعْطَاهُ مَالًا قِرَاضًا يَعْمَلُ فِيهِ عَلَى أَنَّ الرَّبْحَ بَيْنَهُمَا

Maksudnya:

"Malik Menceritakan kepadaku dari al-'Ala' Ibn Abd al-Rahman dari ayahnya dari datuknya bahawa 'Uthman Ibn Affan pernah memberi kepadanya harta secara *Qirad* bagi diusahakan dengan syarat keuntungan dibahagi antara keduanya"<sup>124</sup>

Dalam riwayat lain, Rasulullah juga bersabda:

عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ وَعَنْ غَيْرِهِ أَنَّ حَكِيمَ بْنَ حِزَامٍ صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - كَانَ يَشْتَرِطُ عَلَى الرَّجُلِ إِذَا أَعْطَاهُ مَالًا مُقَارَضَةً

<sup>122</sup> Imam Nasa'i (1991), *Sunan al-Nasa'i al-Kubra, Kitab al-Ayman wa al-Nudhur, Bab Dhikr al-Ikhtilaf al-Alfaz al-Ma'thurah fi al-Muzara'ah*, juz. 3. Beirut: Dar- al-Kitab al-'Ilmiyah, no.4662. h.108

<sup>123</sup> *Al-musaqah* adalah bentuk lebih sederhana daripada *al-muzara'ah* di mana peladang hanya bertanggung jawab atas penjagaan dan pemeliharaan ladang, seperti menyiram tanaman, memberikan baja kepada tanaman dan lain-lain, sedangkan benih dari pemilik ladang. Sebagai imbalan atau upah peladang berhak atas peratusan tertentu dari hasil penuaian atau panen; Ahmah al-Syarbasi (1987), *al-Mu'jam al-Istisad al-Islami*. Beirut: Dar al-'Alam li al-Kutub, h. 124; Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syari'ah dari Teori ke praktik*, Jakarta: Gema Insani Press, h. 100

<sup>124</sup> Imam Malik(t.t), *al-Muwatta' Malik, Kitab Qirad, bab Ma Jaa fil Qirad*, Juz 2, no. 2430. Beirut: Muasasah Ar-risalah, h.288

فَضْرَبَ لَهُ بِهِ أَلَّا تَجْعَلَ مَالِي فِي كَبِدِ رَطْبَةٍ وَلَا تَحْمِلَهُ فِي بَحْرٍ وَلَا تَنْزِلَ بِهِ فِي بَطْنٍ مَسِيلٍ فَإِنْ فَعَلْتَ شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ فَقَدْ ضَمَنْتَ مَالِي.

Maksudnya:

"Dari 'Urwah bin al-Zubayr dan lainnya, bahawa Hakim Ibn Hizam sahabat Nabi SAW mensyaratkan kepada lelaki yang diberikan bantuan kewangan secara qirad (mudharabah), agar tidak memperniagakan modal tersebut pada binatang yang bernyawa, tidak membawanya ke laut, dan tidak membawanya mengharungi banjir. Jika engkau melakukan sedemikian, maka engkau perlu menjamin modalku.<sup>125</sup>

Hadis di atas menjelaskan bahawa keuntungan dari usaha tersebut secara umumnya hanya boleh dikongsi oleh pemilik modal dan pengusaha sahaja. Memberikan dana kepada mitranya secara *mudharabah*, ia boleh mensyaratkan supaya dananya tidak dibawa untuk mengarungi lautan, menuruni lembah yang berbahaya, atau membeli ternak. Jika menyalahi aturan tersebut, yang berhutang bertanggungjawab atas dana tersebut. Dalam riwayat lain, bahawa hal syarat-syarat tersebut disampaikan kepada Rasulullah SAW, Rasulullah pun membolehkannya.<sup>126</sup>

Di samping itu, para ulama juga sepakat tentang kebolehan akad *mudharabah* dalam perniagaan, walaupun telah diamalkan oleh umat pada masa jahiliyyah lagi,<sup>127</sup> alasannya, praktik ini telah dilakukan oleh sebahagian sahabat dan sahabat yang lain tidak membantahnya.<sup>128</sup> Hal ini berdasarkan dengan yang diriwayatkan oleh sekumpulan sahabat bahawa mereka telah melaburkan harta anak yatim secara *mudharabah*, dan para sahabat yang lain tidak ada yang mengingkari dan membantah

<sup>125</sup> Imam al-Daruqutni, Sunan al-Daruqutni, Bab al-buyu', Juz. 2, no 3000 h. 664; Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syari'ah Teori dan Praktek*, Jakarta, Gema Insani Press, h. 96.

<sup>126</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syari'ah Teori dan Praktek*, Jakarta, Gema Insani Press dengan Tazkia Cendikia, h. 96.

<sup>127</sup> Mohd Faiz Hakimi Mat Idris, et al (2008), *Mudharabah Perkongsian Modal dan Untung*, Kuala Lumpur :Book Pro Publishing service, h. 40.

<sup>128</sup> Nasrun Haroen (2007), *Fiqh Muamalah*, Jakarta: Gaya Media Pratama, h.177

perbuatan tersebut, di antara sahabat tersebut ialah Umar, Uthman, Ali, Abdullah Ibn Mas'ud, Abdullah dan Ubaidillah Ibn Umar dan Aisyah r.a.<sup>129</sup>

### **2.4.3 Pelaburan Mudharabah**

#### *1. Pengertian Akad Pelaburan Mudharabah*

Pelaburan adalah suatu aktiviti yang kerap dilakukan oleh perbankan untuk mendapatkan hasil dari jumlah pelaburan yang dikeluarkan. Majlis Ulama Indonesia (MUI) memberikan batasan terhadap pengertian pelaburan tersebut, pelaburan ialah penyertaan dalam bentuk modal atau pinjaman untuk mendapatkan hasil dalam jangka waktu tertentu. Adapun instrumen dari pelaburan adalah produk kewangan seperti surat berharga (saham, obligasi, dan deposit).<sup>130</sup>

Dalam dunia kewangan, istilah pelaburan sudah digunapakai secara luas bagi penggunaan wang untuk mendapat nilai tambah termasuk tabungan pada institusi kewangan konvensional. Dalam konteks syariah, pelaburan lebih diarahkan kepada penggunaan sektor yang dibenarkan oleh syariat. Islam juga sangat menggalakkan untuk melabur pada sektor yang dapat meningkatkan kemajuan usaha, membuka lapangan kerja baru, serta pemerataan kesempatan kerja yang dapat meningkatkan kesejahteraan bagi masyarakat.<sup>131</sup>

Pelaburan mudharabah merupakan salah satu konsep pelaburan Bank Syariah dengan menggunakan prinsip *profit and loss sharing*, mudharabah merupakan suatu bentuk kerjasama usaha yang terjadi dengan satu pihak sebagai penyedia modal sepenuhnya (shahibul mal) dan pihak lainnya sebagai pengelola (mudarib) agar

---

<sup>129</sup> Mohd Faiz Hakimi Mat Idris et al (2008), *Op. Cit.*, h.48; Al-Sarkhasi (t.t), *al-Mabsut*, Juz 11, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 18-20.

<sup>130</sup> Glossary dalam DSN-MUI-BI, Himpunan Fatwa untuk Lembaga Kewangan Syariah (LKS), Edisi I, Jakarta, h.146.

<sup>131</sup> Marhadi (2010), *Kajian Aplikasi Akad Mudharabah di PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta, Indonesia*, Tesis, Jabatan Syariah Ekonomi, Kuala Lumpur, h. 63.

keduanya berbagi keuntungan menurut kesepakatan bersama dengan kesanggupan untuk menanggung risiko.<sup>132</sup>

Konsep *mudharabah* dalam perbankan juga menggunakan prinsip bagi untung rugi yang dianggap merupakan konsekuensi dari adanya ketidakpastian dalam kontrak pelaburan. Akan tetapi, pada kenyataannya perbankan syariah hampir menghilangkan karakter ketidakpastian hasil usaha dalam kontrak *mudharabah*, melalui berbagai pertimbangan.<sup>133</sup>

Penerapan akad *mudharabah* dalam perbankan syariah dinilai oleh Timur Kuran untuk menggunakan “faedah yang disamarkan (*thinly disguised interest*)” atau dengan perkataan lain disebut konsepsi faedah untuk menghindari dari penggunaan faedah.<sup>134</sup>

Dalam mendapatkan keuntungan dan perhitungan nisbah pembahagian untung sangat dipengaruhi oleh tingkat risiko yang mungkin terjadi. Semakin tinggi tingkat risiko, maka akan semakin besar nisbah pembahagian untung dan sebaliknya. Oleh kerananya, Bank Muamalat Indonesia harus lebih selektif dalam memilih usaha yang akan dibiayai. Biasanya pembiayaan *mudharabah* diberikan kepada syarikat-syarikat, ataupun kepada usaha-usaha yang sudah pasti dapat dijalankan.

## 2. Syarat dan Rukun Akad Pembiayaan Mudharabah

### a. Syarat Akad Pembiayaan Mudharabah

Menurut Sayyid Sabiq, *mudharabah* harus memenuhi persyaratan sebagai berikut:<sup>135</sup>

1. Bahawa modal itu harus berbentuk wang tunai, jika ia berbentuk hutang, maka tidak sah. Hal ini sebagaimana dikatakan oleh Ibnu Munzir, “ semua orang yang

---

<sup>132</sup>Tim Pengembangan Perbankan Syariah Institut Bankir Indonesia (2001), *Konsep, Produk dan Implementasi Operasional Bank Syariah*, Jakarta: Djambatan, h. 164-167.

<sup>133</sup>Abdullah Saeed (2003), *Bank Islam dan Bunga*, Penerjemah. M. Ufuqul Mubin, Nurul Huda dan Ahmad Sahidah, Yogyakarta: Pustaka Pelajar, h. 105; Lihat juga Ab Mumin Ab Ghani (1999), *Op. Cit.* h.336.

<sup>134</sup>Timur Kuran (2004), *Islam and Mammon : The Economic Predicaments of Islamism* Princeton: Princeton University. h.106, lihat juga dalam laman web: <http://www.pupress.princeton.edu>.

<sup>135</sup>Sayyid Sabiq (2001), *Fiqus Sunnah* (Terjemahan), Bandung: Al Ma'arif, h. 23.

ilmunya kami jaga /hafal sepakat, bahawa seseorang tidak boleh menjadikannya sebagai hutang bagi orang lain untuk suatu *mudharabah*. Namun, jika modal itu berupa barang yang akan diperdagangkan harus dihitung ke dalam nilai wang.

2. Bahawa ia diketahui dengan jelas. Maksudnya, agar dapat dibezakan antara modal yang diperdagangkan dengan keuntungan yang diperoleh, untuk kedua belah pihak sesuai dengan kesepakatan pada waktu akad.
3. Keuntungan yang menjadi hak pengelola usaha dengan pelabur harus jelas nisbahnya. Nabi Muhammad pernah bermudharabah dengan penduduk Khaibar, dengan mengambil separuh dari keuntungannya. Motif dari perlunya nisbah ini ialah untuk menghindari kerugian tertentu dari pihak yang bermudharabah, jika yang ditetapkan besaran nilai wang, bukan peratusan, kerana boleh jadi keuntungannya menurun sedangkan kos tetap.
4. Menurut Maliki dan Syafii, mudharabah itu bersifat mutlak. Ertinya, pemilik modal/pelabur tidak membatasi kepada pengelola usaha, untuk menggunakannya dalam usaha apa dan di mana, bila, dan dengan siapa harus bermuamallah. Namun, Hanafi dan Hambali membolehkan *mudharabah* baik dengan *mutlak* mahupun *muqayyad*. Samaada dengan persyaratan tertentu atau bebas.

#### b. Rukun Akad Pelaburan *Mudharabah*

Faktor-faktor yang harus ada (rukun) dalam akad *mudharabah* adalah sebagai berikut:<sup>136</sup>

1. Pelaku (pemilik modal mahupun pelaksana usaha)

Dalam akad *mudharabah* minimal harus ada dua pelaku. Pihak pertama bertindak selaku pemilik modal (*shahib al-mal*), sedangkan pihak kedua bertindak sebagai pelaksana usaha (*mudharib* atau *'amil*). Tanpa dua pelaku ini, maka akad *mudharabah* tidak ada.

---

<sup>136</sup> Ahmad Sumiyanto (2005), *Problem dan Solusi Transaksi Mudharabah*, Yogyakarta: Magistra Insania Press, h. 3-6.

## 2. Objek Mudharabah (modal dan kerja)

Objek mudharabah merupakan kesan dari tindakan yang dilakukan oleh para pelaku. Pemilik modal menyerahkan modalnya sebagai objek mudharabah, sedangkan pelaksana usaha menyerahkan kerjanya sebagai objek mudharabah. Modal yang diserahkan boleh berbentuk wang atau barang yang diperincikan berapa nilai wangnya. Sedangkan kerja yang diserahkan boleh berbentuk keahlian, ketrampilan, menjual kemahiran, kemahiran pengurusan, dan lain-lain.

## 3. Persetujuan kedua belah pihak (*ijab- qabul*)

Faktor ketiga iaitu persetujuan kedua belah pihak merupakan konsekuensi dari prinsip *at-taraddin minkum* (sama-sama rela). Disini, kedua belah pihak harus secara rela bersepakat untuk mengikatkan diri dalam akad mudharabah. Pemilik dana setuju dengan peranannya untuk menyumbangkan dana sedangkan pelaksana usaha pun setuju dengan peranannya untuk menyumbangkan kemahiran dalam usaha atau perniagaan tersebut.

## 4. Nisbah Keuntungan.

Faktor yang keempat iaitu nisbah adalah rukun yang khas dalam akad mudharabah. Faktor inilah yang membezakan akad mudharabah dengan akad jual beli. Nisbah ini mencerminkan imbalan yang berhak diterima oleh kedua pihak yang bermudharabah. *Mudharib* mendapatkan imbalan atas kerjanya, sedangkan *shahib al-māl* mendapat imbalan di atas penyertaan modalnya.

## 3. Permasalahan dalam Penerapan Akad Mudharabah

### a. Mengenai penentuan jangka waktu

Terdapat perbezaan pendapat dari para fuqaha mengenai penentuan jangka waktu dalam akad mudharabah. Madzhab Hanafi dan Hambali mengatakan kalau seandainya mudharabah ditentukan jangka waktu berlakunya, dan jika telah lewat masa



berlakunya, maka akadnya dianggap batal dengan sendirinya, adalah diperbolehkan.<sup>137</sup> Madzhab Maliki dan Syafi'i mengatakan bahawa penentuan itu tidak dibolehkan dan tidak sah. Ini kerana melakukan usahanya dan merosak tujuan dari mudharabah, sebab mungkin ia tidak mendapat keuntungan dalam waktu yang ditentukan, padahal mungkin keuntungan baru akan diperolehi setelah lewat waktu yang telah ditentukan itu.

Perbezaan pendapat di kalangan ulama dalam penentuan jangka waktu berlakunya pengelolaan mudharabah dan lainnya sebenarnya dikembalikan kepada amalan kebiasaan (*'urf*) pengusaha dalam perdagangan. Oleh kerana itu, apa yang berlaku pada para pedagang ialah suatu batasan (ketentuan) yang bermanfaat bagi kepentingan maka batasan itu diperbolehkan seperti masa berlakunya akad mudharabah, namun apa yang mereka anggap tidak relevan dan tidak bermanfaat maka tidak sah.<sup>138</sup>

b. Kemungkinan *Shahibul* menarik modal mudharabah bila-bila masa

Mudharabah pada prinsipnya adalah *akad jaiz* (boleh dan tidak mengikat) dan bukan akad lazim (wajib dan mengikat) menurut semua fuqaha madzhab. Oleh kerana itu, dibolehkan bagi kedua belah pihak (*mudharib* dan *shāhibul māl*) untuk membatalkannya bila mereka mahu, dengan syarat modal tersebut sudah dalam bentuk wang tunai.<sup>139</sup>

Dengan demikian, *shahibul māl* boleh menarik kembali modalnya bila-bila masa, dan *mudharib* mendapat pampasan yang lazim atau pampasan yang sesuai atau sesuai kesepakatan antara keduanya bila *mudharib* atau pengelola telah memulakan usaha kerjanya, sebab tidak boleh ada yang dirugikan atau mendapatkan kemudharatan.

Adapun jika modal tersebut masih dalam bentuk barang, maka *fasakh* (penarikan modal atau pembatalan akad) tersebut dapat dilaksanakan, tetapi *mudharib* masih

---

<sup>137</sup> Muhammad (2001), *Teknik Perhitungan Bahagi keuntungan di Bank Syariah*, Yogyakarta: UII Press, h.54-55.

<sup>138</sup> *Ibid.*

<sup>139</sup> *Ibid.*, h. 56

memiliki kuasa untuk mengelolanya hingga dapat menjadikan barang tersebut dalam bentuk wang menurut Madzhab Hanafi dan Syafi'i. Sedangkan madzhab Hambali membolehkan bagi kedua belah pihak untuk sepakat menjual barang tersebut atau membahagikannya.<sup>140</sup>

c. Kemungkinan *shahibul māl* menetapkan syarat-syarat penggunaan modal *mudharib*

Para ulama telah sepakat mengharuskan dan mengiktiraf syarat-syarat atau ketentuan yang ditetapkan pemilik modal (*shahibul māl*) dalam penggunaan modal mudharabah dan mereka mewajibkan kepada mudharib selaku pengelola ('amil) untuk menepatinya selama bermanfaat bagi kepentingan syarikat dan tidak bertentangan dengan kaedah dan hukum syarikat. Ini kerana firman Allah SWT dalam surat Al Maidah ayat satu dan hadis Rasulullah SAW yang ertinya : "Orang-orang muslim terikat dengan syarat-syarat antara mereka kecuali syarat yang menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal".<sup>141</sup>

d. Kemungkinan *mudharib* membatalkan akad mudharabah bila-bila masa

Mudharib juga dapat membatalkan akad mudharabah bila-bila masa, pembatalan tersebut harus diketahui oleh pemilik modal dan modal yang dikelola harus dalam bentuk wang, supaya dapat diketahui keuntungan atau kerugian dalam perniagaan tersebut.<sup>142</sup>

e. Kemungkinan *shahibul māl* menetapkan hukuman dalam akad *mudharabah* kepada mudharib bila ia melanggar syarat-syarat *shahibul māl*.

*Shahibul māl* diperbolehkan untuk menetapkan hukuman yang akan dikenakan kepada mudharib bila ia melanggar syarat-syarat *shahibul māl*. Sebab hal itu termasuk dalam kesepakatan bersama yang harus dipenuhi dan ditepati, jika mudharib melanggar

---

<sup>140</sup> Muhammad (2003), *Permasalahan Fiqhiyah dalam Penerapan Mudharabah*, Yogyakarta: Pusat Studi Ekonomi Islam, h. 82.

<sup>141</sup> *Ibid*, h. 91.

<sup>142</sup> *Ibid*, h. 83.

hukuman, maka mudharib harus menanggung akibatnya dan menjamin kerugian yang menimpa modal *shahibul māl*. Sebab ia adalah wakil dari *shahibul māl* dalam menjalankan modal, maka tindakannya yang terkait dengan mudharabah harus sesuai dengan ketentuan atau syarat yang ditetapkan oleh *muwakkil* dalam hal ini *shahibul māl*.<sup>143</sup>

#### 2.4.4 Bentuk Mudharabah

Dilihat dari segi transaksi yang dilakukan antara pemilik modal dengan pengelola, *mudharabah* dibagi kepada dua bentuk yaitu *mudharabah mutlaqah* dan *mudharabah muqayyadhah*.<sup>144</sup>

a. *Mudharabah Mutlaqah* (bebas)

*Mudharabah Mutlaqah* adalah akad kerjasama antara dua orang atau lebih, atau antara pemilik modal (*shahibul maal*) sebagai pelabur dengan pengelola (*mudharib*) sebagai pengusaha yang berlaku secara luas. Atau dengan kata lain, pengelola (*mudharib*) mendapatkan hak keleluasaan (*disrectionary right*) dalam pengelolaan dana, jenis perniagaan, tempat perniagaan, waktu perniagaan, mahupun yang lain.<sup>145</sup>

Dalam dunia perbankan *mudharabah mutlaqah* juga dikenal dengan istilah pelaburan awam (*general investment*), kontrak yang terjadi pada akad ini pemilik modal menyerahkan modal secara mutlak tanpa ada syarat yang terikat dengan tempat, jangka waktu tertentu dan tidak dibatasi oleh ikatan apapun.<sup>146</sup> Dalam perniagaan ini, pengusaha boleh membawa modal usaha tersebut ke mana-mana tempat, hal ini tidak membatalkan kontrak yang terjadi pada akad *mudharabah* dan dibolehkan oleh Abu Hanifah, Imam Syafi'i, dan Imam Ahmad Ibn Hanbal ketika akad masih dijalankan oleh

---

<sup>143</sup> *Ibid.*, h. 92.

<sup>144</sup> Wahbah Zuhayli (2004), *Fiqh Islami wa Adillatuhu*, juz 5, Damsyik: Darul Fikri, h. 3928; Adiwarman Karim (2004), h. 188; Nasrun Haroen (2007), h. 178.

<sup>145</sup> *Ibid.*.

<sup>146</sup> Fauzi kado (2009), *Op Cit.*, h. 45.

kedua pihak. Namun, jika salah satu membatalkan akad secara sepihak maka pembatalan tersebut akan membawa mudharat kepada pihak lain<sup>147</sup>.

Wahbah al-Zuhaili telah menjelaskan dalam tulisannya: "Mudharabah al-Mutlaqah adalah pemodal memberikan modalnya kepada pengusaha tanpa ada ketentuan seperti ungkapannya, "saya berikan harta ini kepadamu untuk mudharabah, di mana keuntungannya kita bahagi bersama seperti satu perdua (1/2) atau satu pertiga (1/3) dan lain-lain seumpamanya." Penyerahan modal mudharabah tanpa sebarang ikatan tertentu oleh apa-apa syarikat, tempat, jangka waktu yang tertentu, dan tidak dibatasi oleh apa-apa jenis pengusaha serta dengan siapa akan mengusahakannya.<sup>148</sup>

Jadi, mudharabah mutlaqah adalah kontrak perniagaan yang tidak dibatasi dengan syarat-syarat apapun. Pengelola dapat mempergunakan modal tersebut dengan bebas dan usaha tersebut tidak menyalah ketentuan syariat Islam dan tidak memutuskan kontrak secara sepihak.

b. *Mudharabah Muqayyadah* (terikat)

Mudharabah Muqayyadah iaitu kerjasama dua orang atau lebih atau antara pemilik modal (*shahibul maal*) sebagai pelabur dengan pengusaha (*mudharib*), pelabur memberikan batasan tertentu baik dalam hal jenis usaha yang akan dibiayai, jenis instrumen, risiko, mahupun pembatasan lain yang serupa.<sup>149</sup>

Mudharabah muqayyadah juga dikenal dengan istilah pelaburan istimewa (special investment), kerana ini merupakan kontrak yang diberi batasan tertentu dalam usaha yang dijalankan oleh pengusaha, kontrak ini dibatasi dengan syarat-syarat yang telah digariskan oleh pemilik modal pada waktu melaksanakan aqad.

---

<sup>147</sup> Nasrun Haroen (2007), *Op Cit.*, h. 179.

<sup>148</sup> Wahbah Zuhayli, (2004), *Fiqh Islami wa Adillatuhu*, juz 5, Damsyik: Darul Fikri, h. 3928

<sup>149</sup> Adiwarman Karim

Wahbah Zuhaili juga menjelaskan dalam kitabnya *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* menyebutkan bahawa "Mudharabah muqayyadah adalah di mana pemilik modal memberikan wang 100 dinar misalnya, pengesahan dana sebagai mudharabah dengan syarat pengusaha bekerja pada suatu daerah tertentu, barang komoditi tertentu, jangka waktu tertentu, atau hanya boleh menjual atau membeli kepada orang tertentu.

Pelaburan dalam akad mudharabah al-muqayyadah dapat dikaitkan dengan beberapa faktor dan syarat-syarat tertentu seperti yang dikemukakan oleh Wahbah Zuhayli dalam kitabnya:<sup>150</sup>

- a. Akad mudharabah disyaratkan harus dilakukan di tempat yang tertentu. Pemilik modal berhak untuk memberikan syarat kepada pengusaha supaya melakukan usaha pada tempat tertentu, hal ini tentunya dilakukan oleh pemilik modal dengan alasan untuk kepentingan dan faedah urusan itu sendiri. Sebagai contoh, pemodal mensyaratkan dengan mengatakan "saya mahu anda membuka usaha dengan modal dari saya di Bandar" atau boleh juga dengan menyebutkan nama bandar tersebut. Menurut al-Khatib al-Sharbini, beliau mencadangkan bahawa tempat yang ditentukan itu hendaklah berupa tempat yang umum, seperti bandar, pasar dan sebagainya.<sup>151</sup>
- b. Akad mudharabah disyaratkan supaya dilakukan dengan orang/individu tertentu. Urusniaga dengan individu tertentu yang mempunyai kepakaran lebih dalam perniagaan tersebut dibolehkan, dengan alasan untuk kepentingan perniagaan semata. Al-Khatib al-Sharbini juga menjelaskan bahawa berniaga dengan orang yang amanah dan yang berkepakaran dalam bidangnya pasti lebih dipercayai dan mendapat kemudahan bagi urusan perniagaan dan keselamatan perniagaan tersebut juga lebih terjamin berbanding mengurus niaga dengan orang awam biasa.<sup>152</sup>

---

<sup>150</sup> Wahbah Zuhayli (2004) juz. 5, h. 3953-3955

<sup>151</sup> Muhammad bin Muhammad al-Khatib al-Sharbini (1997), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Ma'rifah. juz. 2, h. 401.

<sup>152</sup> *Ibid.*,

- c. Akad mudharabah disyaratkan terhad dalam masa yang tertentu. Menghadkan masa urusan niaga dalam akad mudharabah diharuskan menurut Hanafi dan Hanbali, menurut mereka akad mudharabah sama dengan akad wakalah iaitu boleh ditetapkan dalam masa tertentu. Manakala mazhab Syafi'i mengharuskan dalam urusan pembelian sahaja. Misalnya, pemilik modal mensyaratkan untuk melakukan pembelian pada masa enam bulan atau satu tahun sahaja. Urusan penjualan tidak boleh dihadkan jangka masa penjualan, kerana dalam penjualan tersebut untuk mendapatkan keuntungan, jika disyaratkan jangka masa penjualan akan menyusahkan pengusaha dalam mendapatkan keuntungan yang merupakan tujuan utama dalam akad *mudharabah*.

Jadi, pemberian syarat dalam akad *mudharabah al-muqayyadah* diharuskan oleh jumhur Fuqaha' jika persyaratan tersebut berfaedah dan bermanfaat terhadap perniagaan tersebut.

## **2.5 Perkongsian Keuntungan**

Pentakrifan keuntungan dalam Islam tidak jauh berbeza dengan takrif keuntungan dalam kapitalis, ini kerana keuntungan secara umum adalah lebihan hasil atau pendapatan yang diperoleh setelah ditolak semua kos operasi. Akan tetapi yang membezakannya adalah dari segi penentuan kadar keuntungan.<sup>153</sup>

Dalam dunia perbankan, perkongsian keuntungan atau yang lebih dikenali dengan prinsip pembahagian keuntungan (*profit sharing*) dapat dilakukan dalam empat akad utama, iaitu al-musyarakah, al-mudharabah, al-muzara'ah dan al-musaqah. Walau demikian, prinsip yang paling banyak dipakai adalah al-musyarakah dan al-mudharabah, sedangkan al-muzara'ah dan al-mushaqah lebih dipergunakan untuk pembiayaan pertanian (*plantation financing*).

---

<sup>153</sup> Surtahman Kastin Hasan (1995), *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 68.

Dalam al-Quran Allah juga menyebutkan perkara keuntungan, seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah 2:16, maksudnya “*Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan petunjuk, maka tidaklah beruntung perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk*”.

Menurut Khurshid Ahmad dan Siddiqi, iaitu ahli ekonomi Islam, memberikan takrif keuntungan sebagai apa yang ditentukan dalam keadaan biasa dan sederhana mengikut hukum penawaran dan permintaan dalam pasaran bebas, dengan syarat undang-undang negara, perancangan dan polisinya atau kawalan-kawalan lain tidak ada campur tangan dalam sistem urus niaga tersebut. Sedangkan Ibnu Khaldun mengatakan, keuntungan adalah nilai yang timbul daripada kerja yang dilakukan.<sup>154</sup>

Perkongsian keuntungan atau pembahagian hasil usaha perniagaan dapat diertikan sebagai perolehan pendapatan (*revenue sharing*) dan membahagikan keuntungan dan kerugian (*profit-and loss sharing*). Akan tetapi dalam teknik penghitungan, dikenali dua istilah pembahagian keuntungan yang terdiri dari pembahagian keuntungan (*profit sharing*) dan pembahagian pendapatan (*revenue sharing*). *Profit sharing* adalah pembahagian keuntungan usaha yang dihitung dari pendapatan setelah dikurangi biaya pengelolaan dana.

Pembahagian keuntungan pendapatan (*revenue sharing*) ialah pembahagian keuntungan yang dihitung dari seluruh total pendapatan pengelolaan dana. Demikian juga, pola ini dapat digunakan untuk keperluan agihan hasil usaha lembaga kewangan Islam seperti pada Bank Muamalat Indonesia (BMI).

---

<sup>154</sup> Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking: A Survey of Cotemporary Literature*, United Kingdom: The Islamic Foundation, h. 59; Abdul Rahman bin Khaldun al-Maghribi (t.t) *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Iskandariyyah: Dar Ibn Khaldun, h. 267.

Dalam perkembangannya, Lembaga Kewangan Syariah biasanya memperlakukan pola bahagi keuntungan itu untuk pembiayaan perdagangan. Dalam hukum Islam (*fiqh*), pembahagian keuntungan terdapat dalam *mudharabah* dan *musyarakah* (*syirkah*). Kedua bentuk perjanjian kewangan itu dianggap dapat menggantikan riba yang mengambil bentuk keuntungan dalam bentuk faedah.<sup>155</sup>

Antara faedah dan bahagi keuntungan, keduanya sama-sama memberikan keuntungan bagi pemilik dana, namun keduanya mempunyai perbezaan yang sangat nyata. Perbezaan itu dapat dilihat dari jadual berikut:

**Jadual 2.1: Perbezaan Faedah dan Pembahagian Keuntungan**

FAEDAH	PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
a.Penentuan faedah dibuat pada waktu akad dengan andaian harus selalu untung	a.Penentuan besarnya nisbah bahagi keuntungan dibuat pada waktu akad dengan berpanduan kepada ganti rugi
b.Besarnya untung berdasarkan pada faedah	b.Besarnya untung berdasarkan pada jumlah jumlah modal
c.Pembayaran faedah tetap seperti yang dijanjikan tanpa pertimbangan apakah projek yang dijalankan oleh pengguna untung atau rugi.	c.Bahagi keuntungan bergantung pada keuntungan projek yang dijalankan. Bila usaha tidak mendapatkan keuntungan, maka kerugian akan ditanggung bersama oleh kedua belah pihak.
d.Jumlah pembayaran faedah tidak meningkat sekalipun jumlah keuntungan berlipat.	d.Jumlah pembahagian laba meningkat sesuai dengan peningkatan jumlah pendapatan.
e.Kewujudan faedah diragukan (kalau tidak dikecam) oleh semua agama termasuk Islam.	e.Tidak ada yang meragukan pembahagian keuntungan.
f.Jika terjadi kerugian ditanggung oleh pelanggan sahaja.	f.Jika terjadi kerugian, ditanggung oleh kedua belah pihak, iaitu pelanggan dan lembaga kewangan.

Sumber: Muhammad Syafi'i Antonio<sup>156</sup>

Secara amnya, jadual 2.1 di atas menunjukkan bahawa keuntungan yang diperoleh harus dibahagi secara berkadar antara pemilik modal (*shahibul māl*) dengan pengelola usaha (*mudharib*). Dengan demikian, semua pengeluaran harian yang berhubungkait dengan usaha *mudharabah* yang bukan untuk kepentingan pribadi


<sup>155</sup> Waqaar Msood Khan (1985), *Towards, An Interest –Free Islamic Economic System*, UK: The Islamic Foundation UK and The International Association For Islamic Economies h. 28.

<sup>156</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syari'ah Dari Teori ke Praktik*, Jakarta: Gema Insani Press, h. 61.



mudharib, dapat dimasukkan ke dalam pembiayaan operasional. Keuntungan bersih harus dibagi antara *shahibul māl* dan mudharib sesuai dengan perataan yang disepakati sebelumnya dan secara eksplisit disebutkan dalam perjanjian awal. Tidak ada pembahagian laba sampai semua kerugian telah ditutup dan *ekuiti shahibul māl* telah dibayar kembali. Jika ada pembahagian keuntungan sebelum habis masa perjanjian akan dianggap sebagai pembahagian keuntungan di masa hadapan.<sup>157</sup> Secara umum, pembahagian keuntungan dalam mudharabah dapat digambarkan sebagai berikut:

**Rajah 2.1: Pembahagian Keuntungan dalam Mudharabah**



Sumber: Muhammad Syafi'i Antonio<sup>158</sup>

Penerapan konsep pembiayaan bahagi keuntungan akan menimbulkan konsekuensi lebih lanjut bahawa seluruh kerugian dalam usaha yang dibiayai akan ditanggung oleh bank (*shahibul māl*), kecuali jika kerugian tersebut disebabkan oleh kelalaian pengguna atau melanggar persyaratan yang telah disepakati. Selain itu juga, pihak *shahibul māl* harus berusaha meramal kemungkinan terjadinya kerugian terhadap pengguna sejak awal, sehingga keduanya cenderung bekerjasama untuk mengatasi masalah yang timbul.

<sup>157</sup> Muhammad (2001), *Teknik Perhitungan Bahagi Keuntungan di Bank Syariah*, Yogyakarta: UII Press, h. 24

<sup>158</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Op Cit*, h. 94.

Menurut Madzhab Hanafi dan sebahagian Madzhab Syafi'i, keuntungan harus diakui seandainya keuntungan usaha sudah diperoleh (walaupun belum dibahagikan). Sedangkan, Madzhab Maliki dan sebahagian Madzhab Hambali menyebut, bahawa keuntungan hanya dapat diakui hanya ketika dibahagikan secara tunai kepada kedua pihak.<sup>159</sup>

Pembahagian keuntungan umumnya dilakukan dengan mengembalikan modal yang ditanamkan *shāhibūl māl* terlebih dahulu, namun kebanyakan ulama menyetujui bila kedua belah pihak sepakat membahagi keuntungan tanpa mengembalikan modal. Hal ini berlaku sepanjang kerjasama masih berlangsung. Para ulama berbeza pendapat tentang keabsahan menahan untung, bila keuntungan telah dibahagikan dan usaha mengalami kerugian, sebahagian ulama berpendapat, bahawa pengelola akan diminta menutupi kerugian tersebut dari keuntungan yang telah dibahagikan kepadanya.<sup>160</sup>

Dalam pembahagian keuntungan mudharabah, nisbah pengelola dapat lebih besar atau sebaliknya, bergantung kepada kesepakatan akad mudharabah. Para ulama sepakat bahawa keuntungan yang diperoleh oleh masing-masing pihak (*shahibul māl* dan *mudharib*) harus dalam jumlah nisbah tertentu, jika keduanya telah sepakat bahawa seperempat (25%) atau setengah (50 %) bagi mudharib misalnya, akan tetapi semuanya itu tergantung pada kesepakatan kedua belah pihak, baik nisbah masing-masing sama atau lebih besar atau lebih kecil dan harus ditepati. Ini kerana umat Islam terikat dengan syarat-syarat yang telah mereka setujui.<sup>161</sup>

---

<sup>159</sup> Gemala Dewi, et al (2005), *Op Cit.*, h. 128.

<sup>160</sup> *Ibid.*

<sup>161</sup> Muhammad (2001), *Op Cit.*, h. 63-64.

## 2.6 Praktik Mudharabah di Bank Muamalat Indonesia

Produk-produk yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Indonesia (BMI) adalah seperti: Tabungan Muamalat, Tabungan Haji Arafah Plus, Deposito Funlives, Deposito Mudharabah, dan pembiayaan modal kerja. Dalam pembiayaan modal kerja, perbankan memberikan sejumlah dana kepada pengguna sebagai modal kerja untuk perniagaan dengan syarat yang ditentukan oleh bank, selain itu akad mudharabah juga diterapkan pada pelaburan khusus.<sup>162</sup>

Konsep mudharabah dalam Bank Muamalat Indonesia ditetapkan berdasarkan Fatwa Dewan Syariah Nasional, hasil analisis penulis berdasarkan wawancara dengan kakitangan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh pelaksanaan akad mudharabah yang dilaksanakan oleh BMI adalah sesuai dengan konsep dalam Fiqh Muamalah dan juga mengacu pada peraturan BMI.<sup>163</sup>

Dalam menjaga kemurnian transaksi berdasarkan Syariat Islam (hukum Islam), BMI juga memiliki Dewan Pengawas Syariah yang berfungsi untuk mengawasi produk-produk terkait dengan kemurnian dan kehalalan setiap transaksi yang dilakukan, hal ini dilakukan untuk menjaga setiap produk dan transaksi supaya benar-benar bebas dari unsur-unsur haram.<sup>164</sup>

Berdasarkan konsep rukun mudharabah dalam fiqh muamalah, penulis akan membahas konsep mudharabah yang diterapkan pada Bank Muamalat Indonesia antara lainnya ialah :

- a. Usaha/perniagaan yang dibiayai oleh Bank Muamalat Indonesia adalah usaha yang tidak melanggar syariat Islam (hukum Islam). Hal ini sudah sesuai dengan Fatwa

---

<sup>162</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Op Cit.*, h. 96-97.

<sup>163</sup> Zulkarnain, Manager Marketing Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Temubual pada 15 Ogos 2011.

<sup>164</sup> *Ibid.*,

Dewan Syariah Nasional, di mana mudharib boleh melakukan pelbagai macam usaha yang telah disepakati bersama dan sesuai dengan syari'ah.

- b. Pembiayaan mudharabah yang diberikan oleh Bank Muamalat Indonesia diserahkan dalam bentuk wang. Jadi, modal yang diterima oleh mudharib jelas bentuk dan wujudnya. Hal ini telah sesuai dengan Fatwa Dewan Syariah Nasional tentang pembiayaan mudharabah pada ketentuan umum yang menyatakan jumlah dana pembiayaan harus dinyatakan dengan jelas dalam bentuk tunai dan bukan hutang.
- c. Semua kerugian yang terjadi dalam perniagaan kerana unsur ketidaksengajaan, lalai, menyalahi perjanjian ditanggung *ṣāḥibūl māl* (bank). Hal ini sudah sesuai dengan Fatwa Dewan Syariah Nasional tentang pembiayaan mudharabah pada ketentuan umum point enam, iaitu LKS sebagai penyedia dana menanggung semua kerugian akibat mudharabah kecuali jika mudharib (pengguna) melakukan kesalahan yang disengaja, cuai, atau menyalahi perjanjian.
- d. Pembahagian hasil pada pembiayaan mudharabah sudah ditentukan berdasarkan akad awal dalam bentuk nisbah. Hal ini sesuai dengan Fatwa Dewan Syariah Nasional tentang pembiayaan mudharabah pada ketentuan umum poin tiga dan lapan serta dalam rukun dan syarat pembiayaan mudharabah poin empat butir b. Ketentuan bagi hasil pada pembiayaan mudharabah muqayadah yang seharusnya berdasarkan kesepakatan dalam bentuk prosentase (nisbah).
- e. Pembiayaan mudharabah yang diberikan Bank Muamalat Indonesia mudharib harus memberikan jaminan untuk menghindari penyelewengan oleh mudharib. Hal ini sesuai dengan Fatwa Dewan Syariah Nasional tentang pembiayaan mudharabah pada ketentuan umum poin tujuh. "Pada prinsipnya dalam pembiayaan mudharabah tidak ada jaminan. Namun, agar mudharib tidak melakukan penyimpangan LKS meminta jaminan dari mudharib atau pihak ketiga. Jaminan ini hanya dapat dicairkan apabila mudharib terbukti melakukan pelanggaran terhadap hal-hal yang

telah disepakati bersama dalam akad." Pada dasarnya, diperbolehkan meminta jaminan kepada mudharib dalam kondisi situasi tertentu. Justeru, shahibul maal dapat meminta jaminan sebagai jaminan modal mudharabah dari mudharib dalam bentuk rumah, tanah, dan surat-surat berharga dan lain-lain.

Dari hasil analisis diatas, dapat dibuat jadual kesesuaian konsep dan pelaksanaan mudharabah pada Bank Muamalat Indonesia Cawangan Banda Aceh sebagai berikut.

**Jadual 2.2: Pelaksanaan Mudharabah di Bank Muamalat Indonesia Cawangan Banda Aceh**

No	Item dalam mudharabah	Konsep dalam Fiqih Muamalah dan Fatwa Dewan Syariah Nasional	Pelaksanaan Mudharabah pada BMI
1.	Jenis Usaha	<i>Mudharib</i> boleh melakukan berbagai macam usaha yang telah disepakati bersama dan sesuai dengan syari'ah;	BMI menyepakati usaha/ perniagaan yang akan dilakukan dan tidak menyalahi syariat (hukum Islam)
2.	Modal	Jumlah dana pembiayaan harus dinyatakan dengan jelas dalam bentuk tunai dan bukan hutang	Modal diberikan oleh BMI kepada mudharib dalam bentuk wang tunai.
3.	Kerugian	Lembaga Keuangan Syariah (LKS) sebagai penyedia dana menanggung semua kerugian akibat dari mudharabah kecuali jika mudharib (pelanggan) melakukan kesalahan yang disengaja, lalai, atau menyalahi perjanjian.	BMI akan menanggung semua kerugian yang bukan disengaja, lalai, atau menyalahi dari akad.
4.	Pembahagian keuntungan	Jangka waktu usaha, tatacara pengembalian dana, pembahagian keuntungan ditentukan berdasarkan kesepakatan kedua belah pihak, kriteria perusahaan, prosedur pembiayaan, dan mekanisme pembahagian keuntungan diatur oleh LKS dengan memperhatikan fatwa DSN dan bagi hasil harus dalam bentuk prosentase, iaitu bahagian keuntungan proposional bagi setiap pihak harus diketahui dan dinyatakan pada waktu kontrak disepakati dan harus dalam bentuk prosentasi (nisbah) dari keuntungan sesuai kesepakatan. Perubahan nisbah harus sesuai	Pembahagian keuntungan di tentukan oleh Bank Muamalat Indonesia dalam bentuk nisbah.

		kesepakatan.	
5.	Jaminan	Pada prinsipnya, dalam pembiayaan mudharabah tidak ada cagaran, namun agar mudharib tidak melakukan penyimpangan, LKS dapat meminta jaminan dari <i>mudharib</i> atau pihak ketiga.	Bank Muamalat Indonesia meminta cagaran untuk mengantisipasi terjadinya penyelewengan.

Sumber: Iskandar, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Azian Madun<sup>165</sup>

Berdasarkan analisis dari jadual di atas menunjukkan bahawa pelaksanaan akad mudharabah pada Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh secara umum telah sesuai dengan konsep dalam fiqh muamalah dan fatwa Dewan Syariah Nasional (DSN).

## 2.7 Kefahaman Pelanggan Terhadap Perbankan Islam

Kefahaman merupakan hal yang sangat penting yang mesti dimiliki oleh semua orang dalam melakukan sesuatu, begitu juga dalam perbankan Islam. Kefahaman dalam perbankan Islam berhubung kait dengan kepuasan pelanggan, jika pelanggan faham terhadap produk dalam perbankan Islam, maka ia akan merasa berpuas hati menggunakan produk tersebut.

Kepuasan pelanggan dapat dijadikan alat ukur terhadap pelanggan sama ada ia faham terhadap sesebuah produk ataupun tidak. Untuk memberikan kepuasan kepada pelanggan, perbankan perlu memberikan maklumat yang diperlukan oleh pelanggan mengenai produk-produk yang dipasarkan oleh perbankan. Memberikan maklumat yang jelas dapat membantu pelanggan dalam memahami produk tersebut.

Jennifer Wiggins Johnson menyebutkan dalam artikelnya bahawa memberikan maklumat yang jelas kepada pelanggan, sama ada maklumat tersebut diperlukan oleh pelanggan atau tidak dapat membantu pelanggan dalam mengambil keputusan untuk melanggan atau tidak, pengambilan keputusan oleh pelanggan ini akan mempengaruhi

<sup>165</sup> Iskandar, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Azian Bin Madun (2011), *Pelaksanaan Aqad Mudharabah dalam Institusi Kewangan Islam: Satu Kajian di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh*. (Prosiding Social Sciences Postgraduate National Seminar di Universiti Sains Malaysia, 21-22 November 2011).

perilaku pelanggan, seperti ragu-ragu, mempunyai pengalaman yang buruk di masa lampau ataupun tidak merasa puas dengan penjelasan pegawai yang memberi maklumat.<sup>166</sup>

Untuk menjauhi perilaku pelanggan yang tidak baik dan berfikiran negatif terhadap perbankan Islam, sudah semestinya perbankan Islam memberikan maklumat yang benar dan terperinci kepada pelanggan. Hal ini juga akan menambah pengetahuan pelanggan terhadap produk perbankan Islam, selagi pelanggan masih tidak faham mengenai produk tersebut, maka selagi itu pula perbankan Islam harus menjelaskan kepada pelanggan.

Pemberian maklumat yang benar kepada pelanggan adalah untuk mengelak daripada terjadinya perselisihan di kemudian hari. Akan tetapi, ada juga di antara syarikat perbankan yang tidak memberikan maklumat yang terperinci kepada pelanggan, situasi seperti ini sangat berisiko terjadi perselisihan di kemudian hari. Selain memberikan kefahaman dan mengelak daripada terjadi perselisihan, pemberian maklumat kepada pelanggan juga akan menjadikan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

Oleh kerana demikian, kefahaman pelanggan mesti diketahui oleh syarikat untuk mengetahui keperluan pelanggan dan membuat pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Asmai Ishak telah mendapati bahawa pengetahuan dan pemahaman pelanggan terhadap sesebuah produk sangat diperlukan oleh sebuah syarikat. Pengetahuan tersebut dapat dijadikan panduan bagi perbankan untuk mengeluarkan produk yang dapat memenuhi keperluan dan keinginan pelanggan.<sup>167</sup>

---

<sup>166</sup> Jennifer Wiggins Johnson dan Adam Rapp (2010), A More Comprehensive Understanding and Measure of Customer Helping Behavior, *Journal of Business Research*, 63 (2010), h. 787-792.

<sup>167</sup> Asmai Ishak (2005), Pentingnya Kepuasan Konsumen Dan Implementasi Strategi Pemasarannya, *Jurnal Siasat Bisnis*, Edisi Khas JSB On Marketing, Universiti Islam Indonesia, h. 1-11.

Beberapa kajian juga telah dilakukan untuk mengetahui pengetahuan dan kefahaman pelanggan terhadap perbankan Islam. Kefahaman pelanggan di Aceh masih rendah, pelanggan perbankan Islam di Aceh masih mempunyai pandangan yang keliru mengenai perbankan Islam, mereka masih menganggap sama antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Secara statistik 41% pelanggan perbankan Islam di Aceh belum faham dengan betul terhadap perbankan Islam, hal ini dibuktikan dengan masih ada pelanggan yang menjawab faedah (*interest*) adalah halal.<sup>168</sup>

Kajian yang berkaitan dengan kefahaman mengenai sistem perbankan Islam turut dilakukan di Malaysia. Mohktar Mahamad dan Izah Mohd Tahir mendapati bahawa kebanyakan pelanggan masih lagi mempunyai tahap pengetahuan yang rendah mengenai perbankan Islam dengan sumber pengetahuan mereka yang utama adalah akhbar dan televisyen. Sebahagian besar responden tidak yakin perbankan Islam dapat menyaingi perbankan konvensional dan ramai juga responden yang belum menggunakan perbankan Islam turut menyatakan tidak berminat untuk menggunakan perbankan Islam. Ini menunjukkan bahawa kefahaman itu penting untuk diketahui oleh pelanggan, agar pelanggan faham dan minat dengan perbankan Islam.<sup>169</sup>

Oleh kerana itu, pihak syarikat atau perbankan Islam, harus lebih keras lagi mendedahkan kepada masyarakat mengenai sistem perbankan Islam. Pendedahan tersebut perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap kefahaman pelanggan terhadap sistem perbankan Islam dan menambah pengetahuan pelanggan terhadap perbankan Islam serta akan meningkatkan kepuasan pelanggan dalam berlanggan dengan perbankan Islam.

---

<sup>168</sup> Aiyub (2007). Potensi, preferensi dan perilaku masyarakat terhadap bank syariah di Nanggroe Aceh Darussalam. *Jurnal Arthavidya*, 8(2), h. 183-193.

<sup>169</sup> Mohktar Mahamad dan Izah Mohd Tahir (2010), Persepsi pelanggan bukan Islam terhadap perbankan Islam: Satu kajian rintis, *Jurnal Kemusiaan*, Bil 16. h.44-61.



## 2.8 Kesimpulan

Bank Muamalat Indonesia adalah perbankan Islam pertama di Indonesia yang ditubuhkan pada 1 November 1991. Idea penubuhan perbankan Islam di Indonesia datang daripada Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan kemudian disetujui oleh Presiden Soeharto serta didokong oleh Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI). Bank Muamalat Indonesia telah membuka pejabat cawangan dan cawangan pembantu yang terbesar di Jakarta, Bandung, Semarang, Surabaya, Balikpapan, Makasar dan Medan. Manakala Bank Muamalat Indonesia Cawangan Banda Aceh dirasmikan pada 2 Ogos 2004 dan memulakan kegiatan operasinya pada 3 Ogos 2004 di Jalan Ratu Safiatuddin. Bank Muamalat Indonesia adalah bank Islam pertama di Aceh.

Undang-undang memberikan kebebasan untuk menentukan jenis imbalan yang akan diambil dari pelanggan samaada faedah mahupun keuntungan bahagi keuntungan. Dalam penyempurnaan undang-undang perbankan tersebut dijelaskan bahawa dalam perbankan Indonesia terdapat dua sistem (*dual banking system*) iaitu perbankan konvensional dan sistem perbankan syari'ah. Tahun 2008, perbankan Islam telah mempunyai payung hukum yang kukuh dengan dibentuknya undang-undang tentang Perbankan Syariah.

Akad mudharabah adalah akad kerjasama antara pemilik modal dengan pengelola usaha dengan memberikan sesuatu barang untuk diusahakan dengan ketentuan dan syarat yang disepakati oleh kedua pihak. Sedangkan pelaburan ialah penyertaan dalam bentuk modal atau pinjaman untuk mendapatkan hasil dalam jangka waktu tertentu untuk mendapatkan keuntungan. Pembahagian keuntungan selalunya terdapat dalam *mudharabah* dan *musyarakah (syirkah)*. Mendapatkan keuntungan tidak dilarang dalam Islam, asalkan tidak menzalimi orang lain dan keuntungan diperoleh dengan cara yang halal.

Konsep mudharabah dalam Bank Muamalat Indonesia ditetapkan berdasarkan Fatwa Dewan Syariah Nasional, pelaksanaan akad mudharabah yang dilaksanakan oleh Bank Muamalat Indonesia sesuai dengan konsep dalam Fiqh Muamalah dan juga mengacu pada peraturan Bank Muamalat Indonesia dan Bank Indonesia.

Penyelesaian perselisihan dalam Hukum Islam pada prinsipnya boleh dilakukan dengan tiga jalan, yaitu : *Shulhu* (jalan perdamaian), *Tahkim* (jalan arbitrase), *Al-Qadha* (Proses Peradilan).

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Metodologi kajian merupakan hal yang sangat penting dalam melakukan penyelidikan. Hasil kajian bergantung kepada metodologi yang digunakan dalam sebuah kajian. Tanpa metodologi kajian yang jelas, data yang diperolehi akan dipersoalkan dan kesimpulan kajian juga boleh diragukan.

Oleh kerana yang demikian, bab ini akan menghuraikan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini, kaedah yang akan digunakan dalam pengumpulan data, serta kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini.

#### **3.2 Kaedah Kajian**

Kaedah kajian merupakan konsep yang terpenting dalam sebuah kajian. Kajian bererti usaha sistematik untuk memperolehi suatu penemuan sama ada dengan bantuan makmal, pengamatan semulajadi, mengawasi hukum, dengan prinsip-prinsip yang menguasai operasi suatu fenomena atau menganalisis data yang berupa dokumen, dengan tujuan mengembangkan suatu perspektif sejarah dari satu persoalan dengan fakta yang ada.<sup>170</sup>

Dalam disiplin kajian, kaedah kajian lazimnya dibahagi kepada dua pendekatan, iaitu pendekatan kualitatif dan pendekatan kuantitatif.<sup>171</sup> Pendekatan kualitatif digunakan untuk mengkaji suasana atau proses yang sukar diukur dengan nombor, seperti imej dan tingkah laku. Jadi, kajian kualitatif berfokus pada konteks di mana sesuatu itu berlaku dan pendekatan ini kurang sesuai digunakan untuk mengetahui tahap

---

<sup>170</sup> William J. Goode and Paul K. Hatt (1981), *Method in Social Research*, International Student Edition, London, Lisbon, Tokyo, Singapore: McGraw-Hill Book Company, h.103.

<sup>171</sup> *Ibid.*

kefahaman pelanggan Bank Muamalat Indonesia. Untuk mengukur tahap kefahaman pelanggan dengan menggunakan statistik deskriptif lebih sesuai digunakan pendekatan kuantitatif.

Penyelidikan ini adalah kaedah kuantitatif, metode yang dipakai pada penyelidikan ini adalah pendekatan kajian lapangan iaitu dengan mendedarkan soal selidik<sup>172</sup>. Pendekatan kuantitatif ialah menganalisis data-data yang bersifat statistik atau numerik.<sup>173</sup> Statistik melibatkan pengiraan-pengiraan seperti peratusan, min, median, mod, sisihan piawai, dan sebagainya.<sup>174</sup> Penulis mengambil kaedah penyelidikan kuantitatif adalah kerana kaedah ini dapat menjelaskan data dalam bentuk statistik dengan menjelaskan tahap kefahaman pelanggan Bank Muamalat Indonesia.

### **3.3 Justifikasi Pemilihan Lokasi**

Lokasi kajian ini bertempat di provinsi Aceh, iaitu di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, Bank Muamalat Indonesia di Banda Aceh mempunyai dua cawangan, dan mengkaji mengambil kedua tempat tersebut sebagai tempat kajian.

Penyelidik memilih Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh kerana ia terletak di Ibu provinsi Aceh. Aceh merupakan provinsi yang diberikan keistimewaan dan kuasa khusus untuk menyelenggarakan kehidupan beragama, adat, pendidikan, dan peranan ulama dalam penetapan polisi, dalam hal agama, termasuk pula keistimewaan melaksanakan syariat Islam secara tersendiri.

---

<sup>172</sup> Barron, Patrick Rachel Diprose, David Madden, Claire Q. Smith, and Michael Woolcock (2004), *"Do Participatory Development Projects Help Villagers Manage Local Conflict? A mixed Methods Approach to Assessing the kecamatan Development Project, Indonesia"* Post Conflict and Reconstruction Unit Working Paper no.9. Revised version, Washington D.C: The World Bank.

<sup>173</sup> Jaafar Muhammad (2003) *Asas Pengurusan Perniagaan*, Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 133

<sup>174</sup> Amir Hussin Baharuddin (1989), *Kaedah Kuantitatif Suatu Pengenalan*, Selangor, Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.46.

Keistimewaan menjalankan syariat Islam di Aceh menjadi inspirasi bagi umat Islam di Aceh untuk bermuamalat secara Islam dengan melakukan urus niaga dengan perbankan Islam atau di Indonesia lebih dikenali sebagai bank syariah.

Ibu kota provinsi Aceh adalah Banda Aceh, lokasi provinsi Aceh yang strategik, menjadikan Aceh sebagai jalur lalu lintas perdagangan yang paling ramai dilalui di pulau Sumatra, termasuk juga Provinsi Jambi, Sumatera Barat, dan Sumatra Utara. Oleh kerana itu, Aceh menjadi salah satu daerah yang sangat berpotensi dalam hal perdagangan, sehingga urus niaga di Aceh dapat berjalan dengan lancar, maka, kehadiran perbankan Islam sangat mendukung pemegang kepentingan untuk menjalankan perdagangan di Aceh dan mengurus niaga dengan Bank Muamalat Indonesia. Penulis memilih Aceh sebagai lokasi penelitian adalah kerana berdasarkan beberapa alasan berikut: *pertama*, majoriti masyarakat Aceh beragama Islam, dan seharusnya mereka sudah faham tentang perbankan Islam ; *kedua*, Bank syariah yang telah beroperasi di Aceh lebih dari lima tahun, sehingga penyelidik mengira telah memenuhi kriteria untuk melakukan sesuatu kajian; *ketiga*, belum banyak kajian tentang pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh yang penyelidik temui.

### **3.4 Sumber Data**

Sumber data yang penyelidik perolehi untuk menjalankan kajian ini iaitu daripada dua sumber, iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

Kajian lapangan menghasilkan data primer. Sumber data primer adalah kajian langsung ke lapangan yang penyelidik lakukan dengan cara mendapatkan maklumat mengenai kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh.

Kajian perpustakaan menghasilkan data sekunder. Sumber data sekunder adalah hasil penyelidikan, buku-buku, majalah dan jurnal pemikiran Islam, kertas persidangan, kamus, ensiklopedia, hasil kegiatan di Bank Muamalat Indonesia Aceh, serta rujukan lain yang berhubungkait dengan pembahasan kajian penyelidikan ini, seperti: laporan tahunan Bank Muamalat Indonesia tahun 2010, laman sesawang Bank Muamalat Indonesia ([www.muamalatbank.com](http://www.muamalatbank.com)), dan laman sesawang Bank Indonesia ([www.bi.go.id](http://www.bi.go.id)).

### **3.5 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dengan dua cara, iaitu dengan menggunakan kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*).

#### **3.5.1 Kajian Perpustakaan (*Library Research*)**

Sebelum melakukan kajian lapangan, penulis terlebih dahulu mengadakan kajian perpustakaan. Kajian ini dilakukan untuk mengumpul, membaca dan mengkaji lebih dalam buku-buku yang berkaitan dengan pembahasan akad mudarabah dan bahagi keuntungan serta literatur yang membahas tentang akad mudarabah, bahagi keuntungan, dan yang berhubungkait dengannya. Buku-buku yang penyelidik pelajari adalah buku-buku yang berkenaan dengan fiqh muamalat, serta buku-buku atau kitab-kitab yang memuatkan pemikiran ahli ekonomi tentang muamalat, khususnya tentang perbankan Islam dan produk serta akad mudharabah yang diterapkan dalam perbankan Islam.

Dalam mendapatkan data daripada kajian perpustakaan, penulis menggunakan khidmat beberapa perpustakaan, seperti: Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Zaaba, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya, dan Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

### 3.5.2 Kajian Lapangan (*Field Research*)

Dalam mendapatkan data di lapangan, penulis menggunakan beberapa teknik pengumpulan data di lapangan. Di antaranya ialah dengan cara mengedarkan borang soal selidik (*questionnaire*).

Soal Selidik (*Quesionaire*) ialah suatu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan untuk tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian.

Dalam proses pengumpulan data, kajian ini menggunakan instrumen kajian yang berbentuk soal selidik. Soal selidik mudah dikendalikan dan mendapatkan data yang yang dikehendaki, kerana responden bebas dalam memilih jawapan yang disediakan tanpa rasa segan. Bilangan responden yang semakin ramai juga boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Selain itu, ada beberapa faedah menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data. Pertama, data yang dipungut adalah terkini dan fleksibel serta boleh digunakan langsung untuk dianalisis. Kedua, soal selidik lebih murah dari segi kos, masa, dan tenaga.<sup>175</sup> Soalan dalam soal selidik ini berbentuk soalan tertutup yang berisikan soalan dalam bentuk pilihan jawapan dan jawapan berskala. Skala yang digunakan dalam soal selidik ini adalah skala ordinal atau skala likert, kerana skala ini dianggap lebih sesuai untuk melihat kefahaman, persepsi, atau sikap seseorang.

Dengan menggunakan skala Likert, responden dapat memilih jawapan daripada skala yang ada. Lima maklum balas skala Likert yang digunakan adalah sangat tidak setuju (*strongly disagree*), tidak setuju (*disagree*), tidak pasti (*undecided*), setuju (*agree*), sangat setuju (*strongly agree*).<sup>176</sup>

---

<sup>175</sup> Mohd Shaffie Abu Bakar (1995), *Metodologi Penyelidikan*, ed. Kedua, Universiti kebangsaan Malaysia: UKM Bangi, h. 65.

<sup>176</sup> Muhammad Najib Abdul Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan*, Johor Bahru: Penerbit UTM, h. 38.

Soal selidik iaitu pertanyaan yang disusun secara bertulis untuk memperoleh data berupa jawapan-jawapan dari para responden.<sup>177</sup> Responden yang akan diminta mengisi soal selidik adalah pengguna Bank Muamalat Indonesia Aceh. Soalan-soalan dalam borang kaji selidik berkaitan dengan kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dan pembahagian keuntungan, dalam satu soalan mengandungi beberapa item soalan yang dianggap dapat menjawab matlamat kajian iaitu untuk mengetahui kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dan pembahagian keuntungan dan mengetahui kemungkinan timbulnya perselisihan faham berkaitan dengan kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dan nisbah pembahagian keuntungan.

Soal selidik bagi kajian ini mengandungi dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan latar belakang peribadi responden manakala bahagian B adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan persepsi, pengetahuan, dan kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dan pembahagian keuntungan. Berikut adalah jadual klasifikasi soal selidik.

**Jadual 3.1: Klasifikasi Soal Selidik**

No	Klasifikasi Soalan	Skala	Jumlah item
1	Latar belakang responden yang berkaitan dengan jantina, umur, status, tahap pendidikan, aliran pendidikan, pekerjaan, pendapatan, dan lain-lain.	Nominal dan Ordinal	8 item
2	Persepsi responden terhadap produk-produk perbankan Islam <b>Jasim Hamidi, Sukarni, Sihabbudin, Siti Hamidah, Lucky Hendrawati, dan Adi Kesumaningrum (2006).</b>	Sangat Tidak Setuju Tidak Setuju Tidak Pasti Setuju Sangat Setuju	7 item
3	Pemahaman responden terhadap akad mudharabah di Bank Muamalat Indonesia cawangan Aceh. <b>(Suhaida Mohd Sani, 2005, Aminuddin Ruskam, 2010).</b>	Sangat Tidak Setuju Tidak Setuju Tidak Pasti Setuju Sangat Setuju	11 item
4	Pemahaman responden terhadap pembahagian keuntungan di Bank Muamalat Indonesia	Sangat Tidak Setuju Tidak Setuju	7 item

<sup>177</sup> Koentjaraningrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Cet.3, Jakarta : PT Gramedia, h. 215.



	cawangan Aceh. ( <b>Suhaida Mohd Sani, 2005, Aminuddin Ruskam, 2010</b> ).	Tidak Pasti Setuju Sangat Setuju	
5	Penyelesaian perselisihan faham yang terjadi antara Pelanggan dan Bank Muamalat Indonesia. ( <b>Nilam Sari , 2006</b> ).	Sangat Tidak Setuju Tidak Setuju Tidak Pasti Setuju Sangat Setuju	7 item
6	Kepuasan Pelanggan terhadap pembahagian keuntungan.	Sangat Tidak Puas Tidak Puas Tidak Pasti Puas Sangat Puas	1 item
7	Saranan untuk meningkatkan kefahaman dan minat pelanggan	Nominal	1 item

Klasifikasi soalan dalam jadual di atas mengandungi tujuh klasifikasi soalan dan 42 item soalan yang akan dijawab oleh responden, tiap-tiap klasifikasi memuat beberapa item soalan. Klasifikasi pertama mengandungi latar belakang responden yang berkaitan dengan jantina, umur, status, tahap pendidikan, aliran pendidikan, pekerjaan, pendapatan, dan lain-lain, bahagian ini mengandungi 7 item soalan. Kedua, memuat mengenai persepsi responden terhadap produk perbankan Islam secara umum, seperti: apakah produk perbankan Islam sudah bebas daripada faedah, sudah menerapkan prinsip-prinsip syariah, sudah memenuhi keperluan masyarakat, sudah sesuai dengan peraturan Majlis Ulama Indonesia (MUI), dan lain sebagainya, dalam bahagian ini mengandungi 7 item soalan.

Klasifikasi ketiga memuat soalan mengenai kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah, seperti: hukum riba, siapa yang mengharapkan riba, apakah mudharabah menggunakan sistem perkongsian keuntungan, apakah masyarakat Aceh faham hukum mudharabah, daripada mana pelanggan mendapatkan maklumat mengenai mudharabah, dan lain sebagainya, bahagian ini mengandungi 12 item soalan. Klasifikasi keempat memuat soalan mengenai kefahaman pelanggan terhadap pembahagian keuntungan, iaitu mengandungi soalan apakah mudharabah menggunakan sistem perkongsian

keuntungan, apakah responden mengetahui bahagian yang diperolehi daripada perniagaan, apa bentuk pembahagian yang diterapkan di Bank Muamalat Muamalat, apakah pelanggan faham cara perhitungan perkongsian keuntungan, dan lain sebagainya, bahagian ini ada 7 item soalan.

Klasifikasi kelima mengenai penyelesaian perselisihan faham, iaitu memuat soalan seperti: apakah pernah terjadi perselisihan faham, apa penyebabnya, bagaimana cara penyelesaian yang ditempuh, dan lain sebagainya. Bahagian ini mengandungi 7 item soalan. Klasifikasi terakhir mengenai kepuasan pelanggan terhadap akad mudharabah, bahagian ini hanya satu soalan sahaja.

Soalan dalam soal kaji selidik ini diambil dari pelbagai sumber kajian sebelumnya, seperti: buku kaedah penyelidikan, jurnal, tesis dan disertasi. Soalan-soalan dalam borang soal selidik tersebut ada yang sudah diubah suai oleh peyelidik dan ada juga yang diambil langsung daripada sumber asal tanpa diubah suai. Hal ini dilakukan untuk keperluan kajian supaya matlamat kajian ini tercapai.

### **3.6 Pra Ujian (*Pre-test*)**

Pra ujian (*pre-test*) selalunya dilakukan oleh penyelidik agar dapat mengenal pasti masalah-masalah yang akan dihadapi dalam menjalankan kajian sebenarnya. Pra kajian boleh dilakukan untuk mengetahui mengenai: responden kajian, soal selidik, pengumpulan data, dan analisis data. Tujuan pra ujian dilakukan untuk memastikan soalan-soalan yang berhubung dengan pemboleh ubah kajian difahami oleh responden.<sup>178</sup>

Pra ujian dilakukan juga untuk mengetahui sama ada responden dapat memahami dengan jelas arahan atau panduan dalam soal selidik. Selain itu, pra ujian

---

<sup>178</sup> Sabhita Marican (2006), *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, Selangor: Edusystem Sdn. Bhd, h. 27.

juga dilakukan untuk mengetahui reaksi responden terhadap item soal dalam soal selidik serta memberi peluang kepada penyelidik untuk menganggarkan selama mana masa yang akan diambil oleh responden untuk mengisi soal selidik. Hal ini dapat membantu penyelidik untuk memperbaiki susunan soal selidik atau dapat menjadi pedoman kepada penyelidik untuk menjangkakan berapa lama masa yang diperlukan untuk mengedarkan soal selidik dan mengumpulnya kembali.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menjalankan pra-ujian (*pre-test*) ke atas lapan orang pelanggan Bank Muamalat Indonesia bagi menguji keberkesanan borang soal selidik tersebut. Responden yang diambil dalam pra ujian mempunyai ciri-ciri yang dapat mewakili responden dalam populasi yang hendak dikaji, iaitu pelanggan Bank Muamalat Indonesia yang berlanggan produk yang menggunakan akad mudharabah di Bank Muamalat Indonesia.

Pra ujian telah mendapati bahawa responden masih keliru dengan beberapa item soal dengan memberikan pertanyaan pada soal selidik yang diedarkan. Soal selidik yang diedarkan pada saat pra ujian telah diterjemahkan ke dalam bahasa Indonesia, kerana kebanyakan pelanggan Bank Muamalat Indonesia adalah warganegara Indonesia. Saranan dan pertanyaan daripada responden yang dijalankan pada saat pra ujian telah diperbaiki oleh penyelidik.

### **3.7 Ujian Kebolehpercayaan (*Reliability Test*)**

Ujian kebolehpercayaan atau reliabiliti adalah ujian yang dilakukan oleh penyelidik untuk mengukur tingkat ketepatan atau keakuratan sebuah instrument. Instrumen dalam kajian ini adalah soal selidik. Jadi kebolehpercayaan menunjukkan yang berkenaan dengan konsisten penemuan penyelidikan<sup>179</sup>

---

<sup>179</sup> Iqbal Hasan (2002), *Pokok-Pokok Materi Metodologi Penelitian dan Aplikasinya*, Jakarta: Ghalia Indonesia, h.77.

Ujian kebolehpercayaan mempunyai saiz yang akan ditunjukkan oleh suatu angka yang disebut dengan skor koefisien kebolehpercayaan (*alpha cronbach*). Skor skor koefisien kebolehpercayaan yang paling besar adalah 1.0, pada kenyataannya, skor koefisien 1.00 tidak pernah dicapai dalam suatu pengukuran, kerana manusia sebagai subjek pengukuran psikologis merupakan sumber kekeliruan yang potensial. Manakala skor yang paling kecil adalah  $<0.6$  yang bermakna lemah. Skor koefisien kebolehpercayaan dan kekuatan hubungan dalam sebuah ujian kebolehpercayaan kajian dapat dilihat pada jadual dibawah ini:

**Jadual 3.2: Pekali Saiz Cronbach's Alpha**

NO	Alpha Coefficient Range	Kekuatan Hubungan
1	$< 0.6$	Lemah
2	0.6 - 0.7	Sederhana
3	0.7 - 0.8	Baik
4	0.8 - 0.9	Sangat Baik
5	0.9	Terbaik

Sumber: Joseph F. Hair, Barry Babin, Arthur H. Money, Phillip Samouel (2003).

Dalam kajian ini ada dua pembolehubah yang digunakan untuk mendapatkan skor koefisien kebolehpercayaan iaitu kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham yang terjadi di antara pelanggan Bank Muamalat Indonesia. Hasil ujian Cronbach Alpha yang dijalankan ke atas 214 responden yang berlanggan dengan Bank Muamalat Indonesia adalah terdapat dalam jadual dibawah ini:

**Jadual 3.3: Keputusan Ujian Kebolehpercayaan**

Pemboleh Ubah	Cronbach Alpha (n=214)
Kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah	0.8871
Kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham	0.8627

Jadual di atas menunjukkan bahawa skor pemboleh ubah kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah adalah 0.8871, ini bermakna skor Cronbach Alpha adalah sangat baik, manakala pemboleh ubah kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham mendapat skor 0.8627 dengan skor yang sangat baik pula. Hal ini dapat

disimpulkan bahawa kedua item pemboleh ubah tersebut boleh dijadikan ukuran untuk kajian ini dan instrumen kajian ini dapat dipercayai.

### **3.8 Populasi dan Pensampelan**

#### **3.8.1 Populasi**

Polulasi adalah sekumpulan individu, keluarga, kumpulan, organisasi, komuniti, peristiwa atau apa sahaja yang hendak dikaji oleh penyelidik.<sup>180</sup> Dalam kelompok populasi yang besar, penyelidik tidak mungkin dapat menemui setiap individu. Populasi dalam kajian ini adalah Pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Aceh yang berlanggan produk yang menggunakan akad mudharabah di Bank Muamalat Indonesia cawangan Aceh. Pengambilan sampel yang baik daripada populasi mestilah mempunyai dua kriteria iaitu kewakilan dan kecukupan.

Kewakilan dan kecukupan merujuk pada sejauh mana ciri-ciri sampel kajian itu menyerupai ciri-ciri populasi dan kecukupan pula merujuk kepada sejauh mana jumlah sampel dapat mewakili. Ini kerana salah satu matlamat dalam kajian sains sosial ialah untuk menjelaskan atau mengenal pasti sesuatu pembolehubah mengenai sesuatu populasi atau kumpulan.<sup>181</sup>

#### **3.8.2 Kaedah Pensampelan**

Sesuatu populasi adalah terlalu besar atau terlalu ramai untuk dikaji, oleh itu hanya sebahagian dari populasi sahaja yang dipilih untuk dikaji dan dijadikan sampel.<sup>182</sup> Jadi, sampel adalah sejumlah individu yang diambil dari kelompok populasi (sebahagian dari populasi)<sup>183</sup>. Pengambilan sampel pada kajian ini menggunakan teknik pensampelan kebarangkalian (*Probability Sampling*) iaitu: teknik pensampelan di mana setiap ahli dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden dalam

---

<sup>180</sup> *Ibid.*, h. 117.

<sup>181</sup> *Ibid.*

<sup>182</sup> *Ibid.*, h. 118.

<sup>183</sup> Suharsimi Arikunto (1997), *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*, c. 1, Jakarta: Rineka Cipta, h.117.

kajian. Kaedah yang akan digunakan untuk memilih sampel kebarangkalian bergantung sepenuhnya kepada kebijaksanaan dan keperluan kajian penyelidik.<sup>184</sup>

Kelebihan pensampelan kebarangkalian ialah: *pertama*, sampel yang dipilih melalui cara pensampelan kebarangkalian lebih cenderung mewakili populasi yang dikaji. Kedua, cara pensampelan yang menggunakan teori kebarangkalian membolehkan penyelidik membuat anggaran terhadap ketepatan atau kewakilan sampel yang dikaji. Ketiga, pensampelan kebarangkalian juga dapat memberikan satu anggaran yang tepat terhadap kejayaan atau kegagalan sampel tersebut.<sup>185</sup>

Penentuan besarnya sampel dalam penyelidikan ini dipilih secara rawak untuk menghadkan jumlah populasi yang besar.<sup>186</sup> Kaedah penentuan sampel yang digunapakai dalam kajian ini adalah pensampelan rawak mudah (*Simple Random Sampling*) iaitu memilih satu unsur secara rawak daripada populasi, setiap unsur daripada populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel.<sup>187</sup>

Bagaimanapun, Bruce W. Tuckman mengatakan bahawa saiz sampel kajian boleh sekecil yang mungkin kerana kajian lazimnya melibatkan faktor masa dan kos perbelanjaan yang harus dikeluarkan untuk sesebuah kajian. Walau bagaimanapun, sampel yang dipilih perlu mencukupi dan dapat mewakili populasi kajian.<sup>188</sup>

Populasi kajian adalah keseluruhan pelanggan Bank Muamalat Indonesia yang berlanggan menggunakan akad mudharabah dan menjadi responden kajian ini. Responden yang menjadi sampel dalam kajian ini adalah pelanggan daripada Bank Muamalat Indonesia yang berada dalam bank untuk urusan. Penyelidik akan berjumpa langsung dengan para responden dan meminta responden mengisi borang soal selidik.

---

<sup>184</sup> Sabhita Marican (2006), *Op Cit*, h. 121.

<sup>185</sup> *Ibid.*, h. 120.

<sup>186</sup> Bruce W. Tuckman (1988), *Conducting Educational Research*, c 3, Florida: Harcourt Brace Jovanovich. Inc, h.126.

<sup>187</sup> *Ibid.*, h. 122. Lihat juga Ahmad Mahdzan Ayop (1992), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*, c 2, Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 115.

<sup>188</sup> *Op.Cit*, h.123.

Jika semua soal selidik telah diisi oleh responden, maka penyelidik akan mengumpulkan kembali untuk dianalisis dengan perisian SPSS 17.0. Ada juga pelanggan yang menghatar soal selidik secara pos.

Daripada 230 soal selidik yang disebarkan kepada pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, hanya 214 responden sahaja yang mengembalikan soal selidik kepada penyelidik. Manakala 16 responden tidak memberikan maklum balas kepada penyelidik.

### **3.9 Kaedah Analisis Data**

Kaedah analisis data yang digunakan adalah berbentuk kuantitatif, iaitu petunjuk yang berbentuk angka-angka dengan pengolahan segala dapatan yang diterima dengan tujuan untuk menerangkan dan menjelaskan hasil kajian yang didapati.<sup>189</sup> Semua data-data yang telah penyelidik kumpulkan akan dianalisis secara mendalam untuk memberikan gambaran dan rumusan terperinci. Analisis kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan metode analisis statistik deskriptif, dan analisis statistik inferensi.

Metode analisis deskriptif penulis lakukan daripada data lapangan yang diperolehi daripada borang soal selidik dan akan dianalisis menggunakan metode analisis deskriptif (Statistical Package For Social Sciences (SPSS) Statistics 17.0).

Analisis statistik deskriptif melibatkan usaha mengorganisasi atau meringkaskan data yang diperolehi daripada pemprosesan data. Penyajian data deskriptif pula dilakukan dalam bentuk peratusan, jadual, kekerapan, gambar rajah, atau seumpamanya.<sup>190</sup> Penulis menggunakan metode ini kerana berkaitan dengan kefahaman pengguna Bank Muamalat Indonesia.

---

<sup>189</sup> Errl Babbie (2004), *The Practice of Social Research*, c.10. USA: Thomson Learning, h. 396

<sup>190</sup> Sabhita Marican (2006), *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*, Selangor: Edusystem Sdn. Bhd, h. 207-208.

Analisis statistik inferensi ialah pernyataan mengenai populasi. Analisis statistik ini digunakan untuk membuat inferensi atau penilaian suatu populasi dengan menganalisis sampel yang telah dikumpulkan dengan bantuan perisian SPSS. Analisis statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan korelasi dan mencapai matlamat kajian, iaitu untuk mengenal pasti kaitan antara kefahaman dengan perselisihan faham yang terjadi di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Untuk melihat kaitan di antara kefahaman dengan perselisihan faham, pengkaji menggunakan korelasi Pearson.

Korelasi adalah statistik yang digunakan untuk mengukur hubungan antara dua pemboleh ubah. Kajian ini dilakukan untuk meneliti hubungan di antara pemboleh ubah kefahaman pelanggan dengan perselisihan faham yang terjadi di antara pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Hubungan antara korelasi diketahui dengan tanda (+) atau (-), jika semakin positif maka hubungan akan semakin kuat dan jika semakin rendah maka hubungan semakin lemah. Untuk lebih jelas, berikut jadual bacaan korelasi.

**Jadual 3.4: Bacaan Julat Pekali Korelasi**

NO	Julat Pekali (range)	Kekuatan Persatuan Korelasi
1	$r = 0.91 - 1.00$	Sangat kuat
2	$r = 0.71 - 0.90$	Kuat
3	$r = 0.41 - 0.70$	Sederhana
4	$r = 0.21 - 0.40$	Kecil (mempunyai hubungan)
5	$r = 0.01 - 0.20$	Lemah (Hampir tidak mempunyai hubungan)

Sumber: Joseph F. Hair, Barry Babin, Arthur H. Money, Phillip Samouel<sup>191</sup>

Jadual 3.4 di atas menunjukkan bahawa semakin besar angka tersebut maka semakin besar pula kekuatan hubungan di antara pemboleh ubah, jika korelasi menunjukkan angka yang kecil maka semakin lemah pula kekuatan antara pemboleh ubah.

<sup>191</sup> Joseph F. Hair, Barry Babin, Arthur H. Money, Phillip Samouel (2003), *Essentials of Business Research Methods*, United states of America: John Wiley & Son, Inc, h. 282.



### 3.10 Kesimpulan

Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini kerana dikatakan lebih berstruktur, mempunyai darjah kekaburan yang minima, makna yang jelas, bercorak linear, mempunyai penjadualan yang jelas, dan menumpukan kepada hasil. Kajian ini mengambil tempat kajian di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, Bank Muamalat Indonesia di Banda Aceh mempunyai dua cawangan, penyelidik menjalankan kajian pada dua cawangan tersebut.

Sumber data dalam kajian ini ada dua, iaitu data primer dan data sekunder. Sumber data primer adalah kajian langsung ke lapangan yang penyelidik lakukan dengan cara mendapatkan maklumat daripada borang soal selidik. Sumber data sekunder adalah hasil penyelidikan, buku-buku, majalah, jurnal, kertas persidangan, kamus, ensiklopedia, hasil kegiatan di Bank Muamalat Indonesia Aceh, serta rujukan lain yang berhubungkait dengan pembahasan kajian penyelidikan ini. Teknik pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dengan dua cara, iaitu dengan menggunakan kajian perpustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*).

Sampel yang dipilih untuk mewakili populasi adalah pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh yang mempunyai produk dengan akad mudharabah. Pengambilan sampel pada kajian ini menggunakan teknik pensampelan kebarangkalian (*Probability Sampling*), jenis pensampelan yang digunapakai dalam kajian ini adalah pensampelan rawak mudah (*Simple Random Sampling* ).

Semua data-data yang telah penyelidik kumpulkan akan dianalisis secara mendalam untuk memberikan gambaran dan rumusan terperinci. Analisis kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan metod metode analisis deduktif, analisis deskriptif, dan analisis statistik inferensi.

## **BAB IV**

### **DAPATAN KAJIAN DAN ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini akan melaporkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang telah dijawab oleh responden. Dalam bahagian ini, pengkaji menerangkan hasil dapatan secara umum, dan kemudian pengkaji juga akan menganalisis hasil dari dapatan kajian tersebut. Analisis yang akan dikaji dalam bab ini tentang tahap kefahaman pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh (BMI cawangan Banda Aceh) terhadap produk mudharabah.

#### **4.2 Profil Responden**

Dalam bahagian ini, penulis akan membahas tentang profil responden, sebagai skop kajian yang penulis selidik, sama ada responden berdasarkan jantina, umur, bidang pendidikan, pekerjaan, pendapatan, dan yang berurusan dengan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, yang telah pengkaji perolehi daripada kajian yang dilakukan di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh.

Soalan telah diedarkan bermula daripada tarikh 7 Julai hingga 25 Julai 2012 di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh untuk mengetahui kefahaman pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh terhadap produk Mudharabah. Seramai 214 responden telah terbabit dalam kajian ini yang terdiri daripada pelbagai jantina, umur, pekerjaan, bidang pendidikan, pendapatan, masa berlanggan, dan jenis produk yang digunakan.

Kajian ini telah dijalankan di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Pengkaji berjumpa dengan pelanggan yang mengurus niaga di kaunter dan memberikan borang soal selidik untuk diisi oleh pelanggan yang menggunakan produk akad

mudharabah. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 230 pelanggan. Kemudian pengkaji telah mengumpulkan kembali soal selidik yang telah disembarkan kepada pelanggan BMI cawangan Banda Aceh. Daripada 230 soal selidik yang disembarkan kepada pelanggan BMI cawangan Banda Aceh, pengkaji hanya mendapatkan 214 soal selidik sahaja yang dikembalikan oleh responden. Ini disebabkan kerana responden tidak dapat menjawab segera dan minta dilakukan di rumah dan akhirnya lupa mengembalikan kepada pengkaji. Selain itu, terdapat juga responden yang telah menghilangkan borang soal selidik yang diberikan.

#### **4.2.1 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk dan Jantina**

Responden yang terbabit dalam kajian ini adalah pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh yang berlanggan produk yang menggunakan akad mudharabah. Bank Mumamalat Indonesia mempunyai pelbagai produk simpanan, pembiayaan dan perkhidmatan. Produk-produk yang pengkaji sebutkan dalam borang soal kaji selidik adalah produk yang menggunakan akad mudharabah. Produk-produk yang menggunakan akad mudharabah ada 2 iaitu, produk simpanan dan pembiayaan. Produk simpanan mempunyai 4 produk yang menggunakan akad mudharabah di antaranya: Tabungan Muamalat, Tabungan Haji Arafah Plus, Deposito Funlives, dan Deposito Mudharabah. Manakala produk pembiayaan ialah Pembiayaan Modal kerja.

Tabungan muamalat adalah simpanan yang dilakukan oleh pelanggan dalam mata wang rupiah dan dapat melakukan pengeluaran wang bila-bila masa. Tabungan haji arafah plus adalah simpanan yang dikhususkan kepada muslim yang merancang menunaikan ibadah haji. Deposito funlives adalah simpanan berjangka untuk pelaburan dan disertai dengan insuran nyawa percuma. Deposito mudharabah adalah simpanan

berjangka untuk pelaburan. Manakala pembiayaan modal kerja adalah pembiayaan yang diberikan oleh perbankan untuk membantu modal usaha pelanggan.

Jadual 4.2.1 menunjukkan bahawa majoriti responden lelaki lebih ramai yang menjawab soal selidik berbanding responden perempuan. Daripada 214 soal selidik yang diproses, terdapat 119 responden lelaki atau 55.6% dan 95 responden jantina perempuan atau 44.4%.

Daripada 119 responden lelaki, yang menggunakan produk Tabungan Muamalat seramai 94 responden (79%), 7 responden (5.9%) menggunakan produk Tabungan Haji Arafah, 3 orang responden (2.5%) menggunakan deposit Funlives, 10 orang responden (8.4%) Depositi Mudharabah, 3 orang responden (2.5%) produk Pembiayaan Modal kerja, dan lain-lain 2 orang responden (1.7%). Manakala daripada 95 responden jantina perempuan, 80 responden (80%) memilih produk Tabungan Muamalat, 6 responden (6.3%) memilih produk Tabungan Haji Arafah Plus, 9 responden (9.5%) memilih produk Deposito Mudharabah, 3 responden (3.2%) memilih produk Pembiayaan Modal Kerja, dan 1 orang responden (1.1%) yang memilih lain-lain produk. Responden jantina perempuan tidak ada yang memilih produk Deposito Funlives. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.2.1: Responden Mengikut Jenis Produk Dan Jantina**

Jenis produk	Jantina				Jumlah
	Lelaki	(%)	Perempuan	(%)	
Tabungan Muamalat	94	79	76	80	170
Tabungan Haji Arafah Plus	7	5.9	6	6.3	13
Deposito Funlives	3	2.5	0	0	3
Deposito Mudharabah	10	8.4	9	9.5	19
Pembiayaan Modal Kerja	3	2.5	3	3.2	6
Lain-lain	2	1.7	1	1.1	3
Total	119	100	95	100	214

Daripada jadual 4.2.1 di atas menunjukkan responden lelaki lebih ramai yang melanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh berbanding dengan responden perempuan. Produk yang paling ramai dilanggan oleh responden adalah produk simpanan Tabungan Muamalat iaitu seramai 170 responden, manakala produk yang paling sedikit adalah simpanan Deposito Fulives dan Pembiayaan Modal Kerja, iaitu masing-masing seramai 3 responden.

#### **4.2.2 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk dan Umur**

Peringkat umur responden dibahagikan kepada lima kategori. Keputusan daripada soal selidik mendapati bahawa responden yang berumur 20-25 tahun seramai 64 responden, di antaranya: 59 responden memilih produk Tabungan Muamalat atau 92.2%, 1 orang responden memilih Tabungan Haji Arafah atau 1.6%, 2 responden memilih Deposito Mudharabah atau seramai 3.1%, 2 responden memilih Pembiayaan Modal Kerja atau 3.1%, dan tidak ada responden yang memilih produk Depositi Funlives.

Responden yang berumur 26-35 tahun seramai 76 responden, di antaranya: 64 responden memilih Tabungan Mudharabah atau 84.2%, 5 responden memilih Tabungan Haji Arafah atau 6.6%, 1 responden memilih Deposito Funlives atau 1.3%, 2 responden memilih Deposito Mudharabah atau 2.6%, 1 responden memilih Pembiayaan Modal Kerja atau 1.3%.

Responden yang berumur 36-45 tahun seramai 48 responden, di antaranya: 31 responden memilih produk Tabungan Mudharabah atau 64.4%, 4 responden memilih Tabungan Haji Arafah atau 8.3%, 2 responden memilih Deposito Funlives atau 4.2%, 8 responden memilih Deposito Mudharabah atau 16.7%, dan 3 responden memilih Pembiayaan Modal Kerja atau 6.3%.

Responden yang berumur 20 tahun hingga 45 tahun adalah di antara responden yang teramai, iaitu seramai 187 responden. Responden daripada umur tersebut paling ramai memilih produk tabungan muamalat sebagai produk yang dilanggan di Bank Muamalat. Responden yang paling sedikit pula berumur lebih daripada 60 tahun, iaitu seramai 5 responden. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.2.2: Responden Mengikut Jenis Produk Dan Umur**

Jenis produk	Umur (tahun)									
	20-25	%	26-35	%	36-45	%	46-60	%	>61	%
Tabungan Muamalat	59	92.2	64	84.2	31	64.4	14	66.7	2	40
Tabungan Haji Arafah Plus	1	1.6	5	6.6	4	8.3	2	9.5	1	20
Deposito Funlives	0	0	1	1.3	2	4.2	0	0	0	0
Deposito Mudharabah	2	3.1	2	2.6	8	16.7	5	23.8	2	40
Pembiayaan Modal Kerja	2	3.1	1	1.3	3	6.3	0	0	0	0
Lain-lain	0	0	3	3.9	0	0	0	0	0	0
Total	64	100	76	100	48	100	21	100	5	100

Daripada segi produk pula, Tabungan Muamalat adalah daripada jenis produk yang ramai dipilih oleh responden iaitu seramai 170 responden, sementara produk yang paling sedikit adalah deposito Funlives iaitu seramai 3 responden.

#### **4.2.3 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk dan Peringkat Pendidikan**

Pemilihan responden daripada peringkat pendidikan ada 4 peringkat, iaitu sekolah rendah, tingkatan 3, tingkatan 5, ijazah sarjana muda, dan lain-lain. Keputusan soal selidik mengenai peringkat pendidikan mendapati bahawa responden yang bersekolah rendah hanya 1 responden sahaja, responden tingkatan 3 seramai 5 responden, responden tingkatan 5 seramai 45 responden, responden ijazah sarjana seramai 161 responden dan lain-lain seramai 1 responden. Daripada segi produk yang dilanggan pun

ramai di kalangan responden yang ada ijazah, iaitu seramai 122 responden, diikuti oleh Tingkatan Lima seramai 40 responden. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.2.3: Responden Mengikut Jenis Produk Dan Tahap Pendidikan**

Jenis produk	Katagori									
	SR*	%	T 3*	%	T 5*	%	Ijazah sarjana	%	Lain-lain	%
Tabungan Muamalat	1	100	5	100	40	88.9	122	75.8	2	100
Tabungan Haji Arafah Plus	0	0	0	0	0	0	13	8.1	0	0
Deposito Funlives	0	0	0	0	0	0	3	1.9	0	0
Deposito Mudharabah	0	0	0	0	2	4.4	17	10.6	0	0
Pembiayaan Modal Kerja	0	0	0	0	3	6.7	3	1.9	0	0
Lain-lain	0	0	0	0	0	0	3	1.9	0	0
Total	1	100	5	100	45	100	161	100	2	100

\*SR = Sekolah Rendah

\*T 3 = Tingkatan 3

\*T 5 = Tingkatan 5

Ini bererti majoriti responden terdiri dari kalangan yang berpendidikan tinggi, responden yang berpendidikan Sekolah Rendah hanya seorang responden. Responden di peringkat ijazah sarjana muda adalah di antara yang teramai iaitu seramai 161 responden, di antaranya: 122 responden memilih produk Tabungan Muamalat atau seramai 75.8%, 13 responden memilih Tabungan Haji Arafah atau 8.1%, 3 responden memilih Deposito Funlives atau 1.9%, 17 responden memilih Deposito Mudharabah atau 10.6%, 3 responden memilih Pembiayaan Modal Kerja atau 1.9%, dan 3 responden memilih lain-lain atau 1.9%. Responden yang memilih lain-lain hanya 2 responden sahaja, semua responden tersebut memilih produk Tabungan Muamalat.

Tingkat pendidikan pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh yang paling ramai adalah Ijazah sarjana (161 responden) dan yang paling rendah adalah

sekolah rendah (1 responden). Jika dilihat daripada tingkatan pendidikan, pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh seharusnya sudah faham mengenai akad mudharabah, kerana kebanyakan responden adalah daripada Ijazah Sarjana Muda.

#### 4.2.4 Profil responden berdasarkan Jenis produk Dan Pekerjaan

Profil responden berdasarkan pekerjaan mendapati bahawa responden yang bekerja di syarikat swasta lebih ramai berbanding responden yang bekerja dengan kerajaan mahupun responden yang bekerja sendiri, iaitu seramai 81 responden. Manakala responden swasta juga merupakan yang paling banyak menggunakan produk Tabungan Muamalat. Responden yang paling sedikit adalah yang memilih lain-lain.

Responden yang paling sedikit adalah responden yang bekerja lain-lain iaitu seramai 22 responden. pekerjaan lain-lain yang dimaksudkan di sini terdiri daripada pelajar, surirumah, pesara kerajaan, pesara swasta, dan yang tidak bekerja. Responden yang bekerja lain-lain juga ramai yang menggunakan produk Tabungan Muamalat iaitu seramai 19 responden, dan 2 responden memilih produk Deposito Mudharabah. Di kalangan mereka yang bekerja, kebanyakannya menggunakan Tabungan Muamalat. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.2.4: Responden Mengikut Jenis Produk Dan Pekerjaan**

Jenis produk	Pekerjaan							
	Swasta	%	Kerajaan	%	Bekerja Sendiri	%	Lain-lain	%
Tabungan Muamalat	70	86.4	35	67.3	46	78	19	86.4
Tabungan Haji Arafah Plus	2	2.5	9	17.3	2	3.4	0	0
Deposito Funlives	1	1.2	2	3.8	0	0	0	0
Deposito Mudharabah	6	7.4	4	7.7	7	11.9	2	9.1
Pembiayaan Modal Kerja	2	2.5	1	1.9	3	5.1	0	0
Lain-lain	0	0	1	1.9	1	1.7	1	4.5
Total	81	100	52	100	59	100	22	100



#### **4.2.5 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk Dan Pendapatan**

Kajian mengikut pendapatan responden terdiri daripada 75 responden berpendapatan RM1000-1900 (Rp3.000.000-5.000.000), 48 responden berpendapatan RM2000-2900 (Rp.5.100.000-7.000.000), 40 responden berpendapatan RM3000-3900 (Rp.7.100.000-9.000.000), 27 responden berpendapatan RM4000-4900 (Rp.9.100.000-12.000.000), dan 24 responden berpendapatan lebih daripada RM5000 (Rp.12.000.000).

Di kalangan responden yang berpendapatan RM1000-1900 (Rp3.000.000-5.000.000) terdiri daripada 75 responden, 71 responden (94.7%) yang memilih produk Tabungan Muamalat, 4 responden lain memilih produk Tabungan Haji Arafah, Deposito Mudharabah dan lain-lain. Responden yang berpendapatan RM1000-1900 (Rp3.000.000-5.000.000) adalah responden yang paling ramai (94.7%). Ini kerana, kebanyakan pelanggan yang berlanggan dengan Bank Muamalat Indonesia adalah pegawai swasta (lihat jadual 4.2.4) yang sudah mempunyai hubungan kerjasama dengan Bank Muamalat Indonesia.

Di kalangan responden yang berpendapatan lebih daripada RM5000 (Rp.12.000.000) terdiri daripada 14 responden (58.3%) yang memilih produk Tabungan Muamalat, 2 responden (8.3%) yang memilih Tabungan Haji Arafah, 2 responden (8.3%) yang memilih Deposito Funlives, 5 responden (20.8%) yang memilih Deposito Mudharabah, dan 1 responden (4.2%) yang memilih lain-lain. Responden yang berpendapatan lebih daripada RM5000 (Rp.12.000.000) merupakan responden yang paling sedikit berlanggan di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, iaitu seramai 24 responden.

Daripada jadual 4.2.5 dapat diketahui bahawa responden yang berpendapatan RM1000 (Rp.3.000.000) sampai dengan RM3.900 (Rp.9.000.000) adalah yang paling ramai, iaitu seramai 163 responden, manakala responden yang berpendapatan RM4000-

5000 (Rp.9.100.000- 12.000.000) ke atas seramai 51 responden. Jadual 4.2.5 juga menunjukkan bahawa responden lebih cenderung menggunakan produk Tabungan Muamalat daripada produk lain, sama ada responden yang berpendapatan RM1000-RM3900 (Rp.3.000.000-9.000.000) ataupun responden yang berpendapatan RM4000-RM5000 (Rp.9.100.000- 12.000.000) ke atas. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.2.5: Responden Mengikut Jenis Produk Dan Pendapatan**

Jenis Produk	Pendapatan (RM) Ribu									
	1-1.9	%	2-2.9	%	3-3.9	%	4-4.9	%	>5	%
Tabungan Muamalat	71	94.7	41	85.4	22	55	22	81.5	14	58.3
Tabungan Haji Arafah Plus	2	2.7	4	8.3	4	10	1	3.7	2	8.3
Deposito Funlives	0	0	1	2.1	0	0	0	0	2	8.3
Deposito Mudharabah	1	1.3	0	0	9	22.5	4	14.8	5	20.8
Pembiayaan Modal Kerja	0	0	1	2.1	5	12.5	0	0	0	0
Lain-lain	1	1.3	1	2.1	0	0	0	0	1	4.2
Total	75	100	48	100	40	100	27	100	24	100

#### 4.2.6 Profil Responden Berdasarkan Jenis Produk Dan Tempoh Berlanggan

Keputusan statistik berdasarkan jenis produk yang dilanggan oleh responden dan masa berlanggan mendapati bahawa 165 responden yang telah melanggan di bank Muamalat cawangan Banda Aceh selama 1-5 tahun, 45 responden telah berlanggan selama 6-10 tahun, dan hanya 4 responden sahaja yang melanggan selama 11-15 tahun.

Daripada 165 responden yang telah melanggan selama 1-5 tahun, sebanyak 138 responden (83.6%) memilih produk Tabungan Muamalat yang dilanggan. 11 responden (6.7%) memilih produk Tabungan Haji Arafah, 1 responden (0.6%) memilih Deposito Funlives, 7 responden (4.2%) memilih Deposito Mudharabah, 5 responden (3%) memilih Pembiayaan Modal Kerja, dan 3 responden (1.8%) memilih lain-lain.

Responden yang melangani selama 6-10 tahun terdiri daripada 32 responden (71.1%) yang memilih produk Tabungan Muamalat, 2 responden (4.4%) memilih Tabungan Haji Arafah, 10 responden (22.2%) memilih Deposito Mudharabah, dan 1 responden (2.2%) memilih Pembiayaan Modal Kerja. Selanjutnya, di kalangan responden yang telah berlanggan selama 11-15 tahun terdiri daripada 2 responden (50%) yang memilih produk Deposito Funlives, dan 2 responden (50%) yang memilih Deposito Mudharabah. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.2.6: Responden Mengikut Jenis Produk Dan Tempoh Berlanggan**

Jenis Produk	Tempoh berlanggan					
	1-5 tahun	%	6-10 tahun	%	11-15 tahun	%
Tabungan Muamalat	138	83.6	32	71.1	0	0
Tabungan Haji Arafah Plus	11	6.7	2	4.4	0	0
Deposito Funlives	1	0.6	0	0	2	50
Deposito Mudharabah	7	4.2	10	22.2	2	50
Pembiayaan Modal Kerja	5	3	1	2.2	0	0
Lain-lain	3	1.8	0	0	0	0
Total	165	100	45	100	4	100

Jadual 4.2.6 menunjukkan bahawa kebanyakan responden sudah melangani Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh sepanjang 1-5 tahun seramai 165 responden, dan responden yang telah melanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh selama 6-15 tahun hanya seramai 49 responden. Jadi, kebanyakan responden yang terbabit dalam kajian ini baru melanggan dengan produk yang ada di Bank Muamalat Indonesia dalam masa 5 tahun, hanya 4 orang responden sahaja yang sudah lama berlanggan selama 11-15 tahun.

### 4.3 Persepsi Responden Terhadap Produk Bank Muamalat Indonesia

Kajian mengenai persepsi responden terhadap produk Bank Muamalat Indonesia, secara purata, responden berpersepsi bahawa Bank Muamalat Indonesia adalah perbankan Islam yang pertama di Indonesia. Seramai 121 responden atau 56.5% menyatakan sangat setuju, 73 responden atau 34.1% menyatakan setuju, dan 20 responden atau 9.3% menyatakan tidak pasti. Jadi, secara persepsi pelanggan sudah mengetahui bahawa Bank Muamalat adalah perbankan Islam yang pertama di Indonesia. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.3.1: Bank Muamalat Indonesia adalah Perbankan Islam Yang Pertama di Indonesia**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Tidak pasti	20	9.3	9.3
Setuju	73	34.1	43.5
Sangat setuju	121	56.5	100.0
Total	214	100.0	

Selanjutnya, jadual 4.3.2 menunjukkan secara purata, persepsi pelanggan terhadap Bank muamalat Indonesia menyatakan bahawa Bank Muamalat Indonesia menerapkan sistem syariah pada semua produk, hal ini dapat dilihat daripada jadual di bawah bahawa lebih 50 peratus yang menyatakan setuju. Seramai 92 responden (43.0%) menyatakan setuju, 74 responden (34.6%) menyatakan sangat setuju, 42 responden (19.6%) menyatakan tidak pasti, dan 6 responden (2.8%) menyatakan tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.3.2: Bank Muamalat Indonesia Menerapkan Sistem Syariah**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Tidak setuju	6	2.8	2.8
Tidak pasti	42	19.6	22.4
Setuju	92	43.0	65.4

Sangat setuju	74	34.6	100.0
Total	214	100.0	

Kajian mengenai persepsi responden terhadap produk Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh mendapati bahawa secara purata, responden berpersepsi bahawa Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh menggunakan sistem bahagi keuntungan sesuai dengan hukum Islam. Seramai 109 responden (50.9%) menyatakan setuju, 83 responden (38.8%) menyatakan sangat setuju, 17 responden (7.9%) menyatakan tidak pasti, 4 responden (1.9%) menyatakan tidak setuju, dan 1 responden (0.5%) menyatakan sangat tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.3.3: Sistem Pembahagian Keuntungan sesuai dengan Hukum Islam**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	1	.5	.5
Tidak setuju	4	1.9	2.3
Tidak pasti	17	7.9	10.3
Setuju	109	50.9	61.2
Sangat setuju	83	38.8	100.0
Total	214	100.0	

Daripada jadual 4.3.4, secara purata, pelanggan Bank Muamalat Indonesia berpersepsi bahawa produk-produk Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh memenuhi keperluan masyarakat. Seramai 147 responden (68.7%) menyatakan setuju, 41 responden (19.2%) menyatakan sangat setuju, 24 responden (11.2%) menyatakan tidak pasti, dan 2 responden (0.9%) menyatakan tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.3.4: Produk Bank Muamalat Indonesia Memenuhi Keperluan Masyarakat**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Tidak setuju	2	.9	.9
Tidak pasti	24	11.2	12.1
Setuju	147	68.7	80.8
Sangat setuju	41	19.2	100.0
Total	214	100.0	

Jadual 4.3.5 menunjukkan bahawa responden berpersepsi Bank Muamalat memiliki pelbagai kemudahan dalam produk-produk yang dipasarkan. Seramai 109 responden (50.9%) menyatakan setuju, 46 responden (21.5%) menyatakan sangat setuju, 52 responden (24.3%) menyatakan tidak pasti, 5 responden (2.3%) menyatakan tidak setuju, 2 responden (0.9%) menyatakan sangat tidak setuju. Jadi, secara purata menunjukkan bahawa pelanggan berpersepsi bahawa Bank Muamalat memiliki pelbagai kemudahan dalam produk-produk yang dipasarkan iaitu seramai 155 responden setuju (72.4%). Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.3.5: Memiliki Pelbagai Kemudahan Dalam Produk yang Dipasarkan**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	2	.9	.9
Tidak setuju	5	2.3	3.3
Tidak pasti	52	24.3	27.6
Setuju	109	50.9	78.5
Sangat setuju	46	21.5	100.0
Total	214	100.0	

Secara purata, responden berpersepsi bahawa produk di Bank Muamalat Indonesia sesuai dengan peraturan Majlis Ulama Indonesia (MUI). Jadual 4.3.6 menunjukkan seramai 95 responden (44.4%) menyatakan setuju, 75 responden (35%) menyatakan sangat setuju, 38 responden (17.8%) menyatakan tidak pasti, 4 responden

(1.9%) menyatakan tidak setuju, dan 2 responden (0.9%) menyatakan sangat tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.3.6: Produk Bank Muamalat Indonesia Sesuai Peraturan Majlis Ulama Indonesia (MUI)**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	2	.9	.9
Tidak setuju	4	1.9	2.8
Tidak pasti	38	17.8	20.6
Setuju	95	44.4	65.0
Sangat setuju	75	35.0	100.0
Total	214	100.0	

Secara purata, responden berpersepsi bahawa produk Bank Muamalat Indonesia bebas daripada faedah. Jadual 4.3.7 menunjukkan bahawa seramai 88 responden (41.1%) menyatakan sangat setuju, 73 responden (34.1%) menyatakan setuju, 44 responden (20.6%) menyatakan tidak pasti, 8 responden (3.7%) menyatakan tidak setuju, dan 1 responden (0.5%) menyatakan sangat tidak setuju. Jadi, seramai 161 responden (75.2%) menyatakan setuju bahawa produk Bank Muamalat Indonesia bebas daripada faedah. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.3.7: Produk Bank Muamalat Indonesia Bebas Daripada Faedah**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	1	.5	.5
Tidak setuju	8	3.7	4.2
Tidak pasti	44	20.6	24.8
Setuju	73	34.1	58.9
Sangat setuju	88	41.1	100.0
Total	214	100.0	

Jadual 4.3.1 hingga jadual 4.3.7 menunjukkan bahawa pelanggan mempunyai persepsi yang positif terhadap produk-produk Bank Muamalat Indonesia, sehingga membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat baik mengenai kefahaman pelanggan

terhadap akad mudharabah. Selain daripada itu, lebih daripada 50% responden bersetuju dengan produk Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh.

Pernyataan mengenai Bank Muamalat Indonesia adalah perbankan Islam yang pertama di Indonesia (90.6%), Bank Muamalat Indonesia menerapkan prinsip syariah pada semua produk (77.6%), penggunaan sistem bahagi keuntungan sesuai dengan hukum Islam pada produk Bank Muamalat Indonesia, responden menyatakan setuju dan sangat setuju (89.7%), produk-produk Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh memenuhi keperluan masyarakat (87.9%), Bank Muamalat memiliki pelbagai kemudahan dalam produk-produk yang dipasarkan (72.4%), Produk Bank Muamalat Indonesia sesuai dengan peraturan Majlis Ulama Indonesia (MUI) (79.4%), dan produk Bank Muamalat Indonesia bebas daripada faedah 75.2%).

#### 4.4 Kefahaman Responden Terhadap Akad Mudharabah

Kajian terhadap kefahaman pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh mendapati kebanyakan responden telah faham tentang hukum mengambil faedah adalah haram. Jadual 4.4.1 menunjukkan bahawa seramai 133 responden (62.1%) menyatakan sangat setuju, 65 responden (30.4%) menyatakan setuju, sedangkan responden yang menyatakan tidak pasti seramai 15 responden (7%) dan responden yang menyatakan tidak setuju hanya 1 responden (0.5%). Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.4.1: Hukum Mengambil Faedah Hukumnya Haram**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Tidak setuju	1	.5	.5
Tidak pasti	15	7.0	7.5
Setuju	65	30.4	37.9
Sangat setuju	133	62.1	100.0
Total	214	100.0	



Secara purata, responden juga faham bahawa pengharaman faedah merupakan ketetapan daripada Allah SWT kepada hambanya. Jadual 4.4.2 menunjukkan bahawa seramai 126 responden (58.9%) menyatakan sangat setuju, 75 responden (35%) menyatakan setuju, 12 responden (5.6%) menyatakan tidak pasti dan hanya 1 orang responden sahaja (0.5%) yang menyatakan tidak setuju. Jadi, dari kajian tersebut masih ada responden yang belum faham tentang hukum faedah dan siapa yang mengharamkan faedah. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.4.2: Pengharaman Faedah Merupakan Ketetapan Allah Kepada HambaNya**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Tidak setuju	1	0.5	0.5
Tidak pasti	12	5.6	6.1
Setuju	75	35.0	41.1
Sangat setuju	126	58.9	100.0
Total	214	100.0	

Jadual 4.4.3 menunjukkan bahawa secara purata, kebanyakan responden Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh telah faham mengenai sistem perbankan Islam yang diharuskan adalah perkongsian atau pembahagian keuntungan. Jadual 4.4.3 menunjukkan bahawa seramai 105 responden (49.1%) menyatakan sangat setuju, 98 responden (45.8%) menyatakan setuju, 10 responden (4.7%) menyatakan tidak pasti, dan 1 orang responden (0.5%) menyatakan tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.4.3: Sistem Perbankan Islam yang Dibolehkan adalah Sistem Pembahagian Keuntungan**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Tidak setuju	1	.5	.5
Tidak pasti	10	4.7	5.1

Setuju	98	45.8	50.9
Sangat setuju	105	49.1	100.0
Total	214	100.0	

Secara purata, responden dalam kajian ini telah faham bahawa hukum mudharabah adalah boleh atau dibolehkan. Jadual 4.4.4 menunjukkan bahawa seramai 126 responden (58.9%) menyatakan setuju, 67 responden (31.3%) menyatakan sangat setuju, 20 responden (9.3%) menyatakan tidak pasti, dan 1 responden (0.5%) menyatakan tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.4.4: Hukum Mudharabah adalah Dibolehkan**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Tidak setuju	1	0.5	0.5
Tidak pasti	20	9.3	9.8
Setuju	126	58.9	68.7
Sangat setuju	67	31.3	100.0
Total	214	100.0	

Jadual 4.4.5 menunjukkan bahawa secara purata, responden berkefahaman bahawa majoriti masyarakat Aceh belum faham terhadap hukum faedah dan mudharabah, hal ini ditunjukkan dengan ramainya responden yang menyatakan tidak setuju. Jadual 4.4.6 menunjukkan bahawa seramai 50 responden (23.4%) menyatakan tidak setuju, 8 responden (3.7%) menyatakan sangat tidak setuju, 96 responden (44.9%) tidak pasti, 45 responden (21.0%) menyatakan setuju, 15 responden (7%) menyatakan sangat setuju. Jadi, 154 responden (72%) tidak setuju atau tidak pasti bahawa masyarakat Aceh masih belum faham hukum faedah dan mudharabah. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

Daripada jadual 4.4.1, 4.4.2, 4.4.3, dan 4.4.4 pengkaji mendapati ada seorang responden (0.5%) yang tidak setuju dengan pengharaman riba. Ini menunjukkan ada responden yang memang tak tahu langsung dengan hukum pengharaman riba.

Walaupun hanya seorang responden, pengkaji mengharap pihak bank dapat melakukan pendedahan lebih mendalam lagi kepada pelanggan yang tidak mengetahui hukum riba.

**Jadual 4.4.5: Majoriti Masyarakat Aceh Faham Hukum Mudharabah**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	8	3.7	3.7
Tidak setuju	50	23.4	27.1
Tidak pasti	96	44.9	72.0
Setuju	45	21.0	93.0
Sangat setuju	15	7.0	100.0
Total	214	100.0	

Dapatan kajian mengenai kafahaman responden terhadap isi kandungan akad mudharabah mendapati bahawa, lebih 50% responden tidak faham dengan kandungan akad mudharabah. Jadual 4.4.6 menunjukkan bahawa seramai 14% atau 30 responden menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju mengenai kefahaman kandungan akad mudharabah akad mudharabah, 46.3% atau 99 responden menyatakan tidak pasti, dan 39.7% atau 85 responden menyatakan setuju dan sangat setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.4.6: Kefahaman Responden Terhadap Kandungan Akad Mudharabah**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	5	2.3	2.3
Tidak setuju	25	11.7	14.0
Tidak pasti	99	46.3	60.3
Setuju	66	30.8	91.1
Sangat setuju	19	8.9	100.0
Total	214	100.0	

Pengkaji juga mendapati bahawa pelanggan faham akad mudharabah dengan menyatakan setuju pada item soalan yang diajukan, seperti hukum mengambil faedah haram (92.5%), riba adalah ketetapan Allah (63.9%), sistem yang dibolehkan adalah

pembahagian keuntungan (94.9%), mudharabah menggunakan sistem pembahagian keuntungan (93.5%), hukum mudharabah adalah boleh (90.2%). Kefahaman responden terhadap kandungan akad mudharabah sangat kurang, hanya 39.7% yang faham isi kandungan akad mudharabah, selebihnya tidak tahu dan ragu-ragu sama ada mereka fahma atau tidak, dan pengkaji menggolongkan mereka tidak tau.

Dapatan kajian mengenai maklumat yang diperolehi oleh responden berkaitan dengan akad mudharabah ada empat sumber, iaitu: daripada ceramah agama, media massa, kawan atau sanak saudara, dan daripada kakitangan Bank Muamalat Indonesia. Untuk kemudahan dalam memahami maklumat yang diberikan oleh responden, pengkaji telah menggabungkan jawapan responden yang menyatakan setuju dan sangat setuju menjadi setuju, dan jawapan responden yang menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju menjadi tidak setuju. Manakala jawapan responden yang menyatakan tidak pasti, masih dimasukkan ke dalam jadual, kerana jawapan tidak pasti adalah jawapan yang dapat mempengaruhi jawapan setuju dan tidak setuju. Jadual 4.4.7 di bawah akan menerangkan sumber maklumat yang diperolehi oleh pelanggan berkaitan dengan akad mudharabah.

**Jadual 4.4.7: Maklumat yang Diperolehi Berkaitan Kefahaman Akad Mudharabah**

Sumber maklumat	Kategori						Jumlah Responden (Peratus)
	Setuju	%	Tidak Pasti	%	Tidak Setuju	%	
Ceramah Agama	86	40.2	65	30.4	63	29.4	214 (100%)
Media massa	64	29.9	73	34.1	77	36	214 (100%)
Kawan/ Sanak saudara	108	50.4	58	27.1	48	22.4	214 (100%)
Kakitangan Bank Muamalat Indonesia	121	56.5	51	23.8	42	19.6	214 (100%)

Jadual 4.4.7 di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden faham mengenai akad mudharabah daripada kakitangan Bank Muamalat Indonesia, iaitu

seramai 56.5% atau 121 responden menyatakan setuju, walau bagaimana pun, responden juga mendapat maklumat mengenai akad mudharabah daripada sumber lain, iaitu: kawan atau sanak saudara (50.4%), ceramah agama (40.2%), dan media massa (29.9%). Ini bermakna sumber maklumat daripada media massa masih rendah dan perlu ditingkatkan.

#### 4.5 Kefahaman Responden Terhadap Nisbah Pembahagian Keuntungan

Secara purata, kajian terhadap kefahaman pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh mendapati responden telah faham bahawa pembahagian keuntungan disebutkan dalam akad dalam bentuk nisbah. Jadual 4.5.1 menunjukkan bahawa seramai 123 responden (57.5%) menyatakan setuju, 62 responden (29%) menyatakan sangat setuju, 27 responden (12.6%) menyatakan tidak pasti, 2 responden (0.9%) menyatakan sangat tidak setuju. Justeru, responden telah faham bahawa pembahagian keuntungan yang diterapkan di Bank Muamalat Indonesia disebutkan dalam bentuk nisbah, seramai 185 responden (86.5%) menyatakan setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.5.1: Pembahagian Keuntungan Disebutkan Dalam Bentuk Nisbah**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	2	.9	.9
Tidak pasti	27	12.6	13.6
Setuju	123	57.5	71.0
Sangat setuju	62	29.0	100.0
Total	214	100.0	

Secara purata, responden telah faham bahawa keuntungan dalam perniagaan dibahagi sesuai dengan bahagian yang ditentukan di awal akad. Jadual 4.5.2 menunjukkan bahawa seramai 122 responden (57%) menyatakan setuju, 57 responden (26.6%) menyatakan sangat setuju, 30 responden (14%) menyatakan tidak pasti, 3

responden (1.4%) menyatakan tidak setuju, dan 2 responden (0.9%) menyatakan sangat tidak setuju. Jadi, secara purata responden telah faham tentang penentuan keuntungan. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.5.2: Keuntungan Dibahagi Sesuai Dengan Bahagian Yang Ditentukan di Awal Akad**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	2	.9	.9
Tidak setuju	3	1.4	2.3
Tidak pasti	30	14.0	16.4
Setuju	122	57.0	73.4
Sangat setuju	57	26.6	100.0
Total	214	100.0	

Secara purata, responden telah faham bahawa sebahagian keuntungan yang diperoleh daripada perniagaan mesti dikongsi. Jadual 4.5.3 menunjukkan bahawa seramai 117 responden (54.7%) menyatakan setuju, 52 responden (24.3%) menyatakan sangat setuju, 38 responden (17.8%) menyatakan tidak pasti, 5 responden (2.3%) menyatakan tidak setuju, dan 2 responden (0.9%) menyatakan sangat tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.5.3: Keuntungan Mesti Dikongsi Dengan Perbankan**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	2	.9	.9
Tidak setuju	5	2.3	3.3
Tidak pasti	38	17.8	21.0
Setuju	117	54.7	75.7
Sangat setuju	52	24.3	100.0
Total	214	100.0	

Secara purata, responden telah faham berapa bahagian keuntungan yang didapatkan daripada perniagaan, seramai 111 responden (51.9%) menjawab setuju, 44 responden (20.6%) menjawab sangat setuju, 48 responden (22.4%) menjawab tidak

pasti, 10 responden (4.7%) menjawab tidak setuju, dan 1 responden (0.5%) menjawab sangat tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.5.4: Jumlah Bahagian Keuntungan Daripada Perniagaan**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	1	.5	.5
Tidak setuju	10	4.7	5.1
Tidak pasti	48	22.4	27.6
Setuju	111	51.9	79.4
Sangat setuju	44	20.6	100.0
Total	214	100.0	

Secara am, responden sudah faham akad mudharabah menggunakan sistem pembahagian keuntungan, meskipun begitu, ramai juga responden yang menjawab tidak pasti. Ini bermakna masih ada responden masih tidak pasti sama ada mereka faham ataupun tidak. Jadual 4.5.5 menunjukkan bahawa seramai 37.4% atau 80 responden menjawab setuju, 14% atau 30 responden menjawab sangat setuju, 36.4% atau 78 responden menjawab tidak pasti, 10.7% atau 23 responden menjawab tidak setuju, dan 1.4% atau 3 responden menjawab sangat tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.5.5: Akad Mudharabah Menggunakan Sistem Pembahagian Keuntungan**

Kategori	Responden	Peratus (%)	Peratus Kumulatif
Sangat tidak setuju	3	1.4	1.4
Tidak setuju	23	10.7	12.1
Tidak pasti	78	36.4	48.6
Setuju	80	37.4	86.0
Sangat setuju	30	14.0	100.0
Total	214	100.0	

Secara purata, responden masih tidak pasti mengenai cara perhitungan pembahagian keuntungan. Jadual 4.5.6 menunjukkan bahawa responden yang

menjawab tidak pasti seramai 93 responden (53.5%), yang menjawab setuju seramai 64 responden (29.9%), yang menjawab sangat setuju, seramai 21 responden (9.8%), yang menjawab tidak setuju seramai 30 responden (14%), dan yang menjawab sangat tidak setuju seramai 6 responden (2.8%). Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual 4.5.6 di bawah ini.

**Jadual 4.5.6: Cara Perhitungan Pembahagian Keuntungan**

<b>Kategori</b>	<b>Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>Peratus Kumulatif</b>
Sangat tidak setuju	6	2.8	2.8
Tidak setuju	30	14.0	16.8
Tidak pasti	93	43.5	60.3
Setuju	64	29.9	90.2
Sangat setuju	21	9.8	100.0
Total	214	100.0	

Jadual 4.5.6 di atas juga menunjukkan bahawa masih ramai responden yang tidak pasti cara perhitungan pembahagian keuntungan iaitu seramai 93 responden atau 43.5%, meskipun ramai juga responden yang faham cara perhitungan pembahagian keuntungan iaitu 39.7% atau seramai 85 responden menjawab setuju dan sangat setuju.

Jadual 4.5.1 hingga dengan jadual 4.5.6 menyelidiki tentang tahap kefahaman pelanggan terhadap pembahagian keuntungan. Secara ringkasnya, tahap kefahaman pelanggan terhadap pembahagian keuntungan mendapati bahawa pernyataan mengenai pembahagian keuntungan disebutkan dalam akad dalam bentuk nisbah (86.5%), keuntungan dalam perniagaan dibahagi sesuai dengan bahagian yang ditentukan di awal akad (83.6%), sebahagian keuntungan yang diperoleh daripada perniagaan mesti dibahagi dengan perbankan (79%), bahagian keuntungan yang didapatkan daripada perniagaan (72.5%), akad mudharabah menggunakan sistem bahagi keuntungan (51.4%).



Manakala cara perhitungan pembahagian keuntungan, kebanyakan responden menyatakan tidak pasti (43.5%). Hal ini menunjukkan bahawa responden masih tidak faham cara pembahagian keuntungan. Keuntungan yang mereka dapati daripada setiap pembahagian keuntungan adalah daripada hasil perhitungan yang dilakukan oleh Bank Muamalat Indonesia, pelanggan hanya menerima sahaja. Keadaan seperti ini boleh menimbulkan perselisihan di antara pelanggan dengan pihak perbankan, kerana seandainya pelanggan menerima bahagian sedikit tanpa mengetahui cara pembahagiannya, maka akan menimbulkan rasa curiga daripada pelanggan terhadap perbankan.

#### **4.6 Perselisihan Faham di Bank Muamalat Indonesia Cawangan Banda Aceh**

Sekiranya terjadi perselisihan faham di antara perbankan dengan pelanggan, ada tiga cara yang selalunya dilakukan untuk menyelesaikan perkara-perkara tersebut. Di antara cara tersebut adalah dengan perdamaian (*sulh*), arbitrase<sup>192</sup>, dan dengan peradilan/mahkamah.<sup>193</sup>

Perselisihan faham yang dimaksudkan dalam tesis ini adalah terjadi perbezaan persepsi ataupun interpretasi di antara pihak perbankan dengan pelanggan mengenai hak dan kewajiban yang wajib dipenuhi. Biasanya perbezaan timbul kerana beberapa hal, seperti berikut:

- a) Perbankan ingin mencapai tujuan memperoleh keuntungan tanpa mempertimbangkan keperluan dan kemampuan pelanggan. Sedangkan pelanggan ingin memperoleh keuntungan tanpa pengawasan daripada pihak perbankan;

---

<sup>192</sup> Arbitrase adalah suatu badan yang ditubuhkan oleh kerajaan Indonesia untuk penyelesaian perselisihan faham atau perselisihan faham yang terjadi diberbagai sektor perdagangan, industri dan kewangan (lihat: Gatot Soemartono (2006), Arbitrase dan Mediasi di Indonesia, Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, h.26). Dalam perspektif Islam, Arbitrase dapat dipadankan dengan istilah *tahkim*. Secara etimologi bermakna menjadikan seseorang sebagai pencegah suatu perselisihan faham (lihat: Luwis Ma'luf (t.t), *al-Munjid fi al-Lughah wa al-'Alam*, Beirut: Dar al-Masyriq, h.146.). Arbitrase untuk menyelesaikan perkara-perkara Muamalat dan Institusi kewangan Islam dikenal dengan nama Badan Arbitrase Muamalat Indonesia (BAMUI) kemudian pada tahun 2004, berdasarkan hasil pertemuan Majelis Ulama Indonesia dan pengurus BAMUI, maka ditetapkan bahwa BAMUI diganti namanya menjadi Badan Arbitrase Syariah Nasional (BASYARNAS).

<sup>193</sup> Fathurrahman Djamil, dkk (2003), *Prinsip-prinsip Hukum Islam (Fiqh) Dalam Transaksi Ekonomi pada Perbankan Syariah*, (Laporan Penelitian, Fakultas Syariah dan Hukum UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, 2003), h.153.

- b) Aturan perundangan yang menjadi dasar hubungan undang-undang kedua pihak tidak jelas, kurang lengkap, atau belum ada aturan pelaksanaannya. Dengan demikian, kedua-dua pihak berfikir dan bertindak menurut kehendak dan cara mereka sendiri (tidak ada persamaan persepsi)
- c) Terjadi keadaan darurat (*force majeure*) yang tidak dapat diatasi oleh sesiapa, termasuk kedua-dua pihak. Dalam hal ini, pihak perbankan menuntut pelanggan bertanggung jawab, sedangkan pelanggan menolak tanggungjawab, kerana mereka tidak bersalah.<sup>194</sup>

Perselisihan yang terjadi di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, kebanyakannya berlaku pada produk pembiayaan. Pada produk simpanan juga dapat terjadi perselisihan faham, akan tetapi ia lebih sedikit dibandingkan dengan perselisihan yang terjadi pada produk pembiayaan. Perselisihan dalam hal pembiayaan biasanya terjadi pada objek perjanjian atau salah satu pihak tidak dapat melaksanakan perjanjian yang telah disepakati atau tidak dapat menjalankan kewajibannya.

Dapatan kajian mengenai perselisihan faham yang terjadi di antara pelanggan dengan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh mendapati bahawa ada timbul perselisihan faham di antara pelanggan dengan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Daripada 214 responden, 137 responden atau 64% menyatakan tidak timbul perselisihan berkaitan dengan konsep akad dan pembiayaan mudharabah. Manakala responden selebihnya menyatakan 'ya', pernah timbul perselisihan antara pelanggan dengan Bank Muamalat Indonesia berkaitan dengan kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah, iaitu seramai 77 responden atau 36%. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual 4.6.1 di bawah ini.

---

<sup>194</sup> Abdul Kadir Muhammad dan Rilda Murniati (2000), *Seri Hukum Badan Keuangan dan Pembiayaan*, Bandung: PT. Citra Aditya Bakti, h.6.

**Jadual 4.6.1: Perselisihan Faham Berkaitan Kefahaman Akad Mudharabah**

Kategori	Responden	Peratus (%)
Ya	77	36.0
Tidak	137	64.0
Total	214	100.0

Ada beberapa faktor yang menyebabkan pelanggan berselisih faham dengan Bank Muamalat Indonesia, seperti: mungkin pelanggan tidak mengerti isi akad mudharabah, atau mereka tidak membaca isi akad mudharabah tersebut. Daripada 77 responden yang pernah berselisih faham dengan perbankan, secara purata mereka tidak membaca akad yang tertulis dalam kandungan akad. Seramai 49 responden atau 63.63% menyatakan setuju. Daripada responden yang berselisih faham ramai di antara mereka yang tidak membaca akad yang tertulis, mungkin kerana kandungan akad sangat panjang sehingga pelanggan langsung menyetujuinya. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.6.2: Perselisihan faham terjadi kerana tidak membaca akad yang tertulis**

Kategori	Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	2	2.60
Tidak setuju	5	6.49
Tidak pasti	21	27.27
Setuju	37	48.05
Sangat setuju	12	15.58
Total	77	100

Penyebab lain terjadinya perselisihan faham di antara pelanggan dengan nasabah adalah kerana tidak faham isi akad mudharabah. Secara purata, responden bersetuju bahawa mereka tidak faham isi akad mudharabah, sehingga terjadi perselisihan faham, seramai 49 responden daripada 77 responden yang berselisih faham menyatakan setuju dan sangat setuju atau 64%, 19 responden menyatakan tidak pasti (25%) dan 9

responden menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju (11%). Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.6.3: Perselisihan faham terjadi kerana tidak faham isi akad mudharabah**

Kategori	Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	1	1
Tidak setuju	8	10
Tidak pasti	19	25
Setuju	40	52
Sangat setuju	9	12
Total	77	100

Daripada jadual 4.6.2 dan 4.6.3 dapat diketahui bahawa pengetahuan pelanggan terhadap penyebab terjadi perselisihan faham lebih daripada 50%, responden telah mengetahui bahawa penyebab terjadi perselisihan kerana tidak membaca akad sebanyak 63.63% dan tidak faham akad sebanyak 64%.

Peringkat awal perselisihan yang terjadi di antara pelanggan dengan Bank Muamalat Indonesia akan diselesaikan secara kekeluargaan, pada peringkat ini, pelanggan dan pihak perbankan akan membincangkan permasalahan yang terjadi dan akan menyelesaikannya dengan kedua pihak sahaja, tanpa memerlukan pihak lain sebagai penengah. Secara purata, responden bersetuju bahawa perselisihan yang terjadi pada peringkat ini akan diselesaikan secara kekeluargaan, seramai 54 responden daripada 77 responden menyatakan setuju dan sangat setuju (71%), 17 responden menyatakan tidak pasti (22%), dan 6 responden menyatakan tidak setuju (8%). Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.6.4: Perselisihan Faham akan Diselesaikan dengan Cara Kekeluargaan**

Kategori	Responden	Peratus (%)
Tidak setuju	6	8
Tidak pasti	17	22
Setuju	42	54
Sangat setuju	12	16
Total	77	100

Cara penyelesaian pada peringkat kedua ialah penyelesaian perselisihan faham dengan suluh atau perdamaian, pada peringkat ini perselisihan faham akan diselesaikan secara perdamaian. Penyelesaian dengan cara ini boleh dilakukan di antara pelanggan dan pihak perbankan sahaja, akan tetapi kebiasaannya cara ini membabitkan pihak lain untuk menjadi penengah. Penengah dalam menyelesaikan perkara dalam tahap ini disebut dengan Arbitrase<sup>195</sup>.

Secara purata, responden bersetuju menyelesaikan perselisihan faham dengan cara perdamaian, seramai 61 responden menyatakan setuju dan sangat setuju (80%), 15 responden menyatakan tidak pasti (15%), dan hanya seorang responden sahaja yang menyatakan tidak setuju (1%). Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.6.5: Perselisihan faham diselesaikan dengan suluh (perdamaian)**

Kategori	Responden	Peratus (%)
Tidak setuju	1	1
Tidak pasti	15	19
Setuju	52	68
Sangat setuju	9	12
Total	77	100

Selanjutnya, penyelesaian perselisihan faham juga dapat dilakukan melalui peradilan atau mahkamah, penyelesaian ini adalah cara penyelesaian di peringkat

<sup>195</sup> Arbitrase adalah suatu badan yang ditubuhkan oleh kerajaan Indonesia untuk penyelesaian perselisihan faham (sila rujuk muka surat 153)

terakhir jika perselisihan faham tidak dapat diselesaikan dengan kekeluargaan mahupun perdamaian. Secara purata, responden yang tidak setuju dengan responden yang setuju sama ramai, 26 responden menyatakan setuju dan sangat setuju (34%), 26 responden pula menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju (33%), dan 25 responden menyatakan tidak pasti (32%). Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.6.6: Perselisihan faham diselesaikan melalui peradilan/mahkamah**

Kategori	Responden	Peratus (%)
Sangat tidak setuju	1	1
Tidak setuju	25	32
Tidak pasti	25	32
Setuju	22	29
Sangat setuju	4	5
Total	77	100

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah responden yang menyatakan setuju dan sangat setuju dengan responden yang menyatakan tidak setuju dan sangat tidak setuju sama jumlah nya, iaitu masing-masing seramai 34%. Hal ini menunjukkan bahawa sesetengah responden bersetuju penyelesaian perselisihan faham melalui peradilan atau mahkamah dan sesetengah lain tidak setuju. Manakala 32% menjawab tidak pasti. Jadi, pengkaji cenderung menafsirkan bahawa jawapan tidak pasti dengan tidak setuju. Oleh kerana itu, pengkaji menyimpulkan bahawa kebanyakan responden tidak bersetuju perselisihan faham diselesaikan melalui peradilan atau mahkamah.

Analisis pengkaji sebelumnya didukung dengan temuan dalam tesis (Nilam Sari, 2006) yang menyebutkan bahawa kebanyakan perkara perselisihan yang terjadi di antara pelanggan dengan Bank Muamalat Indonesia diselesaikan oleh Badan Arbitrase Muamalat Indonesia (BAMUI)<sup>196</sup>. Hal ini menunjukkan bahawa penyelesaian

<sup>196</sup> Nilam Sari (2006), *Badan Arbitrase Muamalat Indonesia (BAMUI) dan Pengaruhnya ke atas Bank Muamalat Indonesia*, (Tesis Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), h. 292-304.

perselisihan faham yang terjadi di antara pelanggan dengan BMI hanya sampai pada peringkat arbitrase, tidak sampai kepada peringkat mahkamah.

## 4.7 Analisis Data Tahap Kefahaman dan Kepuasan Responden

### 4.7.1 Dapatan dan Analisis Tahap Kefahaman


Dapatan kajian daripada kajian yang dijalankan di Bank Muamalat Indonesia telah dijelaskan dalam bahagian sebelumnya berupa penjelasan item soalan. Dalam bahagian ini, pengkaji telah menggabungkan item-item soalan yang terdapat dalam 4.3.1 hingga 4.5.6 menjadi satu pemboleh ubah iaitu kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah. Item-item soalan tersebut digabungkan menjadi satu pemboleh ubah dengan mengubah (*transform*) dan mengira (*compute*) ke semua item menjadi satu pemboleh ubah dengan menggunakan perisian SPSS. Daripada pemboleh ubah tersebut pengkaji mencari peratusan kefahaman pelanggan daripada data yang telah dimasukkan ke dalam perisian SPSS.

Jadual 4.7.1a menunjukkan bahawa sebanyak 124 responden atau 57% bersetuju bahawa mereka telah faham akad mudharabah, 19 responden atau 8.9% menyatakan sangat setuju, 70 responden atau 32.7% yang menyatakan tidak pasti, dan 1 responden atau 0.5% menyatakan tidak setuju. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual 4.7.1a di bawah ini.

**Jadual 4.7.1a: Kefahaman Pelanggan Terhadap Akad Mudharabah dan Pembahagian Keuntungan**

Kategori	Responden	Peratus (%)
Tidak setuju	1	0.5
Tidak pasti	70	32.7
Setuju	124	57.9
Sangat setuju	19	8.9
Total	214	100.0

Jadual 4.7.1a di atas menunjukkan, daripada hasil kajian mendapati bahawa lebih 50% responden telah memahami akad mudharabah. Hal ini disokong dengan data tentang timbulnya perselisihan faham di antara pelanggan dengan pihak perbankan, dapatan tersebut juga mendapati bahawa hanya 36% sahaja yang pernah mengalami perselisihan dengan bank (lihat jadual 4.6.1). Untuk lebih jelas mengenai peratusan kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah, pengkaji juga memaparkan dalam bentuk rajah 4.7.1 seperti di bawah ini.



**Rajah 4.7.1: Kefahaman Pelanggan Terhadap Akad Mudharabah**

Daripada rajah 4.7.1 di atas dapat diketahui bahawa secara purata pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh telah faham terhadap akad mudharabah. Sebanyak 57% responden bersetuju bahawa mereka telah faham akad mudharabah dan pembahagian keuntungan, 8.9% menyatakan sangat setuju, 32.7% yang menyatakan tidak pasti, dan 0.5% menyatakan tidak setuju.



Secara purata, jumlah responden untuk kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah adalah seramai 214 responden, skor purata kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dan pembahagian keuntungan adalah 3.75, nilai tengah 3.71, sisihan piawai 0.612, nilai minimum 2, dan nilai maximum 5. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual 4.7.1.b di bawah ini.

**Jadual 4.7.1b: Analisis Kefahaman Pelanggan Terhadap Akad Mudharabah**

Jumlah responden		Kategori	Nilai
Valid	214	Putara	3.75
Missing	0	Nilai Tengah	3.71
		Sisihan piawai	.612
		Minimum	2
		Maximum	5

Daripada Jadual 4.7.1b di atas dapat diketahui bahawa analisis deskriptif SPSS mendapati skor purata jawapan responden terhadap kefahaman akad mudharabah adalah 3.74 dengan jawapan minimum adalah 2 dan jawapan maksimum adalah 5 daripada 214 responden. Nilai tengah pula didapati dengan skor 3.71. Manakala sisihan piawai pula, jika dijadikan kuasa kedua, maka dapat diketahui bahawa skor sisihan piawai lebih besar berbanding dengan skor purata, ini bermakna taburan di sekeliling min lebih luas.

Dapatan kajian mengenai kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah sama dengan yang didapati oleh Aiyub<sup>197</sup> bahawa 59% responden telah mengetahui bahawa faedah dalam perbankan adalah haram, manakala kajian ini mendapati 57.9% pelanggan terhadap akad mudharabah yang merupakan alternatif daripada faedah. Akan tetapi responden kajian Aiyub adalah masyarakat Aceh, sedangkan responden kajian ini masyarakat Aceh yang berlanggan di Bank Muamalat Indonesia.

<sup>197</sup> Aiyub (2007). Potensi, preferensi dan perilaku masyarakat terhadap bank syariah di Nanggroe Aceh Darussalam. *Jurnal Arthavidya*, 8(2), h. 183-193.

#### 4.7.2 Dapatan dan Analisis Kepuasan Terhadap Pembahagian Keuntungan

Selain menanyakan pasal kefahaman terhadap akad mudharabah, pengkaji juga menanyakan kepuasan pelanggan terhadap nisbah pembahagian keuntungan yang diberikan oleh Bank Muamalat Indoensia cawangan Banda Aceh.


Secara purata, pelanggan telah berpuas hati terhadap nisbah pembahagian keuntungan yang diberikan oleh Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Kajian yang telah dijalankan di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh mendapati bahawa seramai 107 responden atau 50% menyatakan berpuas hati, 54 responden atau 25.2% menyatakan sangat berpuas hati, 47 responden atau 22% menyatakan tidak pasti, dan 6 responden atau 2.8% menyatakan tidak puas. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual 4.7.2 di bawah ini.

**Jadual 4.7.2: Kepuasan Pelanggan Terhadap Nisbah Pembahagian Keuntungan**

Kategori	Responden	Peratus (%)
Sangat puas	54	25.2
Puas	107	50.0
Tidak pasti	47	22.0
Tidak puas	6	2.8
Total	214	100.0

Jadual 4.7.2 di atas menunjukkan bahawa meskipun ramai daripada responden tidak pasti cara perhitungan pembahagian keuntungan di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh (43.5%) (lihat Jadual 4.5.6), akan tetapi majoriti pelanggan (75.2%) Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh berpuas hati dengan nisbah pembahagian keuntungan yang diberikan oleh Bank Muamalat Indonesia. Hal ini bermakna, pembahagian keuntungan yang diberikan oleh Bank Muamalat Indonesia sudah sesuai dengan yang diharapkan oleh pelanggan. Untuk lebih jelasnya, peratusan

kepuasan pelanggan terhadap nisbah pembahagian keuntungan pada Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh dapat dilihat pada rajah 4.7.2 dibawah ini:



**Rajah 4.7.2: Kepuasan Pelanggan Terhadap Nisbah Pembahagian Keuntungan**

Daripada rajah 4.7.2 di atas dapat diketahui bahawa secara purata pelanggan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh telah puas dengan nisbah pembahagian yang diberikan oleh bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Pelanggan merasa puas mungkin kerana pembahagian yang diberikan oleh Bank Muamalat Indonesia sudah sesuai dengan apa yang mereka laburkan atau mereka pinjamkan.

#### **4.8 Analisis Kaitan Antara Tahap Kefahaman Dengan Perselisihan Faham**

Kajian mendapati adanya kaitan di antara kefahaman terhadap akad mudharabah dengan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham atau pengetahuan responden terhadap penyebab terjadi perselisihan faham. Secara purata, skor purata pemboleh ubah

kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dengan jumlah 214 responden adalah 3.75 dengan sisihan piawai 0.612. Hal ini menunjukkan bahawa taburan respon yang tersebar di sekeliling min lebih luas.

Manakala skor purata pemboleh ubah kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham dengan jumlah 77 responden adalah 3.60 dengan sisihan piawai 0.565. Hasil purata dan sisihan piawai ini pula menunjukkan bahawa taburan respon responden terhadap pemboleh ubah ini tersebar dengan lebih luas terhadap min. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual di bawah ini.

**Jadual 4.8.1: Analisis Data Deskriptif Korelasi**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Purata</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Jumlah Responden</b>
Kefahaman pelanggan terhadap akad Mudharabah	3.75	.612	214
Kefahaman pelanggan terhadap Perselisihan faham	3.60	.565	77

Secara umum, nilai signifikan yang selalu digunakan adalah 0.01, 0.05 dan 0.001. Signifikan pada nilai  $p=0.01$  bermaksud bahawa hasil kajian mempunyai 99% menyerupai populasi yang dikaji, nilai  $p=0.05$  bermaksud bahawa hasil mempunyai tingkat kepercayaan 95%, dan nilai  $p=0.001$  bermaksud bahawa kajian tersebut berlaku secara kebetulan. Nilai signifikan yang didapati dalam kajian ini adalah  $p=0.031$ , iaitu kurang daripada  $p<0.05$ . Jika pekali atau  $r=0.91$  sampai  $r=1.00$ , ini menunjukkan hubungan yang kuat di antara kedua pemboleh ubah, manakala  $r=0.1$  adalah hubungan yang lemah.

Berdasarkan dapatan analisis deskriptif statistik korelasi pemboleh ubah kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dengan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham dengan jumlah 214 responden ialah 0.214. Analisis data tersebut menunjukkan hubungan sederhana (positif kecil) di antara kefahaman

pelanggan terhadap akad mudharabah dengan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham dan menunjukkan semakin tinggi tahap kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah semakin tinggi pula kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham. Dapatan juga menunjukkan adanya korelasi yang signifikan di antara kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dan pembahagian keuntungan dengan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham. Untuk lebih jelasnya daripada pemboleh ubah tersebut di atas, sila rujuk jadual di bawah ini.

**Jadual 4.8.2: Analisis Dapatan Korelasi**

<b>Pemboleh ubah</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham</b>	<b>Kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah</b>
Kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham	Pearson Correlation	1	.214(*)
	Sig. (1-tailed)	.	.031
	N	77	77
Kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah	Pearson Correlation	.214(*)	1
	Sig. (1-tailed)	.031	.
	N	77	214

\* Korelasi signifikan pada level 0.05 (1-tailed).

Jadual di atas menunjukkan bahawa ada kaitan atau hubungan di antara kefahaman pelanggan dengan pengetahuan terjadi perselisihan faham, meskipun hubungan tersebut positif kecil. Pekali korelasi kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dengan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham adalah  $r=0.214$ . Skor tersebut menunjukkan bahawa hubungan di antara pemboleh ubah kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dengan pemboleh ubah kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham adalah positif kecil. Maka ini bererti semakin tinggi tingkat kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah maka semakin tinggi pula kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham yang terjadi, begitu juga sebaliknya.

Hal ini menunjukkan bahawa kefahaman pelanggan terhadap akad mudharabah dengan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham mempunyai hubungan di antara kedua pemboleh ubah tersebut, dan di antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain akan saling mempengaruhi, sehingga jika kefahaman terhadap akad mudharabah semakin tinggi maka kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham juga akan tinggi.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa, tahap kefahaman pelanggan harus ditingkatkan supaya kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham juga meningkat. Jika kefahaman pelanggan meningkat, maka kemungkinan terjadi perselisihan akan semakin rendah, disebabkan pelanggan telah mengetahui sebab terjadi perselisihan tersebut. Oleh kerana itu, mengetahui isi kandungan akad mudharabah merupakan salah satu cara yang harus dilakukan oleh pelanggan untuk meningkatkan pengetahuan terhadap perselisihan yang akan terjadi.

Manakala nilai signifikan yang didapati dalam kajian ini adalah  $p=0.031$  pada tahap  $p<0.05$ . Ini bermakna hasil kajian ini adalah signifikan dan bukan berlaku secara kebetulan (*by chance*). Nilai signifikan ( $p<0.031$ ) adalah lebih kecil daripada 0.05, ini menunjukkan bahawa sampel yang diambil dalam kajian ini telah menyerupai populasi yang dikaji dan mendapati bahawa kajian ini adalah signifikan. Tahap kepercayaan (*confidence interval*) kajian ini adalah sebesar 95%, ini menunjukkan bahawa kajian ini bukan didapati secara kebetulan.

#### **4.9 Analisis Cara Penyelesaian Perselisihan Faham**

Secara am, penyebab terjadinya perselisihan faham di antara pelanggan dengan Bank Muamalat adalah kerana pelanggan tidak faham kandungan akad yang diberikan oleh pihak perbankan. Daripada 77 responden yang pernah berselisih faham dengan Bank

Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, seramai 41 responden atau 53% menyatakan tidak faham kandungan akad mudharabah, 18 responden atau 23% menyatakan kandungan akad tidak jelas, 16 responden atau 21% menyatakan disebabkan oleh ingkar janji, dan 2 responden menyatakan lain-lain (tidak membaca akad mudharabah) seramai 3%. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual 4.9.1 di bawah ini.

**Jadual 4.9.1: Penyebab Terjadinya Perselisihan Faham**

<b>Kategori</b>	<b>Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ingkar janji	16	21
Kandungan akad tidak jelas	18	23
Tidak memahami kandungan akad	41	53
Lain-lain	2	3
Total	77	100

Dapatan ini memperkuat hubungan kefahaman dengan perselisihan yang telah dijelaskan sebelum ini, ini menunjukkan 53% penyebab terjadi perselisihan adalah kerana tidak faham kandungan akad. Oleh kerana itu, hal ini perlu diambil kira oleh pelanggan untuk memahami kandungan akad dan pihak perbankan untuk memberikan penjelasan sekiranya diperlukan oleh pelanggan.

Ada tiga cara penyelesaian yang biasanya ditempuh jika terjadi perselisihan, di antaranya ialah: pertama, dengan cara kekeluargaan, kedua, suluh atau perdamaian, dan ketiga dengan peradilan atau mahkamah. Jadual 4.8.2 menunjukkan bahawa seramai 54 responden (25.2%) menyatakan setuju bahawa penyelesaian perselisihan dengan cara kekeluargaan, 17 responden (7.9%) menyatakan tidak pasti, 6 responden (2.8%) menyatakan tidak setuju, dan seramai 137 responden (64%) tidak menjawab, kerana mereka tidak pernah mengalami perselisihan dengan Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh. Untuk lebih jelas, sila rujuk kepada jadual 4.9.2 di bawah ini.

**Jadual 4.9.2: Cara Penyelesaian Perselisihan Faham**

Cara penyelesaian perselisihan	Kategori						Jumlah Responden
	Setuju	%	Tidak Pasti	%	Tidak setuju	%	
Keluargaan	54	70	17	22	6	8	77
Suluh (perdamaian)	61	80	15	19	1	1	77
Peradilan/ mahkamah	26	34	25	32	26	34	77

Jadual 4.9.2 di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa cara penyelesaian yang diambil jika terjadi perselisihan adalah dengan cara perdamaian. Seramai 61 responden daripada 77 responden yang berselisih faham menyatakan setuju menyelesaikan perselisihan faham dengan cara perdamaian. 54 responden bersetuju dengan memilih cara keluargaan sebagai cara penyelesaian perselisihan faham. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai iktikad baik untuk menyelesaikan perselisihan dengan cara baik tanpa membabitkan pihak lain dalam perkara mereka.

#### **4.10 Kesimpulan**

Kajian dengan mengedarkan soal kaji selidik telah dijalankan di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh dengan membabitkan 214 responden, dan daripada kajian tersebut dapat diambil beberapa kesimpulan sebagai berikut:

Analisis profil pelanggan mendapati bahawa majoriti responden adalah lelaki, umur 20 tahun sampai 45 lebih ramai yang menjawab soal selidik berbanding responden yang umur 46 tahun ke atas, responden ijazah sarjana muda lebih ramai berbanding sekolah rendah, tingkatan 3, dan tingkatan 5, pekerja swasta lebih ramai yang menjawab berbanding responden yang bekerja di kerajaan dan bekerja sendiri, responden berpendapatan RM1000-RM2900 lebih ramai berbanding responden RM3000 ke atas,



responden dengan tempoh 1 hingga 5 tahun lebih ramai yang menjawab berbanding responden 6 hingga 15 tahun. Manakala responden lebih ramai yang berlanggan produk Tabungan Muamalat berbagai produk lain iaitu sebanyak 79.4% peratus.

Tahap kefahaman pula mendapati bahawa secara purata responden telah faham terhadap akad mudharabah di Bank Muamalat Indonesia. Sebanyak 124 responden atau 57% bersetuju bahawa mereka telah faham akad mudharabah dan pembahagian keuntungan. Secara purata, pelanggan telah berpuas hati terhadap nisbah pembahagian keuntungan yang diberikan oleh Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh.

Kajian mendapati pula ada kaitan di antara kefahaman terhadap akad mudharabah dengan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham perselisihan faham. Hasil analisis korelasi Pearson mendapati skor korelasi kefahaman dengan kefahaman pelanggan terhadap perselisihan faham adalah  $r=0.214$  dengan signifikan level 0.05 (1-tailed). Ini menunjukkan adanya hubungan positif kecil di antara kefahaman dengan pengetahuan terjadi perselisihan faham pada tingkat kepercayaan 95%.

Perselisihan faham yang terjadi di antara perbankan dengan pengguna akan diselesaikan dengan perdamaian. Perselisihan yang terjadi di Bank Muamalat Indonesia cawangan Banda Aceh, kebanyakannya berlaku pada produk pembiayaan.

## BAB V

### PENUTUP

#### 5.1. Kesimpulan

Akad mudharabah adalah akad kerjasama antara pemilik modal dengan pengelola usaha dengan memberikan sesuatu barang untuk diusahakan dengan ketentuan dan syarat yang disepakati oleh kedua pihak. Konsep mudharabah dalam Bank Muamalat Indonesia ditetapkan berdasarkan Fatwa Dewan Syariah Nasional, pelaksanaan akad mudharabah yang dilaksanakan oleh Bank Muamalat Indonesia sesuai dengan konsep dalam Fiqh Muamalah dan juga mengacu pada peraturan Bank Muamalat Indonesia dan Bank Indonesia.

